

[Dokumen ini belum disemak]

**PARLIMEN KESEBELAS****PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA****Bil. 1***Selasa***3 Mei 2005****K A N D U N G A N****PENGUMUMAN TUAN YANG DIPERTUA:**

- Mengangkat Sumpah (Halaman 1)
- Mengalu-alukan Ahli-Ahli Baru (Halaman 1)
- Mengangkat Sumpah Di Luar Dewan (Halaman 2)
- Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong (Halaman 2)
- Memperkenankan Akta-akta (Halaman 3)
- Cuti Kepada Ahli - Kebenaran (Halaman 3)
- Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Halaman 4)

**URUSAN MESYUARAT**

(Halaman 5)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 5)

**USUL-USUL:**

- Jalan-jalan Menuju Parlimen (Halaman 29)
- Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong (Halaman 30)

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Selasa, 3 Mei 2005**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

1. Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad;
2. Yang Berhormat Tuan Chua Kim Chuan.

**MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan tahniah di atas pelantikan Yang Berhormat-Yang Berhormat sebagai Ahli-ahli Dewan Negara. Yang Berhormat tentu sedia maklum Dewan Negara diberi peranan yang tersendiri oleh Perlembagaan Persekutuan di bawah sistem pemerintahan negara kita supaya mendukung prinsip *check and balance* serta akauntabiliti pemerintah. Abdikanlah diri untuk menyerlahkan peranan tersebut betapakah Dewan Negara relevan kepada sistem dan perjalanan pemerintahan negara.

Jawapan kepada persoalan tersebut banyak bergantung kepada peranan yang dipaparkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam memikul tugas sebagai ahlinya. Perlembagaan negara telah menetapkan supaya Dewan Negara wujud dan diberi fungsi untuk menyemak dan mengulang kaji perundangan, meneliti isu-isu nasional, sambil mewakili kepentingan-kepentingan negeri-negeri, minoriti dan sektor.

Amatilah sepenuhnya fungsi dan tugas tersebut agar Dewan Negara terus relevan dan dihormati. Selamat bertugas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, maka selesailah Majlis Mengangkat Sumpah pada hari ini. Terima kasih.

### **MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah di kamar Yang di-Pertua Dewan Negara mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

**Pada 17 Februari 2005:**

1. Yang Berhormat Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya;
2. Yang Berhormat Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson;

### **TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 21 Mac 2005, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Seri Baginda itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan dibentangkan di atas meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi.

*[Teks Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dilampirkan]*

### **MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 2004;
2. Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 2004;
3. Akta Perbekalan Tambahan 2004;
4. Akta Agensi Antidadah Kebangsaan 2004;
5. Akta Ordinan Buruh Sabah (Pindaan) 2004;
6. Akta Ordinan Buruh Sarawak (Pindaan) 2004;
7. Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004;
8. Akta Perbekalan 2005;
9. Akta Kewangan 2005;
10. Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Pindaan)2004;
11. Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2004;
12. Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2004;
13. Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 2004;
14. Akta Laporan Kewangan (Pindaan) 2004;
15. Akta Sewa Beli (Pindaan) 2004; dan
16. Akta Perlembagaan (Pindaan) 2005

### **CUTI KEPADA AHLI – KEBENARAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat saya suka hendak memberi tahu Majlis ini iaitu saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Puan Halimah binti Hamzah dari 3 Mei 2005 hingga 10 Mei 2005.

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah menerima suatu keputusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

“28 April 2005

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Kawalan Pertukaran Wang (Pindaan) 2005;
2. Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan (Pindaan) 2005;
3. Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 2005;
4. Rang Undang-undang Konvensyen Senjata Kimia 2004;
5. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2005
6. Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2005; dan
7. Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan (Pindaan) 2005.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.”

## URUSAN MESYUARAT

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibaca kali yang kedua dan ketiganya di dalam Mesyuarat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

### JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta Perdana Menteri menyatakan syarat-syarat yang dikenakan dan pemantauan yang dilakukan kepada syarikat yang memohon untuk mendapatkan logo Halal dari pihak JAKIM. Apakah tindakan yang akan diambil terhadap syarikat yang telah diberikan tanda logo Halal tetapi tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dan bilangan pegawai JAKIM yang ditugaskan untuk mengendalikan perkara ini.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat yang dikenakan kepada syarikat yang memohon untuk mendapatkan sijil halal dari JAKIM ialah:

- (i) pertama syarikat hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- (ii) mempunyai lesen operasi yang masih sah dari pihak berkuasa tempatan;
- (iii) syarikat perniagaan ataupun pengedar hendaklah mengeluarkan produk halal sahaja dan kilang-kilang pemprosesan produk tersebut beroperasi di Malaysia; dan
- (iv) syarikat dikategorikan dalam multi nasional dan industri kecil dan sederhana perlu mempunyai jawatankuasa halal dalaman dan melantik eksekutif hal ehwal Islam bagi mengendalikan dan memastikan pematuhan piawaian halal.

Bagi industri kecil disyaratkan mempunyai minimum dua pekerja Islam di bahagian pengeluaran. Bagi premis makanan sekurang-kurangnya dua tukang masak Islam, tidak menjual minuman keras atau benda-benda yang diharamkan di premis, dan bagi rumah sembelih semua penyembelih perlu mempunyai tauliah sembelih yang sah dari mana-mana Jabatan Agama Islam Negeri.

Pemantauan ke atas syarikat yang telah mendapat sijil halal JAKIM, syarikat yang mendapat sijil halal JAKIM akan dipantau sekurang-kurangnya dua kali setahun dan pemantauan lebih kerap akan dilakukan kepada premis-premis yang berisiko seperti rumah sembelih dan premis makanan, manakala jenis-jenis pemantauan ialah pemantauan berkala, pemantauan berdasarkan kepada aduan dan tindakan hanya akan diambil berdasarkan kepada jenis kesalahan di dalam pemantauan seperti kesalahan kecil, kesalahan besar ataupun kesalahan serius.

Bilangan pegawai JAKIM yang mengendalikan perkara ini keseluruhannya ialah seramai 28 orang, daripada jumlah tersebut enam orang adalah pegawai yang bertanggungjawab dalam pemantauan dan penguatkuasaan. Terima kasih.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji balik logo Halal ini sesuai dengan fiqh Islam, kita lihat bagaimana dari segi hukum Islam itu semua perkara adalah mubah harus.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan cukup jelas Yang Berhormat.

**Puan Ziti Zailah binti Mohd. Yusoff:** ...saya hendak tanya dari segi logo, adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan logo haram yang sepatutnya dilogokan sebab yang haram itu lebih sedikit berbandingkan yang halal maksud saya. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan logo haram kerana yang ada di dalam Akta kita sekarang hanyalah logo Halal sahaja. Terima kasih.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Lepas ini Dato' Musa.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah memandangkan pegawai yang begitu sedikit sahaja bilangannya untuk tugas

pemantauan dan sebahagiannya bagaimana Malaysia dapat mencapai satu pemasaran produk-produk halal yang lebih luas, kalau di tempat luar itu mereka tidak ada keyakinan tentang proses pemantauan ini. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat Dato', sebenarnya bila saya menyebut bahawa jumlah pegawai yang mengendalikan persijilan haram ini seramai 28 orang, mereka adalah pegawai daripada JAKIM dan pihak JAKIM sebenarnya bekerjasama dengan KPDHEP, jadi pegawai daripada JAKIM sahaja seramai 28 orang dan baru-baru ini kita telah menambah seramai 78 orang lagi pegawai yang mendapat kad kuasa pada negeri-negeri yang lain, jadi saya rasa dengan jumlah seramai 78 ditambah lagi kita dibantu oleh pegawai-pegawai daripada KPDM setakat ini kita mampu menjalankannya. Terima kasih.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, saya lihat tadi jawapan daripada Yang Berhormat iaitu 28 orang pegawai yang akan memantau di seluruh negara, adakah kementerian bercadang untuk menambah lagi pegawai ini dan adakah JAKIM ini hanya mengeluarkan logo Halal sahaja dan tindakan penguatkuasaan dilakukan oleh kementerian lain? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh jawab bahagian dua soalan sebab bahagian pertama telah pun terjawab.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat menjawab kepada soalan pertama tadi telah dijawab, dan memang kita bercadang untuk meminta tambahan lagi daripada pegawai-pegawai yang ada, itu soalan yang kedua. Terima kasih.

2. **Puan Siw Chun a/p Eam** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan senarai produk-produk buatan Malaysia yang telah berjaya di pasaran antarabangsa.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mengeksport pelbagai jenis barangan pasaran antarabangsa di mana 78.4% adalah terdiri daripada barangan kilangan. Pada tahun 2004 produk-produk utama eksport negara merangkumi barangan elektrik dan elektronik dengan jumlah eksport sebanyak RM241.48 bilion iaitu



50.2% dari jumlah eksport. Bahan kimia dan produk kimia dengan jumlah eksport sebanyak RM24.94 bilion iaitu 50.2% mesin perkakasan dan alat ganti RM15.57 bilion (32%), produk-produk perkayuan RM14.7 bilion (2.9%), peralatan optik dan saintifik – RM11.5 bilion (2.4%), tekstil dan pakaian RM9.69 bilion (2%), barangan pembuatan bahan besi RM9.62 bilion (2%), produk besi dan keluli – RM7.24 bilion (1.5%), produk getah RM6.18 bilion (1.3%), dan bahan makanan yang diproses RM6.05 bilion (1.3%).

Antara jenama-jenama dari Malaysia yang telah menembusi pasaran antarabangsa ialah Proton, PETRONAS, Bonia, MODENAS, SKIN, SAPURA, Sime Tyres, Spicer, Suppermat, Spansonic, Brahims, Lurea, Habib Pesific West, Carotino, Skylift, Royal Selangor, Mummi & Covert, Carros Kebab, Epiton, dan Mancis. Terima kasih.

**Tuan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kementerian untuk menghadapi persaingan hebat pasaran antarabangsa akibat kemunculan negara China sebagai gergasi ekonomi dunia dan nyatakan 10 negara yang paling banyak membeli barangan buatan Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi menghadapi persaingan termasuk negara China, kita melihat dua aspek. Pertama, dari segi aspek penawaran iaitu memperkukuhkan industri kita untuk melahirkan produk-produk yang berkualiti, yang mempunyai produk *niche* serta kita melihat sekarang kepada aspek *branding*.

Yang keduanya, kita melihat kepada keperluan pasaran di mana kita sedang berusaha untuk meningkatkan *access* pasaran kita melalui FDA sama ada kita dengan negara lain ASEAN ataupun ASEAN dengan China. Di samping itu, kerajaan menyediakan beberapa kemudahan, antaranya kita mempunyai misi perdagangan dan perindustrian; kita ada mission; dan kita terlibat dalam *trade fair* di merata dunia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari segi *trade mission* kita. Pada tahun lalu sahaja kita mempunyai lapan *trade mission* melibatkan mesyuarat di luar negara dengan *networking* kita melibatkan 3,335 buah syarikat di mana akhirnya kita dapat menjual RM244 juta produk dari segi *actual sale* dan RM179.9 juta dari segi *potential sale*. Inilah perkara-perkara yang kita lakukan.

Dari segi negara-negara terbesar yang mengimport produk kita;

- (i) negara ASEAN meliputi 20.51%;
- (ii) USA – 18.8%;
- (iii) EU ( kita kelompokkan dalam satu rantau) sebanyak 12.6% ;
- (iv) Jepun – 10.1%;
- (v) China – 6.7%;
- (vi) Hong Kong – 6%;
- (vii) Republik of Korea – 3.5%;
- (viii) Australia – 3.3%;
- (ix) Taiwan – 3.3%; dan
- (x) India – 2.4%.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Saya ingin tahu kedudukan penjualan kereta Proton di Eropah khususnya di United Kingdom dan kenapakah kita menggunakan iklan '*Buy Malaysian Car the Japanese Technology.*' Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi jualan kita di luar negara, kita masih lagi pada peringkat bilangan yang minimum. Kita belum lagi di peringkat yang mana kita dapat bersaing dengan negara-negara Jepun ataupun negara Korea dan perkara ini sedang diambil tindakan melalui pihak Proton dalam persaingan yang begitu luas. Mereka mempunyai strategi-strategi untuk meningkatkan pasaran mereka dan mereka telah membuat *projection*.

Kita mengatakan projek Malaysia dan itu merupakan satu strategi yang dijalankan oleh Proton sebagai satu produk *differentiated* ini adalah produk daripada negara Malaysia.

3. **Tuan Tan Bon You** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk meminda undang-undang yang lapuk bagi memartabatkan kesesuaiannya mengikut keadaan semasa dan jika ada, adakah suatu tempoh masa ditetapkan bagi melaksanakan pindaan tersebut.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Pihak kerajaan memang

menyedari bahawa masih terdapat undang-undang yang lapuk dan tidak sesuai dengan keadaan semasa. Di peringkat Persekutuan, Jabatan Peguam Negara sentiasa mengkaji undang-undang yang sedia ada melalui proses pindaan, penyemakan dan pembaharuan undang-undang untuk disesuaikan dengan kehendak dan keadaan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, proses meminda, menyemak dan memperbaharui undang-undang yang lapuk dan tidak sesuai dengan keadaan semasa sentiasa berterusan. Bagaimanapun, suatu tempoh masa tertentu tidak dapat ditetapkan untuk melaksanakan proses tersebut. Memandangkan wujudnya bilangan yang besar, undang-undang di peringkat Persekutuan dan negeri maka sudah tentunya proses ini akan mengambil masa. Juga tindakan bagi meminda, menyemak dan memperbaharui sesuatu undang-undang memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak termasuk pihak awam, kementerian atau agensi yang berkaitan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini menepati fungsi utama Dewan Negara iaitu menyemak dan mengulang kaji perundangan (*legislation*).

**Tuan Tan Bon You:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato'. Soalan tambahan saya adakah ini akan merangkumi pindaan yang betul mewujudkan kepada ketidakseragaman di antara negeri-negeri.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Yang Berhormat. Di peringkat Persekutuan kita ada lebih daripada 600 undang-undang. Angka yang tetap adalah 646. Di peringkat negeri kita mempunyai lebih kurang 4,000 undang-undang. Ini adalah daripada kuasa-kuasa negeri. Untuk seragamkan semua undang-undang di peringkat negeri itu adalah sukar dan saya fikir sangat susah kerana undang-undang negeri diwakilkan daripada kuasa-kuasa negeri dan tiap-tiap Dewan Undangan Negeri. Oleh sebab itu, perkara itu tidak boleh.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu apakah ciri-ciri sesuatu undang-undang itu dikira sebagai lapuk dan mana pula yang tidak lapuk? Saya Yang Berhormat beritahu Ahli-ahli Dewan ini kerana Ahli-ahli Dewan hendak sedia mana yang lapuk dan yang mana tidak lapuk sebab kita buat persediaan kalau boleh kita turut samalah membincang perkara-perkara yang lapuk. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Serupalah macam di *House of Commons*, undang-undang *witchcraft* boleh dihukum gantung sehingga mati. Itu dikatakan undang-undang lapuk. Kita bagaimana?

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tidak ada jawap soalan.  
[Ketawa] [Dewan riuh]

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Saya minta Tuan Yang di-Pertua,....

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan Nombor 4.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** ....saya bukan minta soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan yang keempat Yang Berhormat.

4. **Tuan Hassan bin Haji Shukri** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan pekerja asing selepas Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) menolak saranan kerajaan untuk menggunakan sekurang-kurangnya 51 peratus pekerja tempatan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Manusia [Tuan Sazmi bin Miah]:**

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan negara kepada pekerja asing. Penggajian pekerja asing di negara ini adalah sebagai langkah jangka pendek bagi menampung kekurangan pekerja tempatan di dalam sektor-sektor tertentu yang dikenali sebagai tiga D yang melibatkan kerja-kerja dengan izin berbahaya (*dangerous*), yang kotor (*dirty*) dan yang sukar (*difficult*) yang terdapat di sektor perkilangan, perkhidmatan, perladangan, pembinaan, pembantu rumah dan lain-lain yang tidak diminati oleh pekerja-pekerja tempatan.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengurangkan pergantungan negara kepada tenaga pekerja asing adalah seperti berikut:

- (i) menetapkan melalui peraturan supaya semua majikan melaporkan sebarang kekosongan jawatan kepada tenaga kerja dan mengiklankannya untuk pekerja tempatan. Majikan hanya dibenarkan mengambil pekerja asing sekiranya terbukti mereka telah berusaha untuk mendapatkan pekerja tempatan tetapi gagal;
- (ii) majikan digalakkan untuk menjalankan operasi dengan menggunakan teknologi moden yang berintensif modal melalui

automasi dan mekanisasi bagi menggantikan perindustrian yang berintensif buruh;

- (iii) mengadakan pesta pekerjaan dengan izin *job fair* bagi mendapatkan tenaga kerja tempatan untuk mengisikan jawatan-jawatan kosong dan sekali gus mengurangkan pergantungan negara kepada pekerja asing; dan
- (iv) menjalankan latihan untuk pekerja tempatan bagi meningkatkan kemahiran mereka supaya dapat meningkatkan pengeluaran dan mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing.

Terima kasih.

**Tuan Hassan bin Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu adakah kementerian sedar bahawa terdapat kilang-kilang dan juga ladang-ladang besar yang telah mengalami kekurangan pekerja yang begitu serius mengatakan bahawa mereka telah menghadapi kerugian akibat dari ketiadaan pekerja-pekerja yang telah pulang ke Indonesia dan apakah pemantauan telah dibuat oleh kementerian terhadap hal-hal yang seperti ini.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa akan berikan jawapan secara bertulis kerana saya pun menggantikan Timbalan Menteri yang tidak dapat hadir pada hari ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat memerlukan notis.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah apakah faktor-faktor yang menyebabkan persekutuan majikan-majikan itu menolak saranan kerajaan supaya menggunakan pekerja-pekerja tempatan? Terima kasih.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Itu pun saya minta bagi jawapan secara bertulis. Terima kasih.

5. **Puan Hajah Che Jam binti Harun** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak kementerian dalam memastikan kejadian anjing peliharaan menyerang orang ramai di sesuatu kawasan perumahan tidak boleh diambil terhadap pemilik haiwan tersebut dan prosedur pengeluaran lesennya.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Che Jam binti Harun secara serentak dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah binti Mohd Sultan pada hari ini dan Yang Berhormat Tuan Wan Nordin bin Che Murad pada 11 Mei 2005 memandangkan ketiga-tiga soalan tersebut menyentuh perkara yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya benarkan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Terima kasih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran lesen anjing adalah tertakluk kepada Undang-undang Kecil Pelesenan Anjing Pihak Berkuasa Tempatan.

Bagi mendapatkan lesen anjing, pemilik anjing hendaklah terlebih dahulu mendaftarkan perihal anjing dan nama pemilik serta alamatnya di pihak berkuasa tempatan. Pihak berkuasa tempatan seterusnya akan mengeluarkan lencana atau kolar logam yang mempunyai nombor siri ataupun nombor pendaftaran anjing berkenaan. Jika terdapat pertukaran pemilik, maka pemilik baru hendaklah memberitahu pihak berkuasa tempatan yang berkenaan dalam tempoh sebulan.

Di bawah undang-undang kecil tersebut, pemilik anjing yang telah dilesenkan perlu mengambil langkah-langkah munasabah untuk memastikan bahawa anjing mereka tidak menimbulkan sebarang kemudaratan kepada orang lain. Antara tindakan keselamatan utama yang perlu diambil oleh pemilik anjing adalah memastikan anjing tidak merayau-rayau di luar kawasan premis tanpa dikawal melalui ikatan tali.

Anjing juga tidak dibenarkan dipelihara dalam premis bertingkat. Sekiranya pemilik anjing bertanggungjawab sepenuhnya ke atas anjing mereka dengan mengambil setiap langkah yang telah digariskan dalam syarat pemberian lesen, maka kejadian serangan anjing peliharaan tidak mungkin berlaku.

Pada masa kini, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan sedang mendapatkan maklum terkini daripada setiap PBT berhubung penguatkuasaan Undang-undang Kecil Pelesenan Anjing dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah juga bercadang untuk menyelaras dengan PBT berkaitan peraturan pengeluaran lesen untuk mengawal pemeliharaan anjing-anjing di bawah kategori *barcle* ataupun *breeve* tertentu.

**Puan Hajah Che Jam binti Harun:** Terima kasih di atas jawapan itu. Jawapan tadi ialah berhubung dengan anjing-anjing belaan. Bagaimana pula anjing-anjing liar yang berkeliaran dan memang ada terjadi perkara-perkara yang menyusahkan, menyulitkan dan membahayakan. Sekian.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Anjing yang tidak didaftar atau yang telah dilesenkan maka pihak berkuasa dan pegawai yang berkuasa pada bila-bila masa boleh bertindak untuk memusnahkan ataupun berbuat sesuatu untuk mengawal. Kalaupun anjing itu ada lesen kalau sekiranya tidak dapat mengesan siapa tuan punya pada masa yang dikatakan anjing itu terbiar, juga tindakan yang ketat boleh diambil. Kalau sekiranya tahu siapa dia tuan punya maka undang-undang yang sedia ada memang cukup.

Selain daripada itu Jabatan Haiwan juga diberi tanggungjawab bagi kawasan sempadan iaitu di negeri-negeri Kedah, Perlis, Kelantan dan Perak Utara untuk juga sebagai satu pihak berkuasa yang bertanggungjawab.

**Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adakah masih wujud lagi Pasukan Penembak Anjing pada masa kini dan kalau sudah tidak ada, adakah rancangan untuk mengadakan semula Pasukan Penembak Anjing.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Pihak berkuasa tempatan ataupun penguat kuasa pihak berkuasa tempatan akan mempunyai tenaga ataupun pegawai yang dilatih untuk membinasakan anjing liar ataupun anjing yang dikatakan memudaratkan keselamatan orang ramai termasuklah pasukan menembak tetapi oleh kerana pada masa pihak berkuasa tempatan telah pun diberi tugas yang sangat kompleks dan rumit, maka penguat kuasa tidak nampak macam satu pasukan menembak anjing sahaja. Mereka akan bertindak sebagai suatu kumpulan untuk menghadapi keadaan yang banyak dan penuh dengan cabaran yang berlainan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu Yang Berhormat, datangnya daripada Presiden Persatuan Bekas Perajurit waktu dianya datang begitu rupa.

6. **Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan mengenai kualiti pengangkutan awam di negara ini khususnya di Lembah Klang yang tidak memuaskan serta kurang mendapat perhatian orang awam. Apakah saranan dan langkah-langkah yang akan diambil bagi menggalakkan lebih ramai lagi orang awam menggunakan pengangkutan awam agar ia dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas.

**Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi [Dato' Mohamed Khaled bin Nordin]:** Tuan Yang di-Pertua, pengangkutan awam di negara ini terbagi kepada pengangkutan berasaskan jalan iaitu *road base* dan berasaskan *rail* iaitu *rail base*.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah mengambil langkah-langkah bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam. Di antara langkah-langkah yang telah diambil ialah:

- (i) menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Pengangkutan Awam yang terdiri daripada pelbagai pihak yang berwibawa dalam sektor perkhidmatan pengangkutan awam bagi membantu pihak kerajaan mencari pendekatan yang terbaik dan praktikal bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam;
- (ii) selaras dengan keputusan kerajaan menaikkan kadar tambang pengangkutan awam, kementerian sedang merangka menetapkan standard kualiti perkhidmatan yang baru yang meliputi antara lain perkara-perkara seperti had usia kenderaan, mengurangkan masa menunggu, peningkatan kelas kenderaan, etika perkhidmatan pemandu dan kesedaran mengenai hak-hak pengguna;
- (iii) kerajaan setuju untuk menubuhkan Lembaga Pengangkutan Awam Lembah Klang yang mempunyai kuasa-kuasa untuk merancang, mengintegrasikan dan mengawal selia perkhidmatan pengangkutan awam bandar khususnya di Lembah Klang secara menyeluruh dan juga lebih berkesan. Ianya akan mempunyai tanggungjawab menyelaraskan pengangkutan yang berasaskan kepada jalan dan juga rail dan berkuasa merancang laluan yang bersepadu termasuklah melihat kepada soal-soal menyediakan kemudahan-kemudahan akses kepada pengguna, kemudahan



sistem tiket bersepadu, menyediakan perkhidmatan bas perantara dan sebagainya;

- (iv) kerajaan melakukan penstrukturan terhadap sistem pengangkutan awam di Lembah Klang. Penstrukturan ini melibatkan pengasingan syarikat pemilik aset iaitu dengan mewujudkan Syarikat Prasarana Negara Berhad yang akan mengambil alih sebagai pemilik syarikat pemilik aset yang memiliki semua aset LRT iaitu STAR dan PUTERA serta bas Intrakota dan City Liner. Kerajaan juga akan mewujudkan satu lagi syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan iaitu syarikat Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd. ataupun dengan pendeknya Rapid KL yang akan menjalankan operasi bus di kawasan Lembah Klang.

**Datuk Ratnam a/l Muthiah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Orang ramai banyak menyuarakan dalam surat khabar bahawa mereka terpaksa menunggu satu hingga dua jam untuk mendapatkan bus awam. Lagipun keadaan bus adalah dalam keadaan kotor dan teruk. Memandangkan keadaan perkhidmatan bus awam yang tidak menentu dan tidak memuaskan, adakah dicadangkan untuk menambahkan dan memulakan semula perkhidmatan bus mini yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang seketika dahulu supaya tiap-tiap lima hingga sepuluh minit boleh diadakan perkhidmatan bus seperti yang dahulu. Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah had umur perjalanan untuk bus-bus awam. Terima kasih.

**Dato' Mohamed Khaled bin Nordin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Yang pertamanya, kerajaan tidak bercadang untuk memulakan ataupun memperkenalkan sekali lagi perkhidmatan bus mini kerana ia mempunyai masalah-masalahnya yang tersendiri seperti yang telah dijawab tadi. Usaha kerajaan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam adalah seperti yang telah saya sebutkan, khususnya di Lembah Klang, kerajaan mewujudkan Lembaga Pengangkutan Awam Lembah Klang yang akan menyelaras dan mengintegrasikan semua perkhidmatan pengangkutan awam, sama ada yang berasaskan kepada jalan ataupun

yang berasaskan kepada *rate*. Itulah jawapan kita bagi mengatasi masalah mutu perkhidmatan pengangkutan awam.

Bagi soalan yang kedua tadi Yang Berhormat ialah mengenai....

**Datuk Ratnam a/l Muthiah:** Usia!

**Dato' Mohamed Khaled bin Nordin:** Usia, memang kita akan tetapkan iaitu bagi usia teksi tidak lebih 7 tahun, bagi usia bas *express* tidak lebih 10 tahun dan bagi usia bas berhenti-henti tidak lebih 15 tahun.

**Datuk Yaakob bin Hj. Mohammad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya masih menyentuh mengenai kualiti pengangkutan awam, spesifiknya kepada pemandu-pemandu. Tuan Yang di-Pertua, kita melihat pada sebelah malam pemandu-pemandu teksi dan juga pemandu-pemandu bas, kurangnya gerakan operasi yang dibuat bagi memastikan pemandu yang bertauliah sahaja yang memandu teksi-teksi. Daripada rekod jenayah terdapat jenayah meningkatkan di sebelah malam kerana dipandu oleh pemandu-pemandu yang tidak diberi permit. Apakah strategi kerajaan untuk mengatasi perkara tersebut? Terima kasih.

**Dato' Mohamed Khaled bin Nordin:** Terima kasih, Yang Berhormat. Di peringkat kementerian memang kita memberi keutamaan kepada permohonan pemandu yang datang daripada bekas perajurit dan bekas polis. Kita berpendapat, sekiranya mereka ini diberikan peluang dan juga keutamaan kemungkinannya jika mereka yang sudah ada pengalaman dari segi keselamatan mungkin sedikit sebanyak boleh mengatasi masalah bencana yang banyak berlaku kepada pemandu dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab pertanyaan-pertanyaan begitu tepat dan jawapan pun tepat, saya akan benarkan dua lagi soalan tambahan. Yang Berhormat Wan Nordin.

**Tuan Wan Nordin bin Wan Murat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri itu tadi ada disebut bahawa rancangan kerajaan untuk memperkenalkan langkah-langkah supaya operasi pengangkutan awam ini akan bertambah licin atau mempertingkatkan kualitinya. Di antara langkah-langkah tersebut saya yakin bahawa akan menyebabkan peningkatan kos bagi pengusaha-pengusaha yang terlibat. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, soalannya ialah apakah langkah-langkah kementerian untuk memberi rangsangan kepada pengusaha-pengusaha pengangkutan

awam ini bagi mereka menurunkan kos supaya ia tidak membebankan pengguna-pengguna. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Perkara insentif!

**Dato' Mohamed Khaled bin Nordin:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya kita memang sudah mengambil kira kepada soal itu. Kita tahu tahap perkhidmatan pengangkutan awam adalah berada di peringkat yang rendah dan walau apa pun saranan yang kita buat, kita pasti tidak mungkin dapat mengatasinya. Jadi, berasaskan kepada itu, kerajaan memikirkan dalam tuntutan yang dikemukakan oleh pengusaha dan syarikat untuk menaikkan tambang, kita merasakan bahawa inilah masa yang tepat dalam kita membenarkan kenaikan tambang kita menetapkan supaya mereka meningkatkan kualiti perkhidmatan. Kita memang sudah mengambil kira kepada perkara-perkara itu, jadi sebenarnya kenaikan tambang itu adalah semata-mata untuk tujuan kita meningkatkan kualiti perkhidmatan.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jawapan itu kementerian meningkatkan kualiti pengangkutan awam supaya ramai menggunakannya dan dapat mengurangkan kesesakan. Soalan tambahan saya, kalau ramai orang yang menggunakan pengangkutan awam yang terdapat di Pudu Raya, kita nampak kesesakan. Bila ramai orang menggunakan pengangkutan awam, kesesakan itu terus berada seperti yang kita nampak di Pudu Raya, siang malam sesak. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta maaf, Yang Berhormat terpaksa menjawab soalan begitu banyak. Dewan Negara mengambil kesempatan mendapatkan maklumat yang paling komprehensif daripada Ahli Kabinet. Menghormati kehadiran Ahli Kabinet. Terima kasih.

**Dato' Mohamed Khaled bin Nordin:** Saya tidak pasti sama ada saya faham soalan tetapi saya cuba menjawab. Terima kasih, Yang Berhormat. Kita kena faham, yang pertamanya iaitu walau pun kita sedang berusaha untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam, dari segi hakikatnya pada hari ini ada penurunan yang ketara penggunaan pengangkutan awam oleh orang ramai kerana pada masa yang sama selain daripada mutu dan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam, kita sewajarnya sedar bahawa untuk orang ramai dan masyarakat membeli kenderaan persendirian adalah mudah dalam negara kita.

Pada masa yang sama, kita dapati atas sebab itulah ramai yang menggunakan kenderaan sendiri kerana mudah untuk membeli kenderaan dan sebagainya dan pada masa yang sama, mungkin mutu pengangkutan awam yang tidak seperti yang kita harapkan. Jadi, atas sebab itu kita berusaha untuk meningkatkan mutu pengangkutan awam supaya apabila dilihat keadaannya meningkat dan sebagainya, maka akan lebih ramai kalau kita mempunyai lebih wang, lebih ramai pengguna dan masyarakat lebih suka untuk menggunakan pengangkutan awam dan tidaklah mengambil pilihan semata-mata untuk membeli kenderaan persendirian. Jadi, ini sudah tentu akan memakan masa untuk kita mengatasi perkara-perkara itu, dengan kerajaan mengumumkan peningkatan tambang dan sebagainya, ia tidak bermakna dengan serta-merta segala harapan kita itu akan menjadi kenyataan.

Mengenai soal Pudu Raya itu, dengan adanya penyusunan semula dan sebagainya, dengan kita mewujudkan Lembaga Pengangkutan di Lembah Klang ini maka semua itu akan dipertimbangkan oleh Lembaga yang mana penubuhannya akan dilakukan melalui pembentangan akta pada sesi Parlimen yang akan datang. Jadi, kita berharap melalui itu, apabila itu dilakukan, maka pengangkutan awam di Kuala Lumpur dan di Lembah Klang tidak lagi di bawah Kementerian Usahawan dan Koperasi (LPKP) tetapi di bawah Lembaga ini.

**7. Tuan Osman bin Bungsu** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) jumlah Pegawai Khidmat Awam yang mengambil ujian Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) pada tahun 2003 dan 2004 dan peratusan kelulusannya; dan
- (b) berapa ramaikah pegawai yang lulus dalam ujian PTK tahun-tahun berkenaan yang telah dinaikkan pangkat.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]:** Tuan Yang di-Pertua, Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) mula dilaksanakan pada tahun 2003. Seramai 434,555 orang calon telah menduduki PTK pada tahun tersebut. Dari jumlah ini, sejumlah 66,137 orang atau 15.2% telah melepasi tahap kecekapan. Pada tahun 2004, bilangan anggota perkhidmatan awam yang telah

menduduki PTK adalah seramai 388,418 orang. Keputusan PTK pada tahun 2004 secara keseluruhannya dijangka akan dikeluarkan pada bulan Mei 2005 ini.

Keputusan kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai yang telah lulus PTK dijangka akan dibuat mulai pertengahan tahun 2005. Walau pun demikian, bagi mengisi kekosongan jawatan kenaikan pangkat urusan secara pemangkuan telah pun dijalankan di pelbagai agensi dengan memberi keutamaan kepada mereka yang telah lulus PTK.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Osman bin Bungsu.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya, adakah benar markah kelulusan ujian PTK ialah 80%, dan jika benar adakah kerajaan akan mengkaji sama ada markah lulus 80% itu bagi membolehkan lebih ramai kakitangan awam yang menduduki peperiksaan lulus dan dapat menjalankan tanggungjawabnya dengan lebih selesa dan tenteram. Kalau kita lihat berdasarkan keputusannya 15.2% sahaja yang lulus.

Soalan tambahan kedua saya, adakah kenaikan pangkat ini berdasarkan klasifikasi jawatan secara profesional dan kritikal yang diberi tumpuan sekarang ini. Terima kasih.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memanglah kita telah mengkaji semula daripada 80% markah kita sekarang ini telah diturunkan kepada 60%.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat sebenarnya PTK kalau berbandingkan dengan SSB, dahulu SSB cemerlang kita hanya ada 5% iaitu melintang 2% dan menegak 3%. Sekarang ini dengan PTK tahap kecemerlangan kita ialah 15.2, maknanya lebih baik daripada SSB dahulu.

Berkenaan dengan kenaikan pangkat, kenaikan pangkat ini bergantung pada keadaanlah. Jawatan-jawatan sekiranya berlaku kekosongan, maka akan adalah kenaikan pangkat dan juga selain itu bergantung pada peruntukan yang ada. Terima kasih.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, menyentuh soal pendekatan kerajaan, dengan izin, *exam oriented*. Pada pandangan saya mungkin sudah tidak sesuai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan, soalan bukan pandangan.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Soalan tambahan saya, apakah kerajaan bercadang untuk menilai kembali syllabus ataupun bentuk ujian kerana peratus lulus dalam tahun 2003 amat mendukacitakan. Apatah lagi mereka yang berumur 40 tahun ke atas berhadapan dengan ujian, saya rasa tidak sesuai lebih sesuai dalam bentuk latihan daripada ujian. Terima kasih.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya bukan kata lulus, kita hendak cemerlang yang ini pegawai yang melepasi tahap kecemerlangan. Sebenarnya mereka ini bukan kata lulus, memang lulus tetapi kita hendak memilih yang cemerlang untuk memberi kenaikan pangkat.

Berkenaan dengan penilaian, pada masa-masa yang lepas kita buat secara penilaian SSB dengan ketua-ketua jabatan membuat *assessment*. Ini banyak berlaku masa ketika itu sungutan daripada pegawai-pegawai kerajaan juga. Maka itu, kita telah melaksanakan satu sistem iaitu dengan cara peperiksaan dan peperiksaan ini saya rasa kita dengan keadaan sekarang ini, kita memberi satu pendekatan baru pada pegawai-pegawai supaya mereka ini sentiasa mempelajari, belajar ataupun membaca daripada mereka tidak ambil berat tentang perkara-perkara yang berlaku di sekeliling mereka.

8. **Dato' Dr. Vijaratnam a/l Seevaratnam minta** Perdana Menteri menyatakan apakah perkembangan terkini mengenai cadangan untuk memulakan perkhidmatan feri kenderaan dan penumpang di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menghormati kehadiran Yang Berhormat Menteri Kerja Raya saya akan memastikan soalan 11 akan timbul.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]:** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional memang bersungguh-sungguh hendak menghidupkan semula perkhidmatan feri Malaysia ini sebab itu kita mengadakan kajian pertama mulai pertengahan tahun lepas, tetapi sebaik sahaja kita selesai mengadakan kajian tersebut harga keluli telah melonjak.

Berbandukan pandangan-pandangan dari agensi lain ataupun pihak-pihak yang berkaitan, kita berpendapat perlu diadakan kajian yang kedua dan kajian yang kedua ini sedang diadakan. Tidak lama lagi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

akan mencadangkan satu memorandum pewujudan semula perkhidmatan feri Malaysia dan kita telah mempelawakan pendapat-pendapat dari pelbagai pihak.

Memandangkan banyak faktor yang telah berubah selepas kita mengadakan kajian pertama dan kemungkinan kajian yang kedua ini nanti akan menunjukkan subsidi yang barangkali agak terlalu tinggi, yang perlu diberi untuk kerajaan. Untuk merealisasikan perkhidmatan feri ini kita telah mengarahkan panel iaitu panel kebangsaan yang memberi nasihat tentang isu perpaduan dan integrasi nasional supaya mengambil kira juga sama ada, adakah program-program yang lain yang lebih berkesan, yang dapat menggantikan Program Feri Malaysia ini sekiranya diberi jumlah subsidi yang sama kepada Program Integrasi ataupun Perpaduan ini nanti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Dr. Vijyaratnam a/l Seevaratnam.

**Dato' Dr. Vijyaratnam a/l Seevaratnam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat di atas jawapan. Soalan tambahan saya ialah, apakah pelabuhan-pelabuhan yang dicadangkan diguna untuk perkhidmatan tersebut di Semenanjung dan di Malaysia Timur? Terima kasih.

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jenis pelabuhan dan kemudahan-kemudahan yang kita perlu bergantung sangat kepada jenis feri yang akan kita gunakan sekiranya program ini ataupun perkhidmatan ini diwujudkan semula.

Setakat ini berdasarkan dari *recommendation*, dengan izin, dari kajian pertama dari *recommendation* pihak yang tertentu, ada beberapa pengubahsuaian perlu diadakan dan ini satu daripada sebabnya subsidi, kemungkinan yang agak tinggi perlu diberi oleh kerajaan, dan ini salah satu sebabnya juga kita mengambil kira sama ada pengubahsuaian ini betul-betul memberi manfaat kepada program ini, barangkali selepas beberapa tahun nanti kalau bertukar feri ini, pengubahsuaian perlu diberi dan perlu dibuat lagi. Terima kasih.

9. **Datuk Benedict Bujang Tembak** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan kesan Restricted Residence Act, 1933 sebagai suatu undang-undang untuk mengatasi jenayah. Adakah kementerian berkenaan sedar bahawa ada antara mereka yang dibuang daerah menyebabkan wujud kesan-kesan negatif di daerah berkenaan disebabkan penjenayah masih dapat menjalankan aktiviti mereka seperti biasa ekoran kemudahan-kemudahan teknologi yang canggih dan efisien yang sedia ada sekarang.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Tuan Chia Kwang Chye]:**

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kediaman Terhad 1933 merupakan undang-undang pencegahan di mana pelaksanaannya bertujuan membendung dan menangani kegiatan-kegiatan yang tidak mendatangkan berfaedah kepada keamanan dan ketenteraman awam khususnya kegiatan haram atau jenayah bersindiket yang tidak melibatkan kekerasan.

Individu-individu yang diambil tindakan pencegahan di bawah Akta Kediaman Terhad 1933 akan ditempatkan di sesuatu kawasan bagi tempoh tertentu di bawah penguasaan polis. Tindakan di bawah akta ini akan diambil ke atas individu yang terlibat dan menjalankan kegiatan haram secara berterusan walaupun tindakan telah diambil sebelumnya. Antara contoh kegiatan haram yang diambil tindakan di bawah akta ini ialah individu-individu yang terlibat dalam penganjuran aktiviti perjudian, pelacuran, pinjaman wang tanpa lesen, sindiket mencuri kereta dan sebagainya.

Walaupun dewasa ini terdapat berbagai kemudahan teknologi komunikasi seperti telefon, faks, *internet* dan sebagainya yang boleh digunakan oleh individu yang berkenaan tindakan pencegahan di bawah Akta Kediaman Terhad 1933 dapat memberi kesan kepada individu yang berkenaan dari segi:

- (i) menghalang individu berkenaan daripada terus melakukan kegiatan haram atau kesalahan jenayah di tempat asal atau tempat di mana mereka pernah melakukan kegiatan tersebut;
- (ii) pergerakan individu berkenaan adalah terbatas kerana perlu mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam Perintah Sekatan yang telah dikeluarkan di atas dirinya;
- (iii) pergerakan dan kegiatan individu berkenaan di sesuatu kawasan yang telah ditetapkan penempatannya dapat dipantau dan diawasi oleh pihak polis;



- (iv) menghalang individu berkenaan daripada bercampur dengan rakan sejenayah yang masih bebas; dan
- (v) memberi kesedaran kepada individu berkenaan agar insaf dan tidak lagi melibatkan diri dalam kegiatan haram ataupun apa jua jenis jenayah.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum lagi boleh diterima sebagai undang-undang lapuk.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Adakah pihak kementerian bercadang untuk mencari jalan cara yang boleh masyarakat mengenali seseorang itu adalah penjenayah yang sedang menjalani hukuman buang daerah? Terima kasih.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Boleh ulang?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh ulangi, Yang Berhormat?

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Adakah pihak kementerian bercadang untuk mencari jalan cara yang boleh masyarakat mengenali seseorang itu adalah penjenayah yang sedang menjalani hukuman buang daerah?

**Tuan Chia Kwang Chye:** Apa?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada tanda dia itu yang dibuang daerah? Macam di penjara, pakai baju penjara.

**Tuan Chia Kwang Chye:** *[Ketawa]* Memang setakat ini tidak ada tanda-tanda yang orang itu dibuang daerah dan sebagainya. Mungkin jiran-jiran mereka mungkin boleh tahu. Terima kasih.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya diberitahu bahawa kawasan-kawasan yang dipilih itu bukanlah kawasan yang begitu terpencil dan menyusahkan orang yang telah dibuang tempat itu. Jadi nampaknya tidak ada masalah bagi mereka untuk hidup di tempat yang dipilih itu. Adakah kerajaan akan mencari tempat yang lebih memberi mereka satu peluang menyedari kegiatan mereka dan betul-betul tempat itu akan "menderitakan" mereka. *[Ketawa]* Terima kasih.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini kita mesti memahami tujuan akta ini iaitu menyekat orang ke sesuatu kawasan dan bukan untuk "menderitakan" mereka. *[Ketawa]* Tetapi oleh kerana kita ingin memulaukan mereka di

tempat-tempat itu, kadang-kadang kita tidak boleh memilih tempat yang mereka mungkin boleh terus menjalani kegiatan jenayah itu. Kalau tidak, tidak bermakna maksud sekatan itu. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Tang Cheng Tee.

**Tuan Tang Cheng Tee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang kesebelas.

*[Setiausaha Dewan memberi penerangan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Habis itu, Datuk Hajah Hazizah nombor 10. Oh minta maaf saya keliru, banyak sangat Hazizah ini. *[Ketawa]*

**10. Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian bagi mengatasi masalah pencemaran udara yang disebabkan oleh pembakaran mayat daripada rumah-rumah mayat yang terletak berhampiran dengan kawasan perumahan atau dikelilingi kawasan perumahan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kementerian menyedari pada masa ini masih terdapat sejumlah besar tanah rizab Melayu dan juga tanah-tanah di luar rizab Melayu yang masih lagi belum selesai urusan pembahagian harta pusaka dan ianya menyebabkan tanah-tanah tersebut tidak dapat digadai atau dicagarkan kepada institusi kewangan bagi mendapatkan sumber modal. Walau bagaimanapun, kementerian telah pun diperuntukkan kuasa bagi menyelesaikan masalah-masalah harta pusaka...

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini soalan saya ke atau soalan orang lain? Saya rasa macam tidak kena sahaja soalan ini. *[Ketawa]* Jawapan tidak kena.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Soalan nombor 10.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pembakaran mayat.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Minta maaf, silap, silap itu. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, banyak sangat soalan hari ini yang hendak dijawab. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah pencemaran udara oleh pembakaran mayat adalah tidak begitu ketara. Sejak tahun 2000, Jabatan Alam Sekitar hanya menerima tiga kes aduan mengenai masalah pencemaran bau berkaitan aktiviti pembakaran mayat.

Setelah siasatan dibuat, Jabatan Alam Sekitar mendapati alat pembakaran yang diguna pakai adalah alat pembakaran tradisional yang tidak begitu cekap. Oleh itu Jabatan Alam Sekitar telah pun mengambil tindakan dengan menasihati dan memastikan pihak pengurusan rumah mayat tersebut supaya menukar alat pembakaran supaya ditukarkan kepada yang lebih sempurna dan tidak mengeluarkan bau busuk dan mempunyai alat kawalan pencemaran.

Jabatan Alam Sekitar juga telah menghubungi pihak berkuasa tempatan supaya penempatan rumah pembakaran tidak terlalu hampir dengan kawasan-kawasan perumahan. Terima kasih.

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan:** Soalan tambahan saya, adakah pihak kerajaan bercadang untuk memindahkan rumah-rumah pembakaran mayat yang sedia ada yang berhampiran dengan rumah? Terima kasih.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Buat masa ini kita tidak bercadang untuk memindahkan rumah-rumah pembakaran mayat tersebut dan bidang kuasa perpindahan tersebut bukan di bawah jabatan ataupun kementerian kita. Terima kasih.

11. **Tuan Tan Chang Tee** minta Menteri Kerja Raya menyatakan kos pembinaan lorong ketiga bagi laluan Ayer Keroh-Seremban, Lebu Raya Utara-Selatan. Mengapa lorong ketiga ini tidak dibina dari awal lagi kerana ia dapat mengelakkan kesesakan lalu lintas dan kos membinanya tidaklah setinggi seperti hari ini.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kajian reka bentuk awalan, kos bagi membina lorong ketiga laluan antara Seremban hingga Ayer Keroh di Lebu Raya Utara-Selatan dianggarkan sebanyak RM337.5 juta. Projek ini akan bermula pada bulan Mei 2005 dan dijangka siap pada bulan Mac 2007.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lorong ketiga laluan Ayer Keroh-Seremban ini tidak dibina dari awal lagi kerana semasa pembinaannya sekitar tahun 1980-an, keperluan masa itu memadai dengan dua lorong sahaja dan pergerakan kenderaan adalah lancar.

Walau bagaimanapun, setelah 20 tahun beroperasi, banyak pusat pertumbuhan baru yang dibangunkan di sepanjang dengan izin, *corridor*, serta pertambahan yang telah menyebabkan lebu raya tersebut mencapai kapasiti maksimum yang

menyebabkan kesesakan. Oleh yang demikian, memandangkan keperluan untuk menaikkan taraf lebuhraya tersebut didapati mendesak, kerajaan telah memutuskan supaya laluan ketiga Ayer Keroh-Seremban dan lebuhraya yang dilebarkan kepada tiga lorong sehalu.

Untuk itu, perjanjian tambahan ketiga di antara pihak kerajaan dan PLUS Berhad telah ditandatangani pada 22 April 2005 yang lalu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Lee Sing Chooi kemudian Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerana perjanjian yang ditandatangani oleh Kementerian dan PLUS baru-baru ini yang memperluaskan laluan Ayer Keroh-Seremban yang terdapat itu, soalan tambahan saya adalah apakah *playback period* untuk pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh syarikat konsesi itu dan apakah pertimbangan-pertimbangan Kementerian atas tempoh yang melanjutkan kutipan tol untuk PLUS. Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, ada juga beberapa perkara yang terkandung dalam keputusan kerajaan untuk menambahkan masa tol. Yang pertamanya kita telah meminda perjanjian di antara PLUS dengan kerajaan di mana ada juga banyak pengesyoran daripada rakyat jelata untuk mengurangkan tol. Bila-bila masa apabila kita mengurangkan tol, itu berertinya rakyat tidak bayar tetapi kerajaan bayar.

Walaupun kerajaan bayar itu pun daripada cukai rakyat sahaja. Rakyat tidak mengambil kira itu. Jadi yang kedua kita juga telah melepaskan kutipan tol di Senai. Ini ianya satu permintaan popular daripada Ahli-ahli Politik, Ahli-ahli Parlimen selalunya lawan dalam Dewan, selalunya minta ini minta itu, mengurang ini mengurang itu pada akhirnya kerajaan bersetuju untuk melepaskan tol di Senai itu pada harga RM334 juta dibayar oleh kerajaan. Kerajaan tidak mempunyai wang tunai untuk membayar kepada mereka tetapi ini semuanya masuk dalam kontrak yang kita sedia ada.

Selepas itu ada juga satu lagi iaitu Jalan Port Dickson, Seremban, satu lagi jalan di mana syarikat konsesi selalunya merugi sahaja. Mengikuti dengan konsesi jikalau mereka tidak mendapat keuntungan daripada konsesi itu kerajaan mesti mengambil alih konsesi itu. Konsesi itu sudah diambil alih, selepas itu pun kita bagi kepada PLUS, jadi

PLUS bertanggungjawab untuk menampung beberapa masalah kerajaan iaitu RM334 juta dan juga ini lebih dari RM130 juta dan pada akhirnya kerajaan telah mengambil kira melebarkan lebuh raya daripada Rawang ke Sungkai dan juga daripada Seremban ke Ayer Keroh.

Jadi saya bagi butir-butir kepada Yang Berhormat oleh kerana ini saya percaya akan memberi hasil kepada Yang Berhormat masa akan datang jikalau ada apa-apa soalan. Ini pembinaan lorong ketiga Seremban ke Senawang RM330 juta, Senawang ke Ayer Keroh RM304.5 juta, Rawang ke Tanjung Malim RM295 juta, Tanjung Malim ke Sungkai RM120 juta, berjumlah RM752.5 juta.

Pengalihan Plaza Tol Jelapang RM240 juta, inilah satu masalah yang kita hadapi selama-lamanya. Banyak di antara lori-lori di negara ini tidak ada brek, [*Ketawa*] bila sudah kena kemalangan ada orang meninggal tidak ada brek, bila-bila pun tidak ada brek. Saya tidak tahu apa berlaku, siapa yang memeriksa brek-brek itu atau tidak. Adakah kenderaan-kenderaan hantar untuk diperiksa ataupun tidak. Saya sudah arah kepada kementerian saya apabila sahaja ada kemalangan dengan serta merta buat laporan polis, kita mahu juga bilakah kenderaan itu telah mengadakan pemeriksaan brek atau tidak. Jadi itu pun kita kena pindah daripada kawasan yang sedia ada sekarang.

Pemindahan itu memakan belanjanya RM240 juta, dan kerja-kerja kontinjensi RM50 juta, jumlahnya Yang Berhormat RM1,042.5 juta. Inilah satu sejarahnya dalam kes PLUS menggantikan beberapa perkara dan sekarang kita memberikan kepada mereka tempoh yang lebih panjang daripada apa yang kita janji. Jadi saya harap, satu masa akan datang kita tidak ada apa-apa pindaan atas jalan. Ada apa-apa pindaan jalan dan juga perjanjian kita kena bayarlah. Itu sahajalah Yang Berhormat, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

**11.05 tgh.**

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri, Menteri. Saya ingin pulang ke saluran lorong ketiga. Bukankah lebih praktik tawarkan kepada pihak swasta membina lebuh raya kedua di kawasan-kawasan di mana lalu lintas sangat sesak dan populasi pun padat

iaitu Ayer Keroh-Seremban, Kuala Lumpur-Tanjung Malim mengikut *road* yang lain di atas prinsip membina, menguruskan, dan tukar tangan iaitu *build, operate and transfer*, dengan izin. Sekian terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua untuk mengatasi masalah seperti apa dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah mengambil kira satu daripada projek yang kita sedang melaksanakan itu daripada Cheras, Jalan Cheras ke Seremban. Ini akan meringankan kenderaan, beberapa ribu kenderaan yang sedia ada di Lebuhraya Utara-Selatan daripada Sungai Besi ke Seremban. Saya percaya masa akan datang penduduk-penduduk di Seremban boleh juga menggunakan Jalan Cheras ke arah Seremban.

Selain daripada itu, kita juga ada cadangan untuk membina satu lagi lebuhraya daripada Taiping ke Banting. Ini bererti untuk mengurangkan masalah yang sedia ada di Lebuhraya Utara-Selatan daripada Tanjung Malim ke Juru. Jadi ada juga rancangan-rancangan apabila membina senang sahaja, membayar susah. Membinanya banyak orang suka sahaja, mengadakan seratus lebuhraya di negara ini. Sudah sampai ke tarikh yang Menteri Kerja Raya mengumumkan berkenaan dengan tol, masa itu semuanya ambil senjata mahu tembak Yang Berhormat Menteri. *[Ketawa]*

Jadi itulah masalah Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah saya haraplah satu hari *[Ketawa]* rakyat jelata akan mengambil kira apakah masalah yang dihadapi oleh kerajaan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan tamat]*

### **USUL-USUL**

#### **JALAN-JALAN MENUJU KE PARLIMEN**

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Tuan Chia Kwang Chye]:**

Tuan Yang di-Pertua saya mencadangkan:

“Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka

dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada apa huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.”

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah Usul oleh Yang Berhormat Menteri Keselamatan Dalam Negeri seperti yang telah dibacakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

### **MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

**11.18 pg.**

**Dato' Hamzah bin Zainuddin:** Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam bahagia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk membawa usul ini. Saya Dato' Hamzah bin Zainudin akan mencadangkan bahawa suatu ucapan yang tidak seperti dipersembahkan pada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku, Patik Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen yang Kesebelas.”

Dalam Titah Ucapan Tuanku Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tempoh hari, banyaklah perkara yang telah disentuh oleh Seri Paduka Baginda Tuanku. Pada keseluruhannya, Titah Ucapan tersebut melambangkan bahawa kerajaan di bawah pimpinan Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Kerajaan Barisan Nasional telah berjaya menangani bermacam-macam isu. Isu yang bermula dari akhir tahun 2004, di mana negara kita juga telah dilanda bencana Tsunami, isu ekonomi, isu pendidikan, pelancongan, perkhidmatan awam, agama dan perpaduan kaum serta lain-lain lagi telah pun dikatakan. Maka saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional [*Tepuk*] dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia kerana telah mampu membangunkan negara dengan secara aman, sejahtera dan terus maju. Inilah yang dikatakan kerajaan yang adil, kerajaan yang tahu untuk merancang dan membangunkan negara sehingga ia menjadi perbualan dan teladan kepada negara-negara di dunia, terutama negara-negara Islam pada hari ini.

Konsep atau pendekatan Islam Hadhari di mana penekanan kepada aspek pembangunan yang menjurus kepada pembinaan peradaban yang memberi fokus kepada usaha mempertingkatkan mutu kehidupan melalui penguasaan ilmu, pembangunan insan dan pembangunan fizikal adalah satu pendekatan yang baik tetapi dalam masa ini, rakyat ataupun kerajaan harus mengambil ia sebagai satu pendekatan yang harus difahami oleh rakyat keseluruhannya. Maka saya mencadangkan supaya program-program untuk menerangkan konsep Islam Hadhari ini diteruskan dan diperbesarkan lagi supaya kefahaman-kefahaman dapat difaham benar-benar oleh rakyat di seluruh peringkat, sama ada peringkat yang tertinggi oleh pimpinan-pimpinan dalam kerajaan, sama ada di peringkat pegawai-pegawai kerajaan atau rakyat biasanya, kita gunakan TV, kita gunakan media, kita gunakan apa sahaja supaya kefahaman ini dapat benar-benar memberi pengertian kepada rakyat keseluruhannya.

Kita tidak mahu ia disalahertikan oleh sesuatu pihak dalam negara kita yang mengatakan seolah-olah pendekatan Islam Hadhari ini adalah merupakan pendekatan yang boleh memecahbelahkan rakyat ataupun yang boleh memesongkan rakyat yang beragama Islam dalam negara kita. Sebab itulah saya mahu kalau boleh kerajaan benar-benar mengambil iktibar daripada apa yang terjadi dalam negara kita, di mana



ada sesetengah pihak yang mengatakan konsep Islam Hadhari ini adalah merupakan satu agama ataupun ajaran yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah saya mencadangkan kalau boleh, konsep ini hendaklah diterangkan dalam TV, hendaklah diterangkan melalui media-media, melalui apa sahaja yang ada dalam negara kita ini supaya benar-benar dapat difahami oleh rakyat keseluruhannya, tidak kiralah daripada mana parti atau kaum sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap dari segi Islam Hadhari ini yang menekankan tentang penguasaan ilmu. Kita mahu bangsa Malaysia yang berilmu. Hari ini dasar pelajaran bertaraf dunia dikehendaki..

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, pada kefahaman saya, kita mengejar Wawasan 2020, kita juga mengejar suatu wawasan yang bernama Islam Hadhari. Manakah titik pertemuan di antara Islam Hadhari yang kita kejar dan Wawasan 2020 yang juga kita kejar?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menjawab tentang apa yang dibangkitkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Wawasan 2020 adalah merupakan satu wawasan di mana kita mahu membentuk negara kita menjadi sebuah negara yang maju dan diduduki oleh rakyat yang benar-benar bertamadun. Islam Hadhari juga adalah merupakan satu konsep penekanan supaya kehidupan rakyat dalam negaranya akan menjadi sebuah negara yang peradaban paling tinggi dalam negara. Maka ia sesuai sekali mengikut Wawasan 2020 dan hanya penekanan yang dibuat melalui konsep Islam Hadhari yang mungkin disalah ertikan oleh setengah rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu kalaulah kita katakan itu Wawasan 2020 dan Islam Hadhari adalah merupakan satu wawasan yang berbeza, ia adalah merupakan satu pengertian yang agak negatif sama sekali kerana ia merupakan satu konsep yang sama untuk mencapai Wawasan 2020 juga. Saya hendak katakan penguasaan ilmu tadi, dasar pelajaran bertaraf dunia. Apakah ertinya dasar pelajaran bertaraf dunia? Apakah apabila ramai orang asing datang ke institusi-institusi pengajian tinggi dalam negara kita, maka bermakna kita telah mencapai satu taraf pendidikan dunia? Atau pun pelajaran bertaraf dunia?

Saya bertanyakan ini kerana pada hari ini bila kita mengatakan Dasar Pelajaran Dunia, ada orang yang mengatakan daripada pelajar-pelajar yang datang dari luar

negara ke negara kita adalah merupakan pelajar-pelajar yang datangnya dari negara-negara dunia ketiga. Mereka datang daripada negara Afrika, mereka datang dari negara-negara yang kurang dari segi ilmu yang ada dalam negara-negara tersebut. Apakah ini sudah cukup untuk menunjukkan dan membuktikan bahawa kita sudah pun mencapai tahap pelajaran yang bertaraf dunia? Sebab itu saya persoalkan ini, saya mahu kalau boleh kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi ini memikirkan satu kaedah di mana dasar pelajaran tinggi ini akan benar-benar mencapai satu taraf yang begitu tinggi di peringkat dunia apabila kita mempunyai penemuan-penemuan, *the breakthrough* melalui *researches* yang kita buat di peringkat universiti-universiti yang ada dalam negara kita.

Kita tidak mahu mengkaji apa yang dibuat oleh orang luar tetapi kita mahu membuat *research, breakthrough* yang dibuat oleh negara kita sendiri daripada profesor-profesor yang ada dalam universiti kita sendiri. Maka itulah nanti akan membuktikan kepada dunia bahawa kita telah mencapai satu tahap di mana universiti-universiti kita juga mampu untuk membuat kajian, untuk membuat analisis, *breakthrough*, penemuan-penemuan baru yang ada di muka bumi hari ini.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Mohon penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, setujukah beliau bahawa salah satu daripada universiti yang ada di negara kita ini ditukar sahaja konsepnya kepada *research* universiti? Itu satu. Yang kedua, bersetujukah beliau untuk mencapai taraf *world class* yang disebut oleh beliau tadi bahawa jawatan-jawatan naib canselor yang ada di negara kita ini mesti diiklankan. Bukan maksudnya dilantik kerana ada hubungan politik dan sebagainya, dan boleh dibuka kepada pemohon-pemohon daripada luar seperti mana yang dilakukan di Korea dan sebagainya iaitu jawatan naib canselor itu sendiri supaya ia dipimpin oleh mereka yang memang mempunyai kualiti yang tinggi dan mempunyai *background research* yang ternama, yang tersohor? Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih kepada sahabat saya, Yang Berhormat Dr. Puad. Saya bersetuju bahawa soalan yang pertama yang mengatakan kalau bolehlah, kita tukarkan satu universiti yang ada dalam negara kita ini dan kita katakan menjadi sebuah universiti yang hanya fokus tentang *research and development*,

saya bersetuju, amat bersetuju benar. Dalam pada itu, kita harus ambil kira bahawa sekiranya tidak cukup lagi tentang apa yang sedang kita buat hari ini, mengapa tidak kita menubuhkan satu lagi untuk menentukan supaya agenda dasar pelajaran bertaraf dunia ini benar-benar dapat kita tumpukan melalui universiti yang baru ini dengan kaedah, dengan cara, dengan sistem yang mungkin berbeza daripada apa yang ada hari ini.

Saya juga setuju dengan pendapat sahabat saya ini, kalaulah hari ini kita mahukan universiti ini benar-benar bertaraf dunia, kita pilih Naib Canselor-Naib Canselor yang benar-benar tersohor di peringkat dunia dan siapakah mereka itu? Kalau mereka itu datangnya daripada rakyat kita sendiri, tidak ada salahnya kita melantik mereka menjadi Naib Canselor dalam universiti-universiti kita.

Tetapi, kalau kita masih lagi ragu-ragut tentang tahap mereka itu, maka sudah tentu cara yang lebih baik adalah untuk kita *outsource*, mencari orang-orang yang benar-benar diterima di peringkat dunia untuk menjadi Naib Canselor-Naib Canselor dalam universiti kita. Saya bersetuju, cuma sudah sampailah masanya untuk kita benar-benar dapat menerima hakikatnya bahawa konsep pemilihan Naib Canselor dalam universiti-universiti tempatan ini dapat kita perluaskan lagi untuk menjadikan satu konsep yang terbuka di peringkat dunia. Jadi.....

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Tuan Ismail bin Kasim:** Pohon laluan Yang Berhormat.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Sila.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih Yang Berhormat atas laluan yang diberikan kepada saya. Saya inginkan sedikit penjelasan dan sama ada Yang Berhormat bersetuju dengan saya ataupun tidak. Di antara kekangan-kekangan yang terdapat untuk kita menjadi *world class university* dengan izin, ialah soal imbuan yang boleh kerajaan tawarkan kepada pensyarah-pensyarah ataupun saintis yang ada di universiti ataupun kita dapat menarik balik saintis kita ataupun tenaga-tenaga pengajar kita yang berkebolehan di luar negara.

Tetapi, apa yang kita lihat di negara kita, kita tidak mampu menyediakan skim tangga gaji yang menarik minat mereka dan kalau ada pun, mereka yang benar-benar

berkeupayaan, mereka lari ke sektor lain yang boleh menjamin pendapatan yang lumayan. Tidak bolehkah kerajaan menukar sedikit dasar terutamanya dalam kita mempertahankan tenaga pengajar di IPTA ini, dengan kita memberi mereka sedikit kelonggaran, terutamanya mereka yang ahli dan pakar dalam bidang apa jua pun, ekonomi, bio-teknologi dan apa sahaja, supaya mereka dibenarkan menjalankan kerja-kerja luar sebagai sampingan termasuk menjadi penasihat ataupun *advisor* kepada mana-mana bank, kepada mana-mana syarikat yang berkomersial, yang boleh mereka menambah pendapatan mereka. Tetapi, dalam masa yang sama, mereka masih menjadi pensyarah ataupun penyelidik di IPTA ataupun di universiti berkenaan. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim. Pandangan Yang Berhormat itu ada kebenarannya, bahawa untuk kita mencapai satu tahap universiti yang bertaraf dunia ini, kita memerlukan profesor-profesor atau pensyarah-pensyarah, atau tenaga-tenaga pengajar yang juga bertaraf dunia. Kalau kita katakan bertaraf dunia ini, di mana indeksinya? Di mana tempat yang harus kita bandingkan? Taraf dunia dengan profesor yang ada di Amerika, dengan profesor yang ada di Eropah atau di Australia, atau di mana-mana sahaja di peringkat dunia. Cuba kita lihat dengan apa yang mereka dapat, dengan apa yang tenaga-tenaga pengajar dalam negara kita dapat? Saya bersetuju sangat kalau kita bandingkan ini, mungkin daripada pendapatan yang mereka terima dalam negara kita, agak jauh berbeza dengan pendapatan profesor-profesor atau tenaga-tenaga pengajar yang ada di luar sana, atau di negara-negara yang lebih maju daripada kita.

Maka, sebab itu cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Dr. Puad tadi, pandangan yang beliau berikan kepada saya tadi, untuk membawa masuk mereka ini ke dalam negara kita, amat baik sekali dan mengapa tidak kita ambil mereka dan kita letakkan ke dalam sebuah universiti yang benar-benar bertaraf dunia. Maknanya, universiti yang baru, yang dibangunkan kita ini, saya hendak bagi contoh, kalau kita buat hotellah, ada hotel yang tiga bintang, empat bintang dan lima bintang sebagai contoh. Maka sudah tentulah perbezaan yang itu, ada di antara tiga, empat dan lima tadi. Jadi, kalau kita hendak buat universiti yang bertaraf dunia ini, kita bandingkan seperti hotel lima bintang yang bertaraf dunia, yang semuanya adalah merupakan dari segi

*facilitiesnya*, dari segi tenaga pengajarnya, daripada keseluruhannya adalah merupakan berbeza daripada universiti-universiti yang lain.

Jadi, kalau kita boleh buka dengan cadangan Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim supaya imbuhan diberikan lebih, supaya mereka ini diberikan peluang untuk menjadi konsultan-konsultan di luar sana, untuk menjadi penasihat-penasihat dalam industri-industri yang ada dalam negara kita. Kalau itu boleh diberikan, mengapa tidak kerajaan mengkaji sedalam-dalamnya supaya mereka ini dapat imbuhan-imbuhan yang baru.

Walau bagaimanapun, kita mesti ingat bahawa mereka yang diberikan peluang-peluang tersebut mestilah mempunyai fokus dan komitmen terhadap dasar atau terhadap universiti yang mereka menjadi profesornya. Saya hendak bercakap tentang.....

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Dato' Musa bangun.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Sila.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalakkan banyak pensyarah, saya bersetuju dengan sahabat saya tadi bercakap tentang kita hendak menggalakkan pensyarah-pensyarah supaya tidak tinggalkan universiti. Jadi, untuk memberi kualiti yang baik, kita nampak ramai penolong pensyarah di universiti-universiti ini yang mendapat diploma. Mengapa tidak pada pandangan Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi memberi bantuan atau biasiswa kepada penolong pensyarah ini untuk melanjutkan pelajaran mereka ini. Dulu, kita nampak penolong-penolong pensyarah ini kalau hendak melanjutkan pelajaran, mereka diberi biasiswa ataupun pinjaman. Tetapi, selepas itu telah pun ditamatkan biasiswa tersebut. Apakah pandangan Yang Berhormat, supaya mereka ini diberi peluang dan dengan ini, sudah tentulah mereka ini akan tinggal lebih lama di universiti tersebut. Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Musa. Tentang kajian yang dibuat oleh Dato' Musa ini, saya tidak berapa tahu dengan jelas, sama ada perkara ini benar-benar berlaku ataupun tidak dalam negara kita. Tetapi, sekiranya ia berlaku, saya rasa mengapa tidak kerajaan mengkaji semula supaya dapat

kita menambahkan tenaga-tenaga pengajar ini untuk menambahkan ilmu mereka dengan menghantar mereka membuat kajian-kajian atau menambahkan ilmu dengan belajar lebih tinggi lagi. Itu adalah satu cadangan yang baik dan saya juga minta supaya kementerian melihat ini sebagai satu cadangan yang boleh diambil kira untuk menentukan bahawa dasar pelajaran bertaraf dunia itu dapat tercapai nanti.

Bila kita bercakap dari segi dasar pelajaran ini, jangan kita lupa bahawa di peringkat rendah pendidikan juga harus kita lihat supaya akhirnya dasar pelajaran itu merangkumi keseluruhannya. Maksud saya, ianya menjadi sebagai satu *cycle*. Kalau kita ibaratkan pelajaran ini sebagai satu *cycle*, ianya mesti ada daripada pendidikan rendah sehinggalah ke peringkat pelajaran yang tinggi. Jadi, untuk mencapai rakyat yang benar-benar berilmu, untuk mencapai dasar penguasaan ilmu yang begitu ketara dalam negara kita, yang kita mahukan pada hari ini, maka saya mencadangkan supaya *cycle* yang kita buat ini, kita lihat secara yang lebih *holistic*. Kita tengok di manakah yang harus kita pertekankan hari ini, supaya dasar ini dapat tercapai akhirnya. Kita tidak boleh buat hanya semata-mata mengikut *ad hoc* sahaja. Hari ini kita rasa ini tidak cukup, kita buat yang ini. Besok tidak cukup, kita buat ini, tidak.

Kita mahu melihat supaya dasar ini dapat digunakan mengikut satu masa yang panjang sekali. Mungkin mencapai masa dua puluh atau 30 tahun daripada sekarang. Cuba kita lihat, kalau tadi saya sebutkan tentang universiti sudah tentu kalau *cyclenya* ia sebelum menjadi siswazah di peringkat universiti, kita lihat siapakah mereka. Mereka mungkin daripada graduan-graduan daripada kolej-kolej dan sebelum itu siapakah mereka. Mereka mungkin daripada pelajar-pelajar daripada peringkat pertengahan seperti sekolah menengah dan sebagainya dan kanak-kanak di peringkat rendah sebelum mereka naik ke peringkat menengah.

Saya hendak lihat ini supaya dasar keseluruhannya dapat dilihat di mana datangnya manusia ini. Kalau ianya datang daripada kanak-kanak yang hari ini merupakan kanak-kanak yang belajar di peringkat bawah, kita mahu supaya satu budaya di mana kanak-kanak di peringkat bawah ini mempunyai daya membaca, daya berfikir dan daya ingin tahu.

Daya ingin tahu yang hendak saya jelaskan di sini adalah merupakan daya *curiosity* dengan izin Tuan Yang di-Pertua supaya daripada kecil lagi kalau kita

ketengahkan satu dasar di mana kanak-kanak di peringkat sekolah rendah ini kita berikan peluang untuk mereka berfikir buat sesuatu perkara supaya apa yang mereka buat di peringkat rendah ini nanti senang mereka terima di peringkat menengah dan akhirnya nanti di peringkat universiti.

Contohnya kalau kita lihat apabila mereka bermain bola. Kita tanya bagaimana hendak buat bola itu dan kalau boleh bola yang dibuat itu kita suruh mereka buat supaya mereka tahu bahawa bola itu sebenarnya dibuat daripada kulit. Kulit itu datang daripada mana sebagai contohnya, daripada peringkat rendah lagi supaya ini dapat meyakinkan kepada mereka bahawa jika sekiranya mereka tahu barang-barang ini, barang-barang yang mereka tahu daripada rendah lagi ini akan menjadi satu perkara yang mereka boleh selidik ke peringkat yang lebih tinggi nanti. Itu caranya supaya budaya ingin tahu dan budaya berfikir ini kita tanamkan daripada peringkat kanak-kanak lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya Kementerian Pelajaran melihat ini sebagai satu cara dasar di mana kanak-kanak yang ada di peringkat sekolah kita ini diberikan peluang untuk benar-benar mempunyai budaya berfikir, budaya ingin tahu supaya menjadi satu manusia nanti yang benar-benar boleh digunakan dalam negara kita. Cuba kita lihat kalaulah dengan izin *it is a change effect*. Kalaulah kanak-kanak yang di peringkat menengah ini kita pertekankan supaya mereka terus menjadi manusia yang berminat dalam *research and development* kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua Pertua saya teringat masa kecil dahulu, masa bersekolah di peringkat menengah.

Masa sekolah rendah kita hanya ditekankan supaya baca buku, baca buku, periksa dan masuk sekolah menengah. Di peringkat sekolah menengah kita juga ditekankan supaya baca buku, baca buku untuk lulus periksa untuk masuk universiti.

Semasa sekolah menengah bila belajar tentang biologi sebagai satu contoh, oleh kerana tidak ada budaya untuk menyelidik kita rasa biologi ini menjadi satu mata pelajaran yang begitu bosan sekali kerana kita tidak tekankan di peringkat rendah. Sebab itu ramai di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah ini bila sampai di peringkat menengah mereka tidak sanggup untuk meneruskan pelajaran di peringkat sains kerana pada mereka ianya begitu bosan kerana buat *research chemistry*, buat *research* biologi. Pada mereka perkara-perkara yang bosan ini tidak seharusnya

mereka teruskan untuk mendapat ilmu-ilmu dalam bidang-bidang yang menjadi kebosanan kepada mereka.

Oleh sebab itulah kalau kita dapat menanamkan budaya-budaya *research* daripada kecil ini, pada saya di peringkat menengah juga kepada mereka nanti akan menjadi satu perkara yang biasa pada mereka dan terus dapat kita tanamkan semangat ini dan apabila masuk ke universiti nanti perkara-perkara yang kita hendak buat supaya dasar pelajaran yang benar-benar bertaraf dunia itu dapat kita capai kerana seperti yang saya katakan tadi budaya itu telah pun ditanam dalam jiwa sanubari kita daripada kecil lagi barulah profesor-profesor yang kita adakan, yang wujud dalam negara kita, yang lahir daripada dasar pelajaran ini adalah merupakan profesor-profesor yang akan menjadi lebih masyhur dan lebih terkenal di peringkat dunia nanti.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, adakah ini juga faktor yang menyebabkan Yang Berhormat tidak mengambil kursus yang berkaitan dengan biologi di peringkat universiti?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Ini soalan yang.....Cuba kita lihat satu *statement* dengan izin yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Beliau kata beliau masuk universiti untuk mengambil jurusan pengajian Islam kerana beliau tidak dapat ilmu di peringkat menengah ataupun tidak dapat memahami ilmu sains yang lebih mendalam di peringkat menengah sebab itu beliau masuk untuk mencari ilmu dari segi yang dia tahu daripada kecil. Budayanya daripada kecil adalah pengajian Islam.

Pada diri saya begitulah juga di peringkat sekolah menengah ini masa belajar biologi itu guru yang mengajar kita juga saya rasa dia pun berasa bosan untuk mengajar biologi ini. Dengan guru yang bosan, anak murid yang mendengar pun bosan akhirnya tidak timbul minat *chemistry* di antara satu sama lain dan sebab itulah saya tidak meneruskan untuk mencari ilmu dalam jurusan biologi.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** [*Bangun*]

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Hendak tanya? Saya ingat hendak keluar tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dato' Hamzah. Saya tertarik dengan apa yang disebut



oleh Dato' Hamzah yang mungkin berbeza dengan saya. Saya amat meminati biologi dan *chemistry* malah menduduki peperiksaan SPM pun dalam sains tulen.

Apa yang saya nampak di sini Yang Berhormat sekalian, mungkin kita dapat nampak kesilapan teknik dalam pengajaran ilmu sains itu sendiri. Sepatutnya ilmu sains itu membongkar rahsia alam, membongkar kehebatan Allah dalam penciptaan kehidupan manusia sama ada dalam bentuk logam ataupun dalam bentuk kehidupan hayati dan benda-benda hidup. Sepatutnya perkara ini menjadi satu perkara yang mendekatkan kita mengenal Allah swt.

Saya kira mungkin satu perubahan dasar pendekatan pembelajaran perlu dibuat supaya perkara ini benar-benar melahirkan satu daya *interface* tinggi yang melahirkan satu akidah yang cukup mantap bahawa sains sebenarnya menguatkan keyakinan manusia itu terhadap kebesaran Allah swt. Jadi apa pandangan Yang Berhormat tentang isu ini?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Siti Zailah bahawa kita harus menukar dasar pendidikan kita ini supaya penekanan dibuat di peringkat bawahan lagi budaya itu tadi sebab itu apa yang saya katakan tadi budaya itu harus kita tekankan daripada bawahan lagi. Kita cerita apa itu manusia dan siapa yang mencipta manusia. Ada orang kata bila kita kata apa itu manusia dan siapa yang mencipta manusia orang kata itu ilmu agama. Tapi ada orang kata bila cara kita membuka selera bila kita cerita fasal manusia ia juga boleh kita katakan sebagai biologi.

Dasar itu harus kita fikir dan buat kajian secara mendalam supaya budaya ini dapat kita tanam. Kanak-kanak yang ada di peringkat bawahan ini sebagai contoh kalau umur tujuh tahun, belajar dari segi bagaimana kambing dibela, bagaimana ayam-ayam dibela sebagai contoh, bagaimana caranya ini untuk kita buat bidang-bidang yang akhirnya nanti akan mencapai satu dasar hari ini sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia kata kita hendak mempertekankan bidang pertanian, orang kata macam-macam. Bidang pertanian ini boringlah, bidang pertanian ini tidak ada masa depan, bidang pertanian ini adalah merupakan satu bidang yang tidak glamor, sebagai contoh.

Apa salahnya. Pada saya salahnya adalah budaya semula. Budaya kita. Cuba sebagai satu contoh Tuan Yang di-Pertua, ulam-ulam orang Melayu makan. Orang

kampung makan ulam-ulam masa kita kecil lagi. Itu budaya, Budaya makan ulam. Tetapi apabila kita makan ulam, ibu bapa kita, tok nenek kita cakap makan ulam ini baik kerana dia akan menunjukkan apabila kita dewasa nanti, kita sentiasa muda. Itu orang tua-tualah cakap. Makan ulam bagus, nanti kita sentiasa muda, awek muda, itu kata Yang Berhormat Siti Zailah, awek muda sentiasa. Tetapi setakat cakap begitu, kalau kita tidak buat kajiannya, benarkah ulam-ulam yang kita makan itu boleh menjadikan kita nampak muda sentiasa? Contoh ulam-ulam yang ada dalam negara kita ini, ulam raja, ulam selom, ulam yang Yang Berhormat-Yang Berhormat banyak makanlah. Saya ini jarang makan ulam sebab itu tidak berapa nampak muda.

Salad-salad yang ada semua ini, kalau daripada kecil kita sudah tahu yang ini adalah merupakan budaya orang kampung sebab itu orang kampung apabila ulam-ulam ini sentiasa nampak sihat, tidaklah macam orang-orang yang di bandar-bandar ini takut makan ini, takut nanti sakit ini dan sakit itu, kerana budaya tadi dan saya bersetuju sangat, kalau boleh kita tukar dasar pendidikan ini supaya benar-benar dapat kita tanamkan semangat supaya budaya ingin tahu, budaya *curiosity*, *research* kita mulakan daripada peringkat bawahan.

Saya hendak bercakap tentang, semalam saya baca surat khabar yang.....

**Tuan Osman bin Bungsu:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat Tuan Osman.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Hamzah kerana semangat memartabatkan pendidikan bertaraf dunia di Malaysia ini. Saya juga tertarik dengan pandangan yang begitu jelas dalam mencapai Wawasan 2020 agar kerajaan Malaysia dapat menyediakan satu prasarana pendidikan. Jadi kalau kita melihat, kita hendak menyediakan pendidikan bertaraf dunia dan untuk menyediakan satu lagi universiti, saya rasa di peringkat bawah, di peringkat tenaga pengajar, kita kena sediakan guru-guru yang bebar-benar dapat menyediakan dirinya sebagai tenaga pengajar sepenuhnya. Kalau kita lihat sekarang ini, kita tengok tenaga pengajar sekarang ini telah banyak dibebani dengan kerja-kerja yang akhirnya kerja perkeranian yang sepatutnya tidak dibuat oleh guru ini, di bebankan kepada guru.

Jadi dengan bebanan kerja yang begini banyak, kalau kita lihat Yang Berhormat pun faham, apakah langkah-langkah kementerian bagi mengatasi beban guru ini agar

guru ini dapat menumpukan tenaga sepenuhnya kepada pengajaran dengan tenaga pengajaran yang sepenuhnya akan dapat meningkatkan pelajar-pelajar kita yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Jadi dengan itu, saya melihat terutama kepada anak-anak yang di luar bandar. Kita memperbanyakkan pendidikan kita tumpu dalam kawasan bandar, kemudahan-kemudahan di dalam bandar. Apakah kita melihat tahun 2020 akan datang anak-anak yang di luar bandar yang permata yang tidak dapat digilap dapat digilapkan dengan menyediakan guru-guru di luar bandar ini guru-guru ada kemahiran, ada pengalaman dan ada guru yang mengajar sepenuhnya tidak dibebani dengan tugas-tugas, apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Inilah Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan Negara ini benar-benar dapat memikirkan tanggungjawab untuk kita memikirkan bukan hanya di peringkat rakyat yang ada hari ini, tetapi juga untuk peringkat generasi yang akan datang. Sebab itu untuk kita mempertingkatkan dasar pelajaran yang lebih baik ini, kita hendak tekankan juga tentang tenaga pengajar. Saya baru hendak masuk tentang ini, saya kata semalam saya baca *news paper*, ada guru - dalam Utusan Malaysia hari ini pun ada dibangkitkan bahawa - 'Guru mohon bantuan insentif pedalaman'. Hari ini dalam *Utusan Malaysia* di hantar kampung saudara Pengarang *Utusan Malaysia* - Forum. 'Terdapat 12 orang guru yang berkhidmat di Sekolah Kebangsaan Post Bersih Ulu Slim di bawah pentadbiran Pejabat Pelajaran Daerah Tapah. Mereka terpaksa melalui jalan balak sejauh 10 kilometer yang berdebu pada musim panas dan berlumpur apabila musim hujan. Di sekolah itu tiada bekalan elektrik dan air paip. Guru-guru itu sepatutnya mendapat bantuan insentif pedalaman yang di pohon melalui guru besar daripada dahulu lagi sudah hampir tiga, empat tahun.' Diharap Kementerian Pelajaran memberikan perhatian yang sewajarnya.

Kita sudah kata negara kita maju, kita sudah kata kita hendak pertingkatkan supaya dasar pelajaran kita bertambah maju, tetapi ada lagi masalah-masalah ini yang dibangkitkan oleh tenaga pengajar kita. Apakah sebenarnya yang terjadi di peringkat profesion perguruan yang ada dalam negara kita ini? Tidak bolehkah kita angkat martabat profesion perguruan yang ada dalam negara kita ini menjadi satu profesion yang benar *noble* dalam negara kita. Bukanlah mereka ini yang akan menentukan nasib generasi akan datang? Bukankah generasi akan datang nanti yang akan mencorakkan

negara ini menjadi negara yang benar-benar maju, negara yang benar-benar yang dikatakan sebagai negara yang bertamadun tinggi. Di mana mulanya kita?

**Datuk Jins Shamsudin:** Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik dengan perbincangan berhubung dengan pendidikan ini dan menyokong sepenuhnya. Tetapi ada beberapa perkara yang telah saya difahamkan berhubung dengan guru-guru kursus profesional yang telah diadakan oleh kerajaan untuk meningkatkan kemampuan dan kepakaran guru-guru yang ada. Kementerian Pelajaran telah pun membelanjakan yang besar guru-guru yang telah dilatih semula pemilihan peserta guru-guru yang telah dilatih semuanya guru-guru berketerampilan, guru-guru yang berpengetahuan tinggi, berpotensi dan segala-galanya, mampu mengurus untuk berkesan dan berpengaruh tinggi, pemimpin yang baik.

Tetapi apa yang terjadi ialah guru-guru atau pengetua masih lagi dipilih daripada kalangan-kalangan yang baru masuk. Sedangkan guru-guru yang telah pun menjadi pemimpin di sekolah itu, yang jadi pengetua tidak pernah diberi peluang kepada Guru Penolong Kanan. Jadi Penolong Kanan tidak diberi peluang untuk menjadi Guru Besar di sekolah-sekolah kerana mereka ini harus mengambil masa lebih 20 tahun, baru mendapat DG 41 dan DG 48 barulah boleh menjadi kerana mereka berada di golongan itu, baru boleh menjadi pemimpin. Apakah pandangan Yang Berhormat dalam hal ini kerana mereka tidak diberi peluang untuk menjadi pemimpin di sekolah sedangkan, mereka mempunyai pengalaman lebih 20 tahun di sekolah-sekolah, terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Jins. Itu satu masalah yang ditimbulkan di satu kawasan yang saya tidak tahu di man. Mungkin ada. Itu kita minta Kementerian Pendidikan untuk mengkaji semula tentang masalah naik pangkat dan sebagainya. Yang saya hendak cakap ini dari segi dasar keseluruhannya.

Saya hendak bercakap tentang profesion perguruan ini. Pada saya guru ini adalah merupakan satu profesion yang martabatnya begitu tinggi sekali. Dahulu orang-orang tua berkata kalau anak-anaknya yang perempuan hendak berkahwin dengan guru-guru cepat-cepat pula ibu bapa beri. Hari ini pula bila anak-anaknya hendak berkahwin, dengan siapa tunangnya atau bakal suaminya, mereka kata "kerja guru", "nanti dahulu" – cari yang lain. Cari ahli-ahli korporat, macam Datuk Yaakob,

macam Datuk Syed Ali, inilah yang jadi masalah kita hari ini dia punya *value* sistem sudah bertukar.

Padahal profesion guru ini kalau kita boleh naikkan martabatnya semula, kalau dahulu selepas merdeka kita benar-benar nampak guru ini sebagai orang yang kita paling sayang dan kita sanggup bermati-matian untuk mereka mengapa tidak hari ini? Kita harus tukar dasarnya supaya apabila mereka hendak menjadi guru ini bukanlah pilihan terakhir, tetapi merupakan pilihan utama mereka. Masa mula-mula mereka masuk universiti lagi, mereka sudah tahu mereka akan menjadi guru dan sudah tahu mereka hendak menjadi guru, itu minat mereka menjadi guru kerana apa? Kerana kita lahirkan satu masyarakat yang benar-benar apabila mereka ini menjadi guru diterima sebagai satu profesion yang paling *noble* dalam negara kita, yang martabatnya begitu tinggi sekali. Bagaimana caranya? Kita pilih dan kita buat supaya kalau dari segi imbuhan yang saya kata tadi, salahkan kalau imbuhan kita naikkan mereka ini tinggi daripada pegawai-pegawai kerajaan yang lain.

Cuba kita fikirkanlah Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai kerajaan yang ada dan yang bukan guru ini saya hendak minta maaf, bukanlah saya kata mereka ini tidak ada martabat atau tidak tinggi, tetapi mereka juga adalah merupakan tenaga-tenaga yang dapat membantu kerajaan - terima kasih, syabas dan tahniah tetapi mereka ini datang pagi dan balik pukul 5 petang. Kemudian esok sambung semula, 5 petang sampai esok pagi boleh buat kerja lain, bolehlah. Tetapi guru-guru ini walaupun mereka pergi pagi, balik tengah hari selepas itu bermacam-macam aktiviti yang mesti mereka buat, kurikulum-kurikulum yang hari ini mereka diminta oleh kementerian untuk membuat bermacam-macam.

Ada yang sampai guru-guru sakit jiwa, cuba kita lihat Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahulah kaum wanita ini bagaimana dan sebab itulah saya sayangkan kaum wanita, mereka ini kaum wanita ini kalau di rumah jaga anak, saya tengok bila cuti panjang dua, tiga hari ini saya tengok isteri saya jaga anak, Allah kasihan, letih. Itu baru menjaga anak 4 orang, guru-guru ini jaga 40 orang dalam satu kelas, masya-Allah kalau sayalah, saya kata kalaulah saya jadi guru, hendak menjaga 40 orang dalam kelas memang betul sakit jiwa, macam-macam perangai yang ada.

Mengapa tidak kita pertingkatkan martabat ini dengan memberi imbuhan yang begitu besar, supaya ramai di kalangan rakyat kita yang akhirnya nanti tahu sekiranya mereka menjadi guru dalam negara hari ini mereka diiktiraf sebagai satu rakyat atau sebagai satu kumpulan yang martabatnya begitu tinggi sekali. Caranya hari ini tidak ada penyelesaian, yang saya hendak berikan cuma saya hendak minta supaya kementerian mengkaji semula, tengok semula dan janganlah semua kita letakkan beban-beban ini kepada guru-guru akhirnya tidak sampai umur 40 kalau yang wanitanya sudah mula hendak pencen kerana pada mereka tidak tahan lagi.

Ramai Yang Berhormat ini adalah bekas-bekas guru yang ada di sini mereka tahulah, saya ingat Yang Berhormat Tuan Osman bekas guru, dia mungkin lebih tahu daripada saya, saya tidak pernah jadi guru, walau macam mana pun daripada apa yang saya lihat dan daripada apa yang saya tengok dan saya membuat tinjauan, memang benarlah bahawa mereka ini adalah merupakan satu kumpulan yang harus kita perjuangkan supaya martabat mereka dinaikkan begitu tinggi sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beralih tentang pembangunan insan dalam negara kita...

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat beralih saya hendak minta celah sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih. Bercakap tentang hormat kita kepada cikgu ataupun guru, saya telah pergi merasmikan mesyuarat PIBG di banyak sekolah di Perak, Kedah dan juga Perlis dan bila saya mendengar apabila Pengetua atau Guru Besar mengatakan bahawa di sekolah rendah kisah benar ini Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang cara ini mereka sudah lupa tentang kita patut kena hormat kepada guru dan saya ingin mendapat satu penjelasan daripada Yang Berhormat bersetuju atau tidak dengan saya.

Pada masa dahulu atau masa kita dahulu, *bila* kita berjumpa dengan cikgu ataupun dengan guru kita, kita tunduk kepala dan menghormati mereka kerana kita hormat *sangat* kepada guru kita, tetapi sekarang sehingga cikgu bawa buku berlambak dan buku itu bila terjatuh, anak murid pun ketawa. Jadi saya rasa ini adalah satu kesalahan bukan sahaja daripada pihak guru ataupun pihak mana-mana, ibu-bapa juga bertanggungjawab, jadi saya rasa kempen berbudi bahasa yang *ada* sekarang, dan nilai-nilai murni ini telah wujud dari peringkat *kita* kanak-kanak lagi dan tidak

mementingkan budaya berbudi bahasa dan juga nilai-nilai murni yang patut kita tanamkan kepada anak-anak kita, kita hanya tahu mengejar kejayaan akademik untuk menjamin masa hadapan anak-anak kita, itu yang kita fikirkan banyak sekarang. Jadi saya bersetuju sekiranya kerajaan bukan mewujudkan kempen berbudi bahasa ini, tetapi memperingatkan kembali nilai-nilai murni yang pernah kita ada dahulu. Dan juga bahasa-bahasa yang kita perlu bila kita bercakap dengan sesiapa sahaja bukan sahaja dengan guru.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalnya Yang Berhormat.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Cuma saya minta pendapat dari Yang Berhormat bahawa setuju atau tidak dengan saya, ibu bapa juga memainkan peranan yang penting dalam hal ini, terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat

Siw Chun, nama pun cun. Saya bersetuju, sebenarnya kalau kita bercakap dari segi budi bahasa ini sebab itu saya hendak masuk tadi tentang pembangunan insan, hendak kaitkan tentang profesion guru-guru ini dengan pembangunan insan supaya nanti, insan yang dilahirkan dalam tanah air kita ini adalah merupakan insan yang benar-benar tahu tentang kerohanian jasmani dan intelektual mereka. Itu yang kita hendak supaya akhirnya nanti dapatlah kita lahirkan rakyat dalam tanah air kita, rakyat yang benar-benar mempunyai peradaban tinggi, itu yang saya hendak sampaikan dan sebab itu saya bersetuju budaya budi bahasa ini.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat minta laluan!

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Sekejap, sekejap hendak jawab sedikit Yang Berhormat Chun ini. Budi bahasa ini, saya bersetujulah, kalau dahulu, kalau kita tengok cikgu bawa berat-berat ini kita minta tolong, "cikgu boleh saya minta tolong bawa". Hari ini saya tengok tidak adalah. Usahkan itu, kalau Chun, kalau kita pergi *shopping complex*, kalau kita pergi *shopping* di pasar-pasar rayalah, ibu bapa ataupun ibu pergi beli, membawa anak kemudian bayar. Yang membawanya siapa, anak-anak ikut di belakang sahaja, yang bawa masih lagi ibu bapa sebab kita diajar daripada dahulu lagi, hormat guru-guru kita jadi barang-barang itu pun kita angkat sendiri, kita bawa sendiri tetapi anak-anak kita, kita tidak ajar seperti apa yang diajar kepada kita.

Ini yang menjadi masalahnya hari ini. Kita sudah menjadi ibu bapa, dahulu kita kanak-kanak, dahulu kita belajar daripada ibu bapa, yang kita sudah menjadi ibu bapa pula tidak mengajar anak-anak kita untuk menjadi insan yang lebih mulia, insan yang lebih baik dalam negara kita. Sebab itu saya minta supaya kerajaan melalui Jabatan Perdana Menteri ini benar-benar melihat ataupun Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini benar-benar membuat kajian bagaimana hendak melahirkan insan mulia dalam negara kita. Bila kita kata pembangunan insan ini, kita lihat ilmu sebagai satu daripada pendekatan yang ....

**Tuan Ismail bin Kasim:** Minta laluan.

**Dato' Hamzah bin Zainuddin:** Tadi, tadi sahabat saya.... Saya bagi peluang sahabat saya.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Apa yang diperkatakan tadi oleh rakan saya iaitu tentang budaya di mana kita tahu ibu bapa kita dahulu memang kita menghormati mereka. Sebab apa? Sebab pada ketika itu kita masih lagi tidak terikut dengan budaya Barat. Apabila sampai ke tahap kita, sudah menjadi seorang bapa ataupun sebagai seorang ibu, anak-anak kita sudah mula terikut-ikut dengan budaya Barat. Punca kita terikut-ikut dengan budaya Barat adalah daripada diri kita sendiri. Kalau kita tengok dalam kaca TV sekarang budaya-budaya yang ditunjukkan dalam Astro, budaya-budaya yang ditunjuk di dalam TV3 dan sebagainya adalah satu budaya yang tidak elok. Jadi, ini yang patut kita bentuk dahulu barulah di bawah itu kita boleh tukarkan. Kalau di bawah itu kita hendak tukar tetapi di atas kita masih lagi membuka ruang kepada anak-anak kita untuk melihat mungkin kita tidak dapat. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Hamzah bin Zainuddin:** Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Omar. Yang Berhormat Dato' Omar ini bapa saudaranya Menteri Penerangan, yang jaga TV. Balik kampung, cuti, kenduri kendera beritahulah kepada bapa Menteri itu. *[Ketawa]* Cakap di dalam Dewan ini sahaja, satu bab. Saya bersetuju. Yang menjadi masalah kita pada hari ini kerana budaya luar, budaya negatif daripada negara luar telah dengan senangnya masuk meresap dalam negara kita. Jadi, hari ini sudah menjadi satu masalah yang kritikal, sebab itu saya hendak mencadangkan supaya insan yang berilmu



dan berakhlak mulia ini akan menjadi tanggungjawab kerajaan dan keseluruhan rakyat yang ada hari ini untuk menentukan generasi yang akan datang adalah benar-benar merupakan generasi yang berilmu dan berakhlak mulia.

Bila kita bercakap dari segi ilmu ini kita kena tengok semua jenis ilmu. Tidak kira apa jenis pengetahuan sekali pun untuk kehidupan yang lebih baik tidak kiralah sains, sains teknologi, sejarah atau agama dan yang paling penting jangan kita lupa tentang ilmu untuk tujuan sosial dan masyarakat. Inilah yang kita sedang diperbincangkan pada hari ini. Ilmu, sosial dan masyarakat. Tiba-tiba semalam tengah duduk-duduk, cuti, kita baca *news paper*, keluar pula Yang Berhormat ....

**Datuk Azizah binti Abd Samad:** Yang Berhormat, minta laluan, sebelum Yang Berhormat pergi ke seterusnya.

**Dato' Hamzah bin Zainuddin:** Sedikit, sedikit sahaja, Yang Berhormat Datuk Azizah. Yang Berhormat Menteri kita mencadangkan Presiden GERAKAN Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik supaya pengajaran agama dikeluarkan daripada sekolah. Ini cerita apa? Kita dan Dewan Negara baru hendak bercakap tentang pembangunan insan, insan yang mulia, akhlak yang mulia, kita hendak menekankan dari peringkat kanak-kanak lagi tiba-tiba dia kata, tidak payah belajar agama di sekolah rendah. Ini cerita apa? Sebelum saya sambung saya benarkan, Yang Berhormat Datuk Azizah.

**Datuk Azizah binti Abd Samad:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya cuma hendak menyentuh sedikit berkenaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tadi. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita telah mengadakan berbagai-bagai kursus, terutama sekali tentang kekeluargaan tetapi malangnya yang datang beramai-ramai itu hanyalah kaum isteri dan ibu, kaum bapa yang sepatutnya bersama-sama mendukung tanggungjawab ini tidak pernah muncul. Oleh itu, saya pohon kepada Yang Berhormat silalah kempen sedikit supaya kaum bapa turun bersama-sama dengan kami. Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainuddin:** Kaum bapa ni tidak tepuk tangan pun. *[Ketawa]* Tidak bersetuju. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Datuk Azizah sebab itu saya pergi merasmikan kempen *Keluarga Bahagia* yang dibuat oleh peringkat kawasan Yang Berhormat Datuk Azizah, saya pergi merasmikan. Yang Berhormat kata tidak ada kaum bapa, ada semasa saya pergi. Ada! Saya pergi dan saya tengok ramai juga yang lelaki.

**Datuk Azizah binti Abd Samad:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Hamzah bin Zainuddin:** Ngek, ngek..... *[Tidak pasti apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Datuk Azizah]* Saya faham, mereka kata semasa perasmian sahaja, Dato' Hamzah hadir maka ramailah lelaki, selepas perasmian, balik semua lelaki yang tinggal ibu-ibu dan isteri-isteri sahaja.

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** *[Bangun]*

**Tuan Ismail bin Kasim:** Laluan, laluan

**Dato' Hamzah bin Zainuddin:** Saya hendak jawab. Nanti sedikit, sedikit.

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Sudah dua kali kena negeri.

**Dato' Hamzah bin Zainuddin:** Bila sentuh tentang bapa-bapa ini, maka bangunlah jaguh bapa-bapa dalam negara kita. *[Ketawa]* Saya mintalah bila kita bercakap di peringkat ini bapa-bapa juga sebenarnya ada tanggungjawab masing-masing. Inilah masalahnya wanita hari ini. Masalahnya .....

*[Kerusi Yang Berhormat Puan Nosimah binti Hashim bermasalah]*

**Dato' Hamzah bin Zainuddin:** Ha, nasib baik agenda saya hendak cerita pasal Dewan baru yang cantik ini pada akhir sekali. Sibuk hendak mengucapkan tahniah Dewan Negara tengok-tengok kerusi sudah pecah, nasib baik belum lagi, tak jadilah.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat teruskan dahulu.

**Dato' Hamzah bin Zainuddin:** Okey, okey! Saya minta kepada media-media, yang ini jangan ambil dan jangan cerita di luar. Ini di antara kita sahaja. Ini menjadi isu pula, esok. Hari itu Dewan Rakyat bocor dan ini Dewan Negara kerusi *[Disampuk]* patah, lailahillallah. Yang mana cerita berilmu dan berakhlak mulia ini.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Dato' Hamzah bin Zainuddin:** Saya minta Yang Berhormat Datuk Syed Ali. Jangan marah saya Yang Berhormat Dato' Musa, ye.

**Dato' Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabsyee:** Terima kasih, Yang Berhormat yang telah memberi laluan kepada saya. Sebenarnya Yang Berhormat, saya amat kagumlah cara penyampaian Yang Berhormat tentang profesion perguruan ini dan saya terkejut bila hari ini Yang Berhormat betul-betul bersemangat memperjuangkan tentang profesion perguruan. Sebab apa Yang Berhormat, kita tahu bahawa baru-baru

ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi ada menyatakan bahawa dia masih teringat dengan guru-guru beliau yang telah mendidik beliau. Hari ini beliau telah menjadi Perdana Menteri dan beliau cuba juga untuk bertemu dengan guru-guru. Ini adalah satu akhlak yang cukup baik yang ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tetapi hari ini Yang Berhormat, kalau kita melihat mengenai pelajar-pelajar, khususnya di sekolah-sekolah menengah, mahupun di sekolah rendah, saya melihat punca pelajar-pelajar yang kurang menghormati guru ini bermula daripada rumah, *the parents*, ibu bapa.

Sebab apa saya nyatakan demikian kerana saya melihat Yang Berhormat, Yang Berhormat pun boleh lihat pandangan saya ini sebagai satu perkara yang cukup penting, ibu bapa harus memainkan peranan bagi mendidik anak-anak supaya menghormati guru.

Kadang-kadang terbalik Yang Berhormat anak-anak pun tidak menghormati ibu bapa sebab itulah perkara ini terbawa ke sekolah dan hari ini kita ingat satu gejala yang cukup besar. Saya tidak tahu sama ada Ahli-ahli Yang Berhormat perasan ataupun tidak di sekolah menjadi satu perkara yang begitu besar yang mana para pelajar tidak menghormati guru. Bila dia tidak menghormati guru, guru hendak mengambil tindakan ini perkara yang benar.

Tadi Chung cerita perkara yang benar, saya hendak bercerita perkara yang benar yang mana satu kejadian telah berlaku disalah sebuah sekolah di kawasan Cheras, apabila Pengetua menangkap seorang pelajar perempuan menghisap rokok di dalam tandas, ia ambil keputusan telefon untuk menjemput ibu atau bapa datang ke sekolah untuk menyelesaikan masalah disiplin pelajar tersebut tetapi tahu Yang Berhormat apa jawapan daripada emaknya, dia kata cikgu saya sudah tidak boleh hendak kawal memang anak saya hisap rokok, cikgu buatlah apa saya sudah tidak masa hendak datang ke sekolah.

Ini menjadi satu beban kepada guru hendak mendisiplinkan anak dia, ya lah di sekolah boleh bagaimana di luar dan kita tahu Yang Berhormat kadang-kadang pelajar ini selepas sekolah mereka tidak pulang terus ke rumah, mereka berkeliaran di luar, mereka pulang lewat. Ibu bapa pula takut hendak tanya, di mana, campur dengan

siapa. Ini Yang Berhormat gejala ini saya menyalahkan ibu bapa, *the parents* dalam hal ini. Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat saya tahu Yang Berhormat ini ada satu yayasan namanya Yayasan Pelajaran dan Pendidikan Cheras. Yang saya hairan dia boleh kata masa bila pula saya ini hendak pertahankan guru-guru ini. Padahal tiap-tiap aktiviti Yayasan Pelajaran Pendidikan itu, dia minta *donation* daripada saya, tidak patut betul. Takkan dia tidak tahu lagi memang kita sayangkan guru-guru ini dan saya bersetuju dengan pendapat beliau puncanya hari ini, biar saya bagi satu *cycle*lah, masalah ibu bapa, masalah anak-anak, balik kepada guru-guru.

Tadi saya sudah kata, guru-guru ini, dia jadi guru hari ini kerana dia tidak dapat kerja lain lagi, kebanyakan daripada mereka. Dia bukan lagi profesion yang utama kepada mereka tetapi profesion yang terakhirlah, *the last choice* kepada mereka, dengan izin. Kemudian balik kepada ibu bapa, yang ibu bapanya hari ini, oleh kerana hari ini dengan pembangunan yang begitu pesat sekali, berlumba-lumba untuk mencapai ke tahap yang lebih tinggi dari segi tahap kehidupan masing-masing lupa tanggungjawab anak-anak dan anak-anak ini yang ibu bapa biarkan begitu sahaja untuk kepentingan guru-guru untuk diajar dan dididik oleh guru-guru tadi akhirnya terkapai-kapai ikutlah kawan-kawan yang mempunyai masalah-masalah yang begitu ketara sekali dalam negara kita yang saya akan bawa selepas ini nanti. Soal masalah sosial dalam negara kita.

Saya hendak balik kepada masyarakat.....

**Tuan Ismail bin Kasim:** Minta laluan dua kali Yang Berhormat, tidak bagi pun.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Bagi Yang Berhormat Ismail bin Kassim.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Ismail bin Kassim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat atas peluang yang diberikan kepada saya. Sebelum saya mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat tadi, kita minta wartawan jangan masuklah *publish* tentang dua kerusi yang sudah rosak itu dan termasuk jentik-jentik di kawasan rehat di luar itu masih banyak lagi takut ada pegawai ataupun Yang Berhormat

yang kena demam denggi dan sebagainya. Minta tindakan diambil segera oleh pihak Parlimen.

Yang Berhormat saya sangat bersetujulah, walaupun sahabat saya menyalahkan ibu bapa 100% atas segala kepincangan yang berlaku dalam sosial *ill* yang sama-sama kita bincangkan tadi. Tetapi saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa separuh daripada punca sebenar yang menyebabkan terjadinya pelajar kurang minat dan sikap salah laku yang terlalu banyak berlaku di sekolah adalah berpunca daripada guru sendiri kerana apa yang saya perhatikan guru sekarang ini adalah tidak menjadi pendidik yang sebenarnya seperti mana guru-guru zaman terdahulu.

Mereka sebenarnya hanya menjadi pengajar dan selepas habis waktu sekolah mereka sukar untuk berkorban terutamanya, saya bukan hendak kritik guru-guru wanita ini terutamanya bini-bini pembesar-pembesar di kalangan guru mak-mak Datin, perempuan Pengetua kalau mereka diberi tanggungjawab lebih tidak boleh kerana ikut urusan rasmi suami. Hendak datang untuk aktiviti ko-kurikulum pada pukul 4.00 petang kah atau pukul 4.30 menimbulkan kesukaran yang banyak dan begitu juga yang muda-muda ini mereka ini tiada minat sebenarnya seperti mana Yang Berhormat timbulkan tadi.

Apabila kerajaan bercadang untuk menyerap puluhan ribu siswazah mengganggu untuk menjadi guru, kita menganggap ini adalah suatu yang tidak praktikal sama sekali kerana kita sedar bahawa kalau tindakan kita buat menjadikan bidang profesion perguruan ini sebagai *the last result* kepada pencari-pencari pekerjaan ini, tidak kira di kalangan siswazah ataupun lepasan sekolah, maka dunia pendidikan kita akan menuju ke arah kehancuran seperti mana yang dibangkit oleh.... Tetapi hendak salah 100% kepada ibu bapa saya tidak bersetuju kerana semua pihak terlibat.

Saya hendak bagi satu contoh macam Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee tadi, saya hendak bagi satu contoh kepada Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini. Contohnya guru ada 200 di sekolah, murid bermasalah ada dalam 100 ataupun 200 kes. Tidak bolehkah 200 guru mengambil 200 kes pelajar ini, 2 orang pelajar ini, kalau 200 kes baru 2 pelajar bagi seorang guru *rationya* untuk dijadikan anak angkat kepada pelajar-pelajar bermasalah kerana pada saya kalau didampingi adik-adik ataupun anak-anak kita ini kerana banyak masalah kita boleh diatasi.

Saya hendak beritahu Yang Berhormat, saya pernah membuat siri perjumpaan, tiga siri perjumpaan dan jamuan dengan pelumba-pelumba *illegal racing* ini yang pelumba-pelumba haram pada waktu malam. Tiga perjumpaan saya buat dengan adik-adik ini termasuk saya bagi tiga jamuan di hotel kepada mereka untuk mereka rasa dan berdamping dengan kita, yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar saya sendiri. Kita lihat selepas itu sebulan tidak ada pelumba-pelumba haram pada waktu malam kerana mereka anggap mereka kawan pemimpin-pemimpin. Pendampingan yang rapat, mengenal pasti masalah mereka kita dapat elak banyak masalah, jangan dipikulkan benda ini kepada ibu bapa. Apa pandangan Yang Berhormat, sila terus.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua, kita bercakap tentang pendidikan adalah....., saya bercakap tentang pembangunan insan tadi. Saya belum kaitkan dengan masalah sosial yang dibawa oleh rakan saya ini, itu akan saya bawa dan kita bincangkan bersama nanti. Bila saya cakap tentang ilmu tadi dan semua oranglah saya rasa, mesti kah kita persoalkan pelajaran agama di sekolah kebangsaan.

Pelajaran agama ini apa yang kita ajar untuk menjadikan kanak-kanak ini berakhlak mulia, tahu bagaimana untuk hormat-menghormati orang lebih tua, berbudi pekerti yang tinggi supaya mereka ini dapat percaya mempercayai di antara satu sama lain. Perkara-perkara yang baik-baik yang diajarkan oleh agama, kalau yang bukan belajar agama Islam mereka belajar moral juga perkara yang baik-baik.

Saya ingat kenyataan ini tidak usah kita memperbincangkan cuma saya hendak beritahu sahaja, ini orang ini cuba dia fikir semulalah kerana kita hendak cerita pembangunan insan.....

**Dato' Musa bin Sheikh Fadzir:** Memohon laluan.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** .....rakan-rakan Yang Berhormat bagi parti Gerakan ini tolong beritahu dengan Presiden kata Ahli Dewan ini berasakan kalau boleh kita hidup dalam keadaan yang aman damai begini dalam negara kita kerana kita hormat-menghormati kerana kita tahu belajar daripada kecil

Sebab itu negara kita hari ini kuat kerana negara kita adalah merupakan negara yang rakyatnya berbilang kaum, tetapi tahu hormat-menghormati di antara satu sama lain. Jadi isu-isu sensitif macam ini tidak usah diperbesar-besarkan dan dibawa kepada peringkat yang mengelirukan rakyat ataupun pemimpin-pemimpin yang ada dalam

negara kita. Ini Dato' Musa ini sudah banyak kali bangun. Tuan Yang di-Pertua, saya bagi laluan.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Saya pun sudah terkeliru siapa sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, tidak tahu. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tadi saya setuju dengan Yang Berhormat Dato' Hamzah iaitu tentang pendidikan agama. Sebenarnya konsep Islam Hadhari ini yang dibentangkan oleh Yang Berhormat tadi, iaitu satunya membentuk perpaduan kaum di negara kita ini. Sebab itu daripada sekolah rendah lagi iaitu sekolah kebangsaan, kita menggalakkan orang-orang yang bukan Melayu untuk belajar di sekolah kebangsaan dan dasar kerajaan pun telah bertukar iaitu boleh mengajar bahasa Mandarin dan Tamil.

Tetapi saya rasa kenyataan akhbar pada hari ini boleh jadi ini satu permainan politik yang tidak setuju dengan dasar tersebut, yang mana tidak setuju bahawa sekolah kebangsaan ini dipelajari oleh orang yang bukan Melayu. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua, ini masalah sensitif. Saya sudah katakan tadi, isu sensitif ini kita bincang di peringkat sesama kita, di antara pemimpin-pemimpin kita, kita lihat supaya dapat kita sentiasa hidup dalam keadaan aman damai. Kalau kita tuduh-menuduh, saya tidak tahu, mungkin dia mempunyai hasrat atau niat yang baik kerana mungkin dia lihat sekarang ini isu ekstremisme, isu ekstremis yang begitu ketara yang dibangkitkan hari ini di peringkat dunia, seolah-olah terlampau banyak sangat ekstrem-ekstrem agama, pelampau-pelampau agama.

Sebab itu dia kata dia takut, mungkin isu-isu negatif ini boleh meresap melalui kanak-kanak ini. Sebab itu diminta supaya dikeluarkan supaya ibu bapa jaga soal ini. Itu mungkin pandangan dia. Jadi perkara sensitif ini saya ingat saya tidak mahu bincangkanlah, Dato' Musa. Walau bagaimanapun, saya hendak kaitkan tadi tentang masalah dasar...

**Tuan Lee Sing Chooi:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi bangun.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Hamzah. Saya hendak tanya berkenaan dengan profesion guru ini yang dicakapkan itu menjadi satu pilihan yang terakhir, *the last choice*, saya agak tidak

bersetuju dengan pandangan macam ini. Saya ingat dalam alam persekolahan ini ramai guru yang bertanggungjawab, ramai guru yang hendak menjadi pendidik supaya anak-anak kita ini boleh satu hari lebih pandai dan menjadi seorang yang bermoral dan sebagainya, dan ramai juga masuk dalam pengurusan guru itu kerana mereka suka hendak mengajar dan mendidik. Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Saya ingat Yang Berhormat tersilap. Saya kata ada di kalangan mereka yang memilih profesion ini apabila mereka tidak dapat kerja lain. Ada di kalangan mereka, saya tidak kata semua guru. Sebab itu saya mempertahankan profesion perguruan ini dan tingkatkan martabatnya. Saya sudah kata tadi, Yang Berhormat, saya mahu perjuangkan tentang martabat perguruan yang ada dalam negara kita hari ini supaya guru-guru ini akan kita jadikan contoh, akan menjadikan contoh dan teladan dalam masyarakat kita ini supaya isu-isu lain seperti masalah sosial yang dibangkitkan oleh sahabat saya, Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim tadi, tidak timbul masalah sosial yang dalam negara kita ini.

Masalah sosial, ada yang katakan hasil daripada proses pembangunan modenisasi dan urbanisasi, ada yang kata. Hasil daripada inilah yang menyebabkan masalah sosial dalam negara kita. Cuba kita kaitkan tentang profesion guru dan ibu bapa tadi. Kalau ini ada kebenarannya, maka salahkah kalau sebuah negara menjadi negara yang moden. Salahkah kalau kampung-kampung dijadikan bandar? Saya rasa tidak salah. Modenisasi tidak sepatutnya menyebabkan masalah sosial. Urbanisasi juga tidak. Sepatutnya menyebabkan masalah sosial.

Persoalannya, kalau itu tidak, jadi mengapa ada lagi masalah sosial hari ini yang menjadi begitu kritikal dalam negara kita. Kita tengok penyalahgunaan dadah, pergaulan seks bebas, pelacuran, perjudian dan arak, rasuah dan macam-macam lagilah masalah remaja yang ada dalam negara kita ini. Bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah ini? Di mana puncanya? Ada orang kata modenisasi dan urbanisasi.

Kita tengok modenisasi ini secara fizikal ataupun kita tengok modenisasi ini dari segi keseluruhannya. Pada saya kita harus melihat dari segi keseluruhannya. Pembangunan modenisasi ini bukan hanya dari segi fizikalnya, tetapi juga masyarakatnya. Kalau masyarakat ini dapat kita lihat dan kita bentuk mereka untuk



menjadi masyarakat yang benar-benar tahu tanggungjawab mereka, bukan hanya sebagai individu tetapi juga sebagai anggota masyarakat, insya-Allah kita akan mencapai satu tahap yang boleh kita banggakan. Tetapi kalau modenisasi ini menyebabkan kita tinggal dari segi masalah pembangunan manusia dalam negara kita, maka ini yang mungkin akan menjadi masalah kepada kita atau generasi akan datang akan lebih teruk akibat daripada masalah yang kita hadapi hari ini.

Cuba kita lihat penyalahgunaan dadah. Apa puncanya? Ada orang kata pasal kawan-kawan. Saya hari ini juga, *newspaper* mana saya tidak tahu, saya ingat mungkin *newspaper* hari ini ada cerita pasal orang-orang yang... [Merujuk kepada laporan *akhbar*] Ya, hari ini juga, *Utusan Malaysia*, "Kehidupan Sebagai Penagih Menyusahkan Semua Orang". Ini cerita bekas penagih dadah. Bagus, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada *Utusan Malaysia*. Inilah sepatutnya, media-media ini, surat khabar ini, cerita yang macam inilah informatif untuk kita semua baca dan tahu.

Jangan cerita yang lain daripada itu. Cerita pasal Ahli Dewan yang cakap tidak pandai, itu cerita lain. Yang pentingnya cerita tentang macam ini, saya ucapkan tahniah. Sebab itu daripada apa yang saya baca ini mereka katakan kawan-kawan puncanya. Ada yang mengatakan keluarga puncanya. Ada yang kata rasa ingin tahu. Cuba kita lihat hari ini dadah dalam negara kita, dia punya *availability* ini, dia punya senang hendak dapat. Hendak dapat dadah dalam negara kita ini begitu mudah sekali. Ada orang kata pergi disko *guarantee* boleh dapat. Saya tidak tahulah betul ke tidak. Ini orang kata.

Ini yang saya dimaklumkan. Saya belum buat penyelidikan tentang ini, betul ataupun tidak. Tetapi orang kata pusat-pusat hiburan yang ada dalam negara kita, mudah didapati *ecstasy* ke, *syabu* ke, macam-macam lah ada. Pasal apa ini terjadi dalam negara kita? Negara kita ini negara Islam. Negara yang seharusnya mempertahankan akhlak yang mulia. Pasal apa penyalahgunaan dadah ini menjadi satu perkara yang begitu meluas dan berleluasa sekali dalam negara kita hari ini. Di mana salahnya? Saya minta kementerian yang bertanggungjawab, cari punca ini, kita hendak tengok supaya dadah tidak mudah didapati dalam negara kita.

Cuba kita lihat penguatkuasaan-penguatkuasaan polis, hari ini polis pun ada hisap dadah macam mana. Kita lihat kastam, kastam pun ada yang hisap dadah

bukanlah semua, ada ini pegawai-pegawai polis, kastam dalam Dewan ini bukanlah semua, tetapi ada.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** *[Bangun]*

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Kalau sudah ada maknanya mudah, kalau sudah polis pun ada, kastam pun ada, penguatkuasaan yang lain-lain pun ada menghisap dadah macam mana kita hendak selesaikan masalah ini. Cuba kita lihat rumah.....

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Yang Berhormat minta jalan sedikit boleh?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Cuba kita lihat sekolah.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat. Sekarang ini ada golongan tertentu sedang membincangkan tentang usaha-usaha untuk membebaskan manusia ini sehingga mereka minta supaya kerajaan jangan buat sebarang peraturan, sebarang undang-undang yang mereka anggap ada kaitan dengan moral dan akhlak yang dikaitkan dengan pengisytiharan hak asasi manusia Bangsa-bangsa Bersatu.

Saya bimbang ini juga nanti akan ada golongan penagih dadah ini dia kata ini hak kami, ini hak peribadi kami dan tidak ada siapa hendak boleh ganggu. Maknanya kemudian mereka juga akan mendesak supaya tidak ada sebarang undang-undang diperbuat berkaitan dengan penagihan dadah ini ataupun dalam perkara-perkara yang lainlah yang berkaitan dengan bagaimana kita hendak menyusun, hendak mengatur sedikit-sebanyak moral dan akhlak manusia yang ada di negara kita yang negara maju ini.

Kemudian yang kedua, saya mohon penjelasan juga yang kedua lagi. Saya tidak hendak menyalahkan gurukah, apakah tidak, kita ada sedikit sebanyak masalah. Terutama sekali kerajaanlah, kemudian kementerian sedikit, pegawai-pegawai kementerian sedikit, guru-guru ada sedikit, ibu bapa ada sedikit, murid-murid pun ada, dalam hal moral ini semualah.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** *[Bangun]*

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Jadi saya tidak setuju disalahkan ibu bapa sahaja, saya tidak setuju. Mungkin ibu bapa ada 10 peratus, guru-guru ada 10 peratus, pegawai yang macam tadi satu orang anak saudara Menteri Penerangan tadi menyentuh tentang tayangan *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:**..... yang dibuat dalam tv.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kalau Yang Berhormat kemukakan soalan itu...

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Hah?.

**Timbalan Yang di-Pertua:** sebab Yang Berhormat Dato' Hamzah nampaknya tidak sabar-sabar untuk menjawabnya.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Jadi saya minta supaya jangan Dewan ini menyalahkan satu pihak.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Okey, jadi apa yang.....

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Itu yang saya pohon Dewan mudah-mudahan semua pegawai pun ada, kita biarlah bersikap adil apabila kita hendak menentukan sesuatu perkara yang dibawa dalam Dewan untuk dibincangkan dalam Dewan ini. Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Baik. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Hassan Shukri. Dia bercakap pasal soal moral *policing* ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hassan Shukri ini cerita pasal moral *policing* yang ditentang oleh beberapa NGO dan mereka kata ini melanggar hak asasi manusia. Ini saya hendak bercakap pasal hak asasi manusia dengan tanggungjawab. Hak asasi manusia, manusia ini ada individu ada masyarakat, jadi hak asasi individu atau hak asasi masyarakat?.

Kalau masyarakat tanggungjawabnya siapa? Tanggungjawabnya individu dan juga masyarakat. Kalau sudah masyarakat keseluruhannya kata kena ada moral *policing*, kita ikut kerana itu merupakan hak kepada mereka hendak memberitahu bahawa mereka juga ada hak untuk menentukan ada moral *policing* dalam negara kita. Jadi kalau adalah NGO-NGO yang bangkitkan cerita ini cuba mereka fikirkan kembali kerana kita hendak melahirkan generasi akan datang yang tahu, yang bertanggungjawab dari segi keseluruhannya.

Ini bercakap dari segi tangkap pasal pakaian ini saya hendak cerita dia kata hak asasi manusia, pakaian ini hak asasi individu. Ini cerita pakaian inilah Tuan Yang di-Pertua, pakaian ini siapa yang berikan dia *standardnya*, *standard* moral itu maksudnya. Kalau kita tengok cerita dulu-dululah, saya pernah tengok cerita *Gone With The Wind*.

Cerita itu hebat, cerita zaman dahulu, cerita romantik zaman peperangan masa *Civil War* dekat Amerika.

Pakaian mereka begitu cantik, indahya, begitu indah sekali tetapi hari ini pakaiannya sudah beza, beza sekali daripada zaman *Gone With The Wind* itu sampai hari ini betul-betul *Gone With The Wind*, betul-betul. Hari ini pakaiannya sudah lain, siapa yang buat?. Siapa yang menentukan pakaian dari segi moral ini, Versasae? Siapa? Saya tidak tahu lah nama-nama pereka-pereka yang begitu hebat di muka bumi hari ini, atas muka bumi ini banyak sangat sampai kita pun ada KL Fashion Show.

Saya mintalah KL Fashion Show ini pun kira tentang masalah moral yang ada dalam negara kita ini supaya hak asasi manusia yang diperjuangkan oleh NGO-NGO yang ada dalam negara ini tahu apa ertinya hak untuk siapa, hak untuk individu ataupun hak untuk masyarakat keseluruhannya. Kita pun manusia juga, mereka pun manusia juga barulah ada tanggungjawab di antara kita. Ini saya sudah jawab tentang masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Cuma saya hendak tambahkan sedikit tentang media ini yang dikaitkan oleh Yang Berhormat tadi.

Ini media ini cuba kita fikirlah, kalau artis-artis hendak menyanyi dia ada etika dia, dia kata kena pakai macam ini, macam itu, cantik-cantik, lawa-lawa supaya menghormati masyarakat yang melihat, supaya tidak menjolok mata, ada etika nya. Ini majalah-majalah kita tengok majalah-majalah apa pasal tidak ada etika? Artis yang sama masuk TV cantik pakaian, molek dari segi ini semualah tetapi bila keluar sahaja, ambil gambar sudah cerita lain di mana tidak ada persamaan di antara TV dan majalah. Saya mintalah kerajaan yang ada hari ini juga melihat supaya gambar-gambar yang dikeluarkan dalam majalah-majalah atau pun *newspaper* kalaulah ditangkap pelacur-pelacur tunjuk gambar, muka dekat atas. Janganlah tunjuk yang lain-lain sekali, ini ditangkap pelacur-pelacur ditunjuk gambar yang mengghairahkan sudahlah dia itu pelacur, mengghairahkan lagi dengan semua, masya-Allah, habis macam mana.

Sebab itulah saya ingat moral *policing* ini harus diteruskan kalau dibawa untuk kalau kita hendak perketatkan kita sama-sama boleh bawa, Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada dalam Dewan ini,

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusof:** [*Bangun*]

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Dewan yang mulia ini juga seharusnya melihat ini sebagai satu keadilan untuk semua manusia majoriti yang ada dalam negara hari ini. Saya hendak bangkitkan semula.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Puan Siti Zailah.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Terima kasih pada Dato' Hamzah jiran saya. Saya tertarik dengan perbincangan masalah moral yang sedang melanda dalam negara kita dan sekarang ini satu masalah yang cukup menjadi satu beban kepada semua masyarakat dan juga kepada kerajaan itu sendiri. Yang kita nampak di sini bahawa bagaimana peranan nahi mungkar itu tidak ada dalam negara kita. Program nahi mungkar tidak ada seolah-olah kita mewujudkan masjid, menyediakan institusi pengajian tinggi tetapi program-program nahi mungkar tidak ada jadi saya minta lah supaya apa pandangan ...

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** *[Bangun]*

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusof:** Yang Berhormat supaya dibanyakkan lagi program mencegah kepada kemungkaran. Sebab kita lihat baru-baru ini maaf sedikit Dato', diluluskan konsert dangdut.....

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Apa pandangan, okey saya hendak...

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusof:** Konsert dangdut, adakah ini hidangan yang baik untuk melaksanakan Islam Hadhari dalam negara kita, di mana sebenarnya....

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Saya hendak jawab nanti saya takut saya lupa. Konsep pencegahan maksiat mengikut prinsip amar makruf nahi mungkar ini memang kita buat, siapa kata kita tidak buat.

Kalau kita baca, saya ingat, "*Konsep Islam Hadhari – Satu Penjelasan*" daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ini patut diberi kepada semua rakyat tidak kira apa bangsa dan agama supaya mereka tahu bahawa konsep Islam Hadhari adalah merupakan satu konsep untuk membangunkan masyarakat yang bertamadun, peradaban yang begitu tinggi sekali. Kita mahu supaya akhlak mulia, kita mahu mereka berilmu, kita mahu mereka ini menjadi insan yang baik, semua ada dalam ini, itu konsepnya. Kalau kata tentang prinsip Amar Makruf Nahi Mungkar itu adalah merupakan salah satu prinsip yang sama-sama kita perjuangkan. Tentang konsert-

konsert yang dibuat ini, saya tidak tahulah. Ya, cerita pasal pakaian, cerita pasal masalah bila kita dengar pakaian-pakaian dalam perjumpaan atau konsert seperti ini, puncanya kita carik balik. Kalau masalahnya masalah pergaulan yang bebas, jadi kita kurangkanlah punca pergaulan bebas ini. Saya hendak tengok cerita pasal penyalahgunaan dadah dalam negara kita.

Saya tertarik dengan satu cetusan pemikiran daripada Dato' Dr. Ismail Ibrahim, Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan. Ini adalah satu artikel yang begitu baik, yang dibuat oleh Dato' Dr. Ismail Ibrahim, tahniah kepada beliau. Dia kata, dalam cerita ini, seorang pegawai kerajaan yang dihantar untuk menyambungkan pelajaran di United Kingdom, wanita, belajar di United Kingdom, sudah tua, ada anak remaja. Jadi, bila duduk di United Kingdom, bawa anak remaja. Bila bawa anak remaja di sana, dia tidak susah hati kerana di sana okey. Bila balik di sini, cuti, bawa anak ikut bersama.

Bila balik di sini, dia susah hati kerana malam-malam anak ini hendak keluar, balik pukul tiga hingga lima pagi. Ini cerita yang ada dalam negara kita hari ini. Puncanya kerana kita benarkan disko-disko dibuka sampai pagi, kita benarkan pusat-pusat hiburan dibuka sampai pagi. Kita minta kementerian yang bertanggungjawab untuk melihat dan mengkaji ini semula, kalau boleh kita bandingkan dengan United Kingdom yang hari ini, kalaulah pub hanya boleh dibuka sehingga pukul 11 atau 12 malam sahaja, tidak ada sampai pagi. Ini yang dikatakan oleh Dato' Dr. Ismail Ibrahim.

Kalau ini boleh dibuat di United Kingdom, pasal apa negara yang kita katakan maju boleh buat? Pasal apa negara kita tidak boleh buat? Sebab itu, kita tengok hari ini, restoran dan kedai mamak yang ada dalam negara kita, buka sampai 24 jam, mana tidak ada lumba haram ini? Kerana pada mereka, hendak beritahu ibu bapa hendak keluar malam minum teh tarik padahal naik lumba haram.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada dua Ahli Yang Berhormat bangun.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** *[Bangun]*

**Puan Siti Zailah Mohd Yusoff:** *[Bangun]*

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Bagi sahabat saya dari Terengganu. Kelantan sudah, bagi Terengganu pula.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Datuk Haji Roslan.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya nampak, patutlah dipanggil Ketua Kelab Senator, cakap lebih banyak maknanya, boleh bagi credit, *rating* 10. Yang Berhormat ada memberi satu kenyataan tadi, yang begitu serius yang saya pandang iaitu pegawai polis pun ada yang hisap dadah, pegawai kastam pun ada. Ini satu kenyataan yang agak serius. Kalau inilah dia beri, ini merupakan satu pepatah Melayu yang mengatakan, "*Harapkan pagar, pagar makan padi*". Jadi, kalau Yang Berhormat boleh memberikan bukti-bukti seperti ini, sesungguhnya ia akan memberi satu imej yang lebih baik terhadap pihak penguasa-penguasa. Satu perkara lagi yang ingin saya dapatkan pendapat Yang Berhormat ialah dalam kenyataan di dalam Dewan Rakyat baru-baru ini ada cadangan supaya memberi dadah kepada penagih dadah. Apakah pendapat Yang Berhormat tentang cara ini untuk mengatasi masalah penyalahgunaan dadah? Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua, mula-mula saya hendak jawab tentang kata, polis ada hisap dadah, kastam pun ada. Saya kata ada juga di kalangan mereka tetapi mungkin segelintir kecil dan ini adalah kajian yang dibuat selepas mereka ini telah pun bebas daripada masalah yang mereka hadapi sebelum ini. Kalau kita tanya mereka pernah kerja sebagai ini, maknanya ada dulu-dulu, bekas-bekas penagih dadah, ada. Tentang soalan yang nombor dua, masalah ....

**Seorang Ahli:** Masalah beri dadah.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Beri dadah. Cerita bagi dadah ini, Tuan Yang di-Pertua, katalah orang itu sakit HIV, kita sumbat lagi dengan HIV, mati terus. Sakit dadah, bagi lagi dengan dadah, saya ingat tidak baik-baiklah sampai bila-bila. Ini cerita apa? Jangan kita buat cerita Malim Deman, Malim Dewa....

**Tuan Ismail bin Kasim:** Pohon laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tidak setuju?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat tidak bersetuju dengan apa yang dikatakan?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Saya tidak bersetuju. Buat apa buat macam ini? Kalau pun ada negara yang pernah buat, katakan di Iran ada buat sebagai contoh. Saya ingat dadah ini ada macam-macam jenis dadah. Mungkin dadah yang diberikan

itu adalah ubat, bukan maknanya dia hisap *ecstasy*, bagi lagi dia *ecstasy*. Dia hisap *morfin*, bagi lagi *morfin*, itu cerita lain. Yang mereka maksudkan beri dadah ini, ubat untuk sihatkan daripada penyakit, penagihan dadah ini adalah merupakan satu penyakit, jadi, kita kena ubat dia. Bagaimana cara hendak ubatnya? Bagaimana kita hendak tentukan supaya mereka ini boleh keluar daripada penyakit penagihan dadah, bukan beri dadah yang mereka selama ini dapat. Saya tidak tahu, ada orang kata pil *ecstasy* ini bila dimakan, kepala pun goyang. Kalau sudah goyang, kita bagi lagi *ecstasy* lagi, mampus. Jangan, saya ingat tidak usah bagi lagi cuma yang pentingnya, saya ....

**Tuan Ismail bin Kasim:** Laluan ya, sedikit sahaja, pasal *ecstasy*...

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Pasal *ecstasy*?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat Tuan Ismail.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Ini bukan *ecstasy*, Tuan Yang di-Pertua, Cuma cadangan daripada kerajaan supaya digunakan dadah jenis *methadone* untuk mengubati *drug addict* ataupun penagih dadah, ini dianggap tidak praktikal sama sekali dan seperti mana Yang Berhormat Dato', saya tidak bersetuju kerana sedikit kejayaan yang dicapai di Iran, kita kena tengok balik pada genetik. Genetik ataupun keturunan di Iran ini, depa keturunan candu sejak turun temurun lagi. Negara China pun macam itu juga. Kita bukan genetik candu. Kalau kita bukan genetik candu, jadi penggunaan *methadone* seperti mana yang disyorkan oleh kerajaan adalah tidak praktikal sama sekali.

*Methadone* ini dicipta oleh Hitler kerana kekurangan heroin dan morfin pada masa itu untuk mengubat tentera-tentera yang tercedera pada masa Peperangan Dunia Kedua. Jadi, langkah kerajaan untuk menggunakan dadah bagi mengubat penagih-penagih adalah tidak praktikal dan saya tidak bersetuju sama sekali.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Okey! Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Siti Zailah Mohd Yusoff:** [Bangun]

**Puan Nosimah binti Hashim:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada dua lagi, Yang Berhormat.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Siapa Yang Berhormat hendak bagi laluan?



**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Sekejap, sekejap. Saya setuju dengan Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim bahawa kita tidak usahlah hendak selesaikan masalah penagih dadah, bagi lagi dadah, saya ingat itu tidak boleh kita pakai. Saya kasihan dengan Yang Berhormat Senator Puan Nosimah, sudah dua, tiga kali bangun. Kita minta sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat.

**Puan Nosimah binti Hashim:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya tertarik berkenaan dengan cerita-cerita dadah. Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan pun memang setiap kali persidangan Dewan, kita membentangkan kes-kes dadah tetapi di manakah yang harus kita persalahkan sebab ini cerita benar yang saya terima daripada seorang kawan saya di mana anak beliau, masuk di dalam Pusat Serenti Melaka. Sebagaimana yang saya telah berjumpa sendiri dengan anak beliau baru-baru ini kerana dipanggil, beliau menerangkan bahawa ketika mereka berada di salah satu pusat serenti di Melaka dan beliau telah pun lupa, maknanya telah pun beransur-ansur baik daripada pusat serenti di Melaka, akhirnya apabila pihak penguasa di dalam pusat serenti ini lihat akan kekurangan dalam penagihan dadah, beliau telah dihantar ke satu pusat serenti di kawasan lain, di Pahang.

Di sana, beliau yang merasa dukacita menangis menceritakan bahawa dia tidak mahu pergi ke tempat itu dan hendak keluar dari pusat serenti yang baru, kalau boleh dihantar balik ke tempat yang lama kerana di tempat yang baru ini, didapati bahawa lagi dahsyat kerana sudah hampir hendak baik, tetapi di *supply* oleh orang dalam sendiri bekalan dadah morfin ini.

Sekarang dia kata, "*Ayah, di mana ayah boleh dapat bantuan supaya membuat pengaduan tetapi dengan syarat*", kata anaknya, kalau hendak mengadu ke jabatan-jabatan, jangan sebut nama dia. Apabila disebut nama dia, akhirnya dia yang di dalam ini, dia akan diberi penderaan lebih lagi dan diberi dadah yang teramat kuat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi, soalan Yang Berhormat?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Masya Allah, jadi, soalannya apa?

**Puan Nosimah binti Hashim:** Jadi, soalannya, kita minta supaya pihak-pihak jabatan ataupun tempat pengaduan supaya apabila menerima aduan-aduan daripada penagih-penagih ataupun keluarga penagih supaya apabila mereka ini sudah baik dan

sudah kurang jangan dihantar ke tempat lain. Pengadu ini janganlah dibawa ke pihak pusat-pusat serenti kerana mereka ini akan diberikan layanan yang lebih teruk dan akan diberikan dadah yang lebih dahsyat. Jadi, dia minta rayuan ini supaya kelonggaran, maknanya daripada sana juga, diminta supaya ditukarkan ke tempat yang asal kerana dia rasa tempat itu akan merosakkan dia lagi. Jadi, kita minta supaya pihak kerajaan memberi pandangan dalam bidang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya minta duduk dahulu Yang Berhormat.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Saya hendak sedikit sahaja....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak apa, tidak apa, saya minta duduk dahulu.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh menjawab atau menjelaskan selepas ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat, masa telah pun cukup, saya tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang ini.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin boleh sambung ucapan.

**2.31 ptg.**

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sambung semula tentang masalah penyalahgunaan dadah. Tadi, saya tidak sempat hendak menjawab Yang Berhormat Senator Puan Nosimah ini. Walau bagaimanapun, saya hendak teruskan tentang penyalahgunaan dadah ini. Tadi, saya bercakap tentang kalau hendak menyelesaikan masalah ini, kita harus mencari punca-puncanya. Punca-punca yang menyebabkan masalah ini terlampau menjadi satu masalah yang paling besar dalam negara kita hari ini. Pusat-pusat hiburan yang ada seperti disko ini, juga dikatakan adalah punca yang boleh menyebabkan remaja-remaja atau mereka yang

berkunjung di tempat-tempat itu boleh terlibat dalam dadah-dadah yang senang didapati di tempat-tempat tersebut.

Saya kadangkala bertanya dengan diri saya sendiri dan mungkin juga Ahli-ahli Yang Berhormat juga bertanyakan dengan diri kita sendiri, semasa mereka hendak berkunjung ke disko-disko ini sebagai contoh, kalau yang lelakinya apa niat dia? Mungkin mereka jawab *entertainment*, hiburan. Sebab itu, mereka pergi ke disko ataupun kalau kita tanya dengan wanita-wanita, remaja-remaja yang perempuannya, sebab apa dia pergi disko? Mungkin jawapan yang sama, jawapannya kerana hendak *enjoy, entertainment* juga. Apakah dalam negara kita ini, tidak ada cukup ruang untuk kita meluahkan perasaan dalam bidang *entertainment* yang ada dalam negara ini. Cuba kita lihat selepas kita merdeka dahulu.

Tuan Yang di-Pertua mungkin ingat. Selepas merdeka, saya baru lahir, jadi tidak ingatlah. Saya rasa masa merdeka dahulu, kalau kita baca buku-buku lama, orang-orang kampung ketika itu ada aktiviti-aktiviti lain hendak memenuhi aktiviti-aktiviti untuk mendapatkan rasa *entertainment* tadilah. Mereka ada kumpulan marhabannya, kumpulan berzanjinya dan bermacam-macam. Kalau aktiviti-aktiviti yang jasmani pula, mereka ada silatnya, seni silatnya, silat gayunglah, silat bungalow, macam-macam silat pun ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.....

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Ya, sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mohon izin untuk saya mengganggu sebentar. Demi peningkatan.....

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** [*Masih berdiri*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk Yang Berhormat. Demi peningkatan dan kelicinan perjalanan dan agar semua Ahli Yang Berhormat seronok hadir dalam Dewan, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, ada berapa perkara lagi dalam konteks perundangan, isu nasional dan kepentingan negeri-negeri minoriti dan sektor Yang Berhormat hendak sentuh? Hal ini saya tanya sebab saya hendak berpakat dengan Yang Berhormat, supaya kita dapat agihkan masa untuk membolehkan setiap ahli membahaskan isu-isu dalam masa yang cukup supaya mutu perbahasan mereka sebaik mungkin.

Saya tidak mahu pada peringkat awal, ada ahli-ahli diberi masa yang terlalu panjang dan apabila datang pada hari Isnin, iaitu hari terakhir kita akan membahaskan Usul Titah Ucapan ini, kita akan dalam keadaan tergesa-gesa. Maka, isu-isu tidak dibahas dengan sebaik mungkin. Jadi, ada berapa perkara Yang Berhormat, dalam konteks tersebut, akan mengambil masa agak berapa lama lagi?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya boleh ambil masa 10 minit, 15 minit, sejam, dua jam. Itu terpulang kepada.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat mahu dalam konteks.....

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Dalam konteks ini.....

**Tuan Yang di-Pertua:** ..... yang digariskan tadi itu, agak berapa lama Yang Berhormat?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Ia sebenarnya macam-macam isu lagi. Tadi, soalnya bila saya hendak membangkit soal ini, ramai kawan yang bangun bertanyakan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu pun baik juga ya.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Ya. Jadi saya tidak tahu. Sebab itu saya kata Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak kata ini, mungkin mengambil masa setengah jam sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat itu, satu jangka masa yang cukup tepat. Bolehkah Yang Berhormat bahaskan dengan sempurna perkara-perkara yang di depan Yang Berhormat?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Insya-Allah, boleh saya percepatkan. Dengan apa yang telah pun saya.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan. Sila teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tang mana tadi ya? Lupa dah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mengapa.....

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Di kampung-kampung, silap sikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mengapa berpusu-pusu ke pusat hiburan, sedangkan di generasi dulu, di kampung pun kita boleh terhibur.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Ya, okey. Itulah yang saya hendak sampaikan tadi Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Jadi bermakna, kalau puncanya kerana *entertainment*, hiburan, saya minta supaya kerajaan mengkaji semula dasar bagaimana untuk membenarkan remaja-remaja ini melepaskan kehendak mereka dalam sektor hiburan ini.

Minta kerajaan kaji sama ada melalui Kementerian Penerangan buat perkara yang boleh menyelesaikan masalah ini atau kementerian yang menjaga budaya kita ini lihat supaya tempat-tempat di mana mereka boleh melepaskan geram mereka ini ataupun Kementerian Belia dan Sukan supaya melihat dari segi keseluruhannya kalau masalah lumba haram hari ini menjadi masalahnya supaya mengkaji, ambil mereka ini dan hantarkan ke kawasan-kawasan atau kompleks-kompleks sukan yang boleh sama-sama mereka buat lumba secara tidak haram lagi.

Saya hendak pendekkan jadi saya potong cerita lumba haram ini kerana insya-Allah apa yang saya sampaikan itu sudah ada pengertian untuk kerajaan mengambil ini sebagai pandangan saya dan saya minta supaya kerajaan menjelaskannya dalam jawapan nanti. Saya hendak balik kepada sektor ekonomi. Tahniah saya ucapkan kepada kerajaan kita yang hari ini kalau kita lihat dari segi ekonominya bertambah kukuh. *Reserve* negara meningkat kepada RM273 bilion. Itu satu angka yang baik. Kadar inflasinya rendah, tahniah. Tahun ini unjuran pertumbuhan ekonomi 6%, baik sekali. Dalam apa yang kita tahu kerajaan juga mahu supaya peranan sektor swasta menjadi pemangkin ekonomi dan ini akan diutamakan.

Saya hendak bertanya bahawa dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di situ ada menyatakan kerajaan meminta supaya syarikat binaan jangan lagi bergantung kepada projek prasarana dalam negara. Kalau boleh mereka ini perlu meneroka peluang-peluang di luar negara. Saya hendak tanya kepada kerajaan kita, kontraktor-kontraktor atau syarikat binaan ini kalau mereka pergi ke luar negara mereka memerlukan sokongan dari segi *capitalnya*, dari segi *financial supportnya*, sokongan *financingnya*. Bagaimana kita hendak mendapatkan sokongan ini kalau contohnya *bank exim* yang ada dalam negara kita ini *exim bank*. *Capital exim bank* hanya RM300 juta. RM300 juta *capital exim bank* ini saya ingat begitu kecil sekali.

Kalau kita hendak buat pinjaman kontrak yang besar ada di luar negara yang sana, berapa kontraktor yang dapat? Cuba kita fikirkan. Mengapa tidak kita tambahkan supaya bila kita bertanding dengan syarikat-syarikat binaan yang datangnya daripada seluruh dunia itu dapat kita bertanding secara *same level of playing fit* dengan izin Tuan Yang di-Pertua daripada hanya hari ini kita pergi ke luar sana hendak bertanding tapi bila hendak mencari sokongan daripada bank-bank yang ada kita lihat cukuplah susah.

Sebab itu saya mencadangkan supaya kerajaan melihat semula untuk menambah kalau boleh *capital exim bank* ini dibesarkan lagi bukan hanya RM1 bilion tapi mungkin RM2 atau RM3 bilion supaya ianya mampu untuk memberi sokongan kepada syarikat-syarikat binaan yang mahu keluar untuk bertanding dan bersaing dengan syarikat-syarikat dari luar negara.

Satu lagi tentang baru-baru ini saya dengar EPF juga boleh dibenarkan untuk membuat pelaburan di luar negara. Saya mencadangkan supaya kalau EPF hendak membuat pelaburan di luar negara biarlah mereka juga mengikut seperti apa yang saya katakan tadi memberi sokongan syarikat-syarikat binaan yang hendak keluar ini atau syarikat-syarikat dalam negara yang hendak keluar hendak bersaing dengan orang-orang di luar sana supaya EPF ini boleh memberi sokongan dan memberi bantuan kepada mereka ini. Kita banyak wangnya dari segi pelaburan yang dapat mereka berikan kepada syarikat-syarikat negara kita ke luar sana itu mungkin dapat membantu syarikat-syarikat kita untuk lebih boleh bersaing dengan syarikat-syarikat di luar sana.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi tentang insentif bioteknologi. Saya hendak pendek-pendek sahaja Tuan Yang di-Pertua. Bioteknologi ini, saya baru-baru ini bila kita dengar perasmian dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada insentif-insentif yang diberikan kepada syarikat-syarikat yang berkecimpung dalam membuat *research and development biotechnology* dalam negara kita ini. Itu adalah satu cadangan yang baik dan satu pendekatan yang baik. Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan.

Cuma yang saya hendak buat satu lagi cadangan adalah berikan juga insentif kepada individu-individu yang hendak berkecimpung dalam sektor bioteknologi. Kalau syarikat diberikan insentif begitulah juga diberikan insentif kepada individu-individu yang

mempunyai wang simpanan bukan hanya boleh dilaburkan dalam bank-bank tetapi juga dilaburkan dalam syarikat-syarikat bioteknologi yang ada.

Insentif ini kalau ada *tax* insentif yang diberikan, ini adalah baik kerana ramai daripada rakyat Malaysia, ahli-ahli profesional yang mempunyai pendapatan yang tinggi. Ada *incomenya* RM1 juta, RM2 juta setahun dan tidak payahlah dia letakkan hanya dalam *fix deposit*, *unit trust* dan sebagainya. Tetapi berikan juga insentif kepada individu-individu ini supaya kalau mereka mengeluarkan wang untuk menubuhkan syarikat-syarikat yang dikatakan syarikat bioteknologi ini insentif diberikan kepada individu-individu tersebut, itu satu daripada cadangan saya.

Satu lagi tentang potensi pengeluaran produk makanan. Tuan Yang di-Pertua, bila kita bercakap potensi pengeluaran produk makanan ini kita kena lihat bahawa biarlah produk-produk ini yang moden, yang berteknologi tinggi. Kalau ini yang kita hendak buat, kalau inilah caranya untuk kita menentukan bahawa produk-produk yang dikeluarkan oleh negara kita ini adalah produk-produk yang begitu baik sekali di peringkat antarabangsa, saya minta supaya MITI dapat terus memberi sokongan dan galakan. Jawapan daripada Timbalan Menteri pagi tadi mengatakan ada banyak galakan-galakan yang telah pun kerajaan buat.

Tetapi yang saya hairan dalam pameran-pameran antarabangsa yang ada di seluruh dunia hari ini contohnya baru-baru ini saya pergi ke Dubai. Kerajaan UAE ini ada buat satu ekspo antarabangsa dinamakan *Global Village*. Dalam *Global Village* ini tiap-tiap negara ada diberikan satu kawasan untuk negara-negara tersebut membawa produk-produk daripada negara masing-masing-masing. Jadi saya dengan sukacitanya pergilah daripada luar tengok, daripada jauh lagi dah nampak. Masa *entrance* itu kita dah nampak Tuan Yang di-Pertua, *twin tower* Malaysia. *Twin tower* begitu tinggi sekali dibuat untuk Malaysia. Ada bendera Malaysia.

Saya pun berlari masuk ke kawasan Malaysia. Bila masuk dalam kawasan Malaysia, masuk gerai yang pertama orang Cina. Saya tanya datang daripada mana? Negara China. Cakap Melayu tidak tahu kena cakap orang putih. Negara China. Produk mana? Produk dari negara China. Saya ingat mungkin satu, tidak apa. Masuk gerai nombor dua, cina lagi. Dari mana? Negara China. Masuk nombor tiga, cina lagi.

Negara mana? Negara China. Masuk nombor empat, India. Daripada mana? Singapura.

Akhirnya yang saya banggakan tengok *twin tower* itu, hanya bangga melihat bahawa kawasan itu diberikan untuk produk-produk Malaysia yang penuh daripada negara China. Apakah yang terjadi dan saya hendak tanya MITI ini dia buat apa. Apakah dia hanya biarkan begitu sahaja dan saya pun cubalah selidik-selidik, rupanya telah diberikan kepada sebuah syarikat daripada negara kita dan orang inilah yang pilih siapa yang hendak letak dalam itu dan semuanya tidak ada satu pun produk daripada negara kita. Jawapan yang dibuat tadi oleh Timbalan Menteri kata tadi kita hendak buat bagi sokongan, galakan produk makanan jumlahnya 1.3% adalah produk makanan yang kita eksport. Tetapi kalau sudah ada global *village expo* antarabangsa ini pun tidak ada produk Malaysia, macam mana? Jadi saya minta supaya kerajaan teliti semula. Kalau ada ekspo-ekspo macam ini suruh pegawai-pegawai kita yang ada di sana menentukan supaya produk-produk ini, kawasan-kawasan yang dikhaskan kepada Malaysia itu dipenuhi oleh pengusaha-pengusaha ataupun produk-produk daripada negara kita.

Lagi satu tentang apabila cakap produk makanan ini, sudah tentu saya terfikir tentang produk halal daripada Malaysia. Ini satu lagi masalah piawaian halal tadi. Tadi ada Yang Berhormat tanya dengan Setiausaha Parlimen dia mengatakan apakah logo halal lebih dahulu atau logo haram sepatutnya. Saya hendak tanya yang hari ini kita hendak tentukan di peringkat antarabangsa. Peringkat antarabangsa ini, kita belum tentu semuanya halal. Mungkin kita kira semua pun haram dahulu dan yang pilih-pilihlah yang jadi halal. Apabila kita hendak pilih-pilih yang halal ini, piawaian datang daripada negara kita.

JAKIM hari ini menjadi ketuanya *the leader* untuk menentukan bahawa produk-produk ini betul-betul haram. Untuk itu saya hendak mencadangkan kepada kerajaan supaya kalau kita telah pun mempertingkatkan sektor ICT dalam negara kita, mengapa tidak kita gunakan ICT ini, melalui teknologi ICT yang ada dalam negara kita ini, yang kita banggakan selama ini, gunakan ini untuk kita menentukan produk-produk ini betul-betul halal. Contohnya, kita beri contoh. Kalau ada satu produk itu halal biar ada kodnya, biar ada sekuritinya bahawa produk itu betul-betul dan telah pun disahkan oleh



JAKIM. Kalau kita ambil dan kita letakkan dekat *supermarket*, contoh kalau ada satu *equipment*, letakkan dekat situ tekan butang betul bendanya halal kerana kalau bukan halal, dia tidak boleh hendak tiru kod yang dibuat oleh JAKIM kerana kod itu mesti dikeluarkan oleh JAKIM untuk kepentingan produk-produk yang halal.

Mungkin saya bukan *expert* dari segi bidang ini, tetapi mengapa tidak kerajaan menggunakan ICT yang ada, teknologi yang ada, kepentingan yang boleh dibuat oleh pengusaha-pengusaha tempatan yang boleh dibuat oleh rakyat dalam negara kita. Mengapa tidak diberikan peluang ini supaya produk-produk ini benar-benar piawaian yang bukan hanya diluluskan oleh JAKIM tetapi juga boleh diguna di peringkat antarabangsa apabila kita gunakan piawaian mengikut teknologi terkini ICT yang ada bukan hanya dalam negara tetapi juga di seluruh dunia. Itu maksud saya.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu hak Yang Berhormat, sama ada hendak bagi laluan atau tidak.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Dato' Hamzah yang selalu memberi ruang kepada saya. Saya tertarik dengan apa yang kita bincangkan sekejap tadi berkenaan dengan masalah produk halal dan haram. Persoalan yang ada dalam negara kita sekarang ini ialah masalah tidak semua yang masyarakat hari ini sensitif dengan perkara yang haram. Contohnya arak. Arak itu jelas haram. Tetapi kenapa tidak dihebohkan yang arak itu jelas haram, tetapi sosej yang haram diheboh-hebohkan. Jadi persoalan sekarang, apa yang saya sentuh tadi, supaya kita jelas bersama. Dalam sudut Islam bagaimana kita melihat. Di sudut Islam asal semua hukum adalah harus. Tetapi sekiranya ada nas yang mengatakan haram, barulah kita letakkan haram. Persoalan yang ada dalam negara kita sekarang ya, yang halal diletakkan halal. Sekarang kita jelas ada yang tidak halal. Tetapi kenapa kita tidak hendak letakkan yang haram jelas supaya orang Islam dapat membezakan yang mana yang halal dan yang mana yang haram. Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua, saya apabila berdiri hendak bagi signal. Saya bagi jalan tetapi tidak boleh panjang. Saya bersetuju bahawa kalau boleh kita hendak bagi tahu kepada rakyat kita semua apa produk yang haram dan apa

produk yang halal. Arak itu, kita sudah tahu haram, hendak cap haram apa lagi, sudah memang haram. Cap haram apa lagi? Sosej itu halal dan ada yang bukan halal, haram. Jadi, sebab itu kita hendak bandingkan di antara sosej yang halal dengan sosej yang haram supaya sosej yang sebenarnya halal kita tahu bandingkan sosej ini haram dan sosej ini halal. Sebab itu kita letakkan logo halal kepada yang halal, yang haram tidak payah. Jadi kalau Yang Berhormat hendak beli sosej, beli yang ada cap logo halal yang dikeluarkan pihak JAKIM. Itu pendapat saya.

Saya hendak masuk tentang SME dan SMI dalam negara kita ini. Ramai orang *complain*, kata kerajaan hendak bantu SME SMI yang ada dalam negara kita ini. Kita permudahkan dana-dana dan pinjaman yang ada. Tetapi saya hendak minta kerajaan supaya buat kajian semula tentang *venture capital* yang ditubuhkan oleh kerajaan. Kadang-kadang kalau susah sangat untuk pengusaha-pengusaha terutama bumiputera ini untuk mendapatkan pinjaman-pinjaman ini. Saya difahamkan bahawa kerajaan akan menubuhkan Bank Industri untuk melihat dan untuk memberi sokongan kepada pengusaha-pengusaha SME dan SMI ini dan saya minta juga supaya kerajaan melihat GLC, *government link companies (GLC)* ini untuk membantu membangunkan vendor-vendor ini secara ikhlas, secara jujur supaya janganlah kita hanya melihat *bottom line* sahaja. Hari ini saya difahamkan ada syarikat-syarikat yang dipunyai oleh kerajaan ini untuk melihat supaya mereka ini untung banyak maka tidak lagi konsep vendor-vendor ini sudah tidak ada lagi. Sebab itu saya minta supaya kerajaan mengkaji semula supaya hendak tentukan bahawa setiap syarikat-syarikat yang dipunyai oleh kerajaan terus membantu pengusaha-pengusaha terutamanya pengusaha bumiputera.

Saya minta kepada Kementerian Luar Bandar supaya dapat membantu dan membuka kawasan-kawasan industri kecil ini di luar-luar bandar. Perhebatkan lagi, banyakkkan lagi, permudahkan supaya di luar bandar juga boleh anak-anak remaja untuk menjadi pengusaha-pengusaha supaya mereka juga dapat menjadi pengusaha yang boleh dibawa daripada kampung dan seterusnya di peringkat antarabangsa. Gunakan agensi-agensi yang ada melalui kementerian tersebut untuk menentukan bahawa perjuangan ini adalah bukan hanya semata-mata di peringkat bandar, tetapi juga di luar bandar dan seterusnya di seluruh negara supaya pertumbuhan tidak seimbang di antara bandar dan luar bandar dapat kita atasi masalah yang ada.

Apabila cakap fasal produk makan, produk industri-industri ini, kita teringat tentang masalah diesel. Saya hendak cerita masalah diesel pendek sahaja Tuan Yang di-Pertua. Ini heboh cerita fasal diesel, fasal kuota, tidak cukup diesel. Puncanya di mana? Saya rasa kerajaan sudah buat itu betul. Kuota betul, cuma yang salahnya yang penyangak-penyangak ini, curi diesel dan terus menjualkan minyak-minyak ini di luar sana, di tempat atau pun untuk mereka yang berurusan di luar negara kita. Kita yang bayarnya, kita yang *subsidies*, tetapi orang lain yang menerimanya.

Hari ini ada keluar lagi, *Malay Mail*, keluar lagi, "*Lorry with hidden tanks, seized*", maknanya lori-lori ini atau *tanks* yang dibuat ini semua curi lagi diesel-diesel, kuota-kuota yang ada. Saya tengok ini, saya hendak minta kerajaan melalui kementerian ini supaya buat kajian semula. Apa salahnya kita selaraskan harga diesel semua ini, kalau semua orang RM1.20 sen atau RM1.50 sen semua orang RM1.50 sen.

Kemudian dengan sistem yang kita ada, kita sudah ada ini tiap-tiap individu dan tiap-tiap rakyat yang dalam negara kita ada MyKad, MyKad itu ada *chips* dengan *chips* yang telah pun kita keluarkan dalam negara kita, yang kita banggakan hari ini gunakan MyKad ini supaya dapat rebet semula. Kalau dia pemandu lori yang layak untuk menerima diesel, kita bagi rebet melalui MyKad supaya dia tidak boleh pergi stesen itu satu hari sampai empat, lima kali kerana melalui MyKad kita boleh mengkaji dan boleh buat analisa, sama ada benar atau tidak seseorang ini menggunakan diesel yang sebenar-benarnya, dia layak untuk mendapatkannya. Mengapa tidak, yang menjadi masalah kita hari ini ialah kita heboh dan bising-bising, sebenarnya diesel ada, sebab masalah kuota, masalah penggunaan untuk mereka yang layak, yang kita tidak buat kajian sebenarnya.

Jadi melalui MyKad yang selama ini telah pun kita sendiri atau kerajaan sendiri yang menggunakannya, mengapa tidak kali ini kita juga menggunakan MyKad untuk mereka dan juga untuk pengusaha-pengusaha yang benar-benar layak untuk mendapat rebet, itu kalau MyKad. Kalau tidak MyKad buatlah sistem ICT yang ada hari ini macam-macam, Tuan Yang di-Pertua kita boleh guna satelit untuk melihat sama ada lori-lori ini benar-benar menggunakan aktiviti atau perusahaan yang benar-benar mereka kata semasa hendak meminta kelayakan untuk menerima subsidi. Kita boleh guna satelit, kita boleh guna macam-macam, RFIB, macam-macam teknologi ada di dunia dan

juga dalam negara kita, mengapa kita tidak gunakan, itu yang saya minta supaya kerajaan buat semula, kaji semula, kaedah ini melalui ICT.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi tentang perkhidmatan awam. Perkhidmatan awam yang ada dalam negara pada hari ini kita ucapkan tahniah dan syabas kerana merekalah yang mampu selama ini memberi sokongan untuk terus membangunkan negara hari ini menjadi sebuah negara yang begitu maju sekali.

Masalah pada hari ini yang masih lagi menjadi satu bahan perbualan di antara perkhidmatan awam dan badan swasta adalah *delivery system*. Contohnya kalaulah sesuatu pengusaha hendak berjumpa dengan pegawai-pegawai ini susah sangat hendak buat *appointment* pun susah, hendak berjumpa, hendak berbincang semua ini susah, mengapa tidak kita beritahu dengan perkhidmatan awam, bahawa mereka ini seharusnya menjadi fasilitator, mereka ini seharusnya menjadi penggalak, mereka ini seharusnya menjadi pembantu dan mereka inilah sepatutnya komited kepada dasar kerajaan supaya Malaysia Incorporated yang selama ini dasar yang kita buat sendiri berjaya, insya-Allah dan boleh bersaing di peringkat antarabangsa. Kalau mereka masih lagi mempunyai sikap bahawa itu masalah kamu dan bukan masalah aku – susah, kerana kadangkala sebagai pegawai kerajaan mereka lebih tahu dan mereka boleh bantu pengusaha-pengusaha, kata, "Yang ini tidak boleh, mengapa tidak buat yang macam ini". Ini tidak, dia terus tidak boleh dan dia tidak cakap pun macam mana, itu maksud saya supaya mereka ini menjadi fasilitator dan mereka membantu dan beritahu ini cara yang lebih baik dan mudah supaya ada selok-belok yang boleh menyebabkan mereka boleh menerima atau mendapat bantuan yang ada dalam negara kita ini.

Satu lagi saya hendak bercakap pasal perkhidmatan awam ini, masalah yang ada hari ini tentang pengangguran graduan-graduan yang menganggur ini ramai sangat menjadi satu lagi masalah negara.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Kementerian Luar Negeri ini, *ambassadors* yang kita hantar di negara-negara Arab sebagai contohnya, berapa ramai yang boleh bercakap Arab? Saya pergi ke Dubai, saya pergi ke Sudan, saya pergi ke Qatar, ke Saudi? Adalah di kalangan ramai-ramai *ambassador* itu adalah seorang yang boleh bercakap Arab. Kalau kita pergi ke Perancis, adakah *ambassador* kita boleh

bercakap Perancis? Kalau kita pergi ke Cina pada hari ini, *ambassador* kita yang ada hari ini, saya hendak tanya di China itu bolehlah dia bercakap Cina? Jadi kalau graduan-graduan ini banyak sangat menganggur mengapa tidak, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya jangan letakkan mereka menjadi guru, kerana ramai tidak mahu menjadi guru jadi ambil mereka ini latih mereka ini setahun, dua tahun dan fokus, ambil 50 orang belajar bahasa Arab. Ambil 50 orang belajar bahasa Jepun, bahasa Cina dan masalah ini boleh kita buat supaya akhirnya nanti kita mempunyai pegawai-pegawai yang kita letakkan di negara-negara tersebut, yang boleh bertutur dalam bahasa negara tersebut.

Saya pergi ke Sudan contohnya, saya pergi ke Middle East. *Ambassador* daripada Amerika, bercakap Arab, *ambassador* daripada Eropah bercakap Arab, *ambassador* kita tidak tahu bercakap Arab. Bukanlah kita menyalahkan ini, tetapi maksudnya kita beri peluang kepada graduan-graduan yang hari ini menganggur ini, kita ambil dan serapkan mereka dan ajar mereka bahasa-bahasa yang tertentu di samping ilmu-ilmu yang telah pun sedia ada dalam negara kita ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah perkara ini adalah merupakan satu kelemahan nasional kerana kita sendiri tidak begitu menguasai bahasa kita dan apabila disuruh belajar bahasa Inggeris pun semua bising sahaja, bermakna seolah-olah bangsa Malaysia ini tidak mahu atau lemah mendalami bahasa-bahasa lain.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya katakan tadi, daripada ramai graduan yang menganggur ini kita pilih mereka yang mahu untuk belajar dalam bahasa-bahasa yang tertentu, bahasa Tamil, bahasa Mandarin, bahasa Jepun dan semua bahasa yang ada di muka bumi ini, kita ambil daripada kalangan beribu-ribu itu mungkin ada 100, 200 orang yang sanggup untuk belajar dan walaupun dia lulus dalam jurusan Civil Engineering sebagai contoh, tetapi kalau dia mempunyai satu lagi ilmu bahasa Arab sebagai contoh, kita boleh menjadikan dia sebagai seorang pegawai diplomatik yang bukan sahaja pegawai yang hanya mempunyai ilmu kejuruteraan, tetapi juga ilmu bahasa yang mendalam. Itu contohnya supaya.....

**Tuan Tan Bon You:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Ya, sila.

**Tuan Tan Bon You:** Terima kasih Yang Berhormat, berkenaan dengan tajuk yang dibahaskan tadi, kursus-kursus yang ditawarkan di IPTA, adakah pandangan Yang Berhormat kita perlu mengkaji semula berkenaan dengan kursus ini sebab kursus yang ditawarkan di IPTA, yang mengakibatkan pengangguran begitu besar bilangannya, adakah sistem pendidikan yang khusus ini perlu menepati pasaran kerja? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Isunya adalah isu penguasaan bahasa bukan pasaran kerja, sila Yang Berhormat.

**Tuan Tan Bon You:** Penganggur!

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membantu saya, betul isunya ialah isu penguasaan bahasa bukan isu mismatch dalam dasar pelajaran dengan kerja yang ada dalam negara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Walaupun itu juga isu, tetapi Yang Berhormat sedang bercakap mengenai isu penguasaan bahasa....

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Ya, bahasa dalam perkhidmatan awam. Itu yang saya ingin sampaikan.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** [Bangun] Sedikit sahaja.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Hendak habiskan sekejap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat habiskan berucap, kemudian baru beri dia peluang.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Ya, sekejap sahaja hendak habiskan hujah ini. Masalah mismatch Yang Berhormat bangkitkan tadi sehingga ada ramai pelajar ataupun graduan-graduan yang menganggur, saya rasa adalah *masalah* attitude.

Kita daripada kecil lagi beritahu dengan anak-anak kita belajar, lulus periksa, itu masa sekolah rendah dia pun belajar lulus periksa. Lepas sekolah menengah kita kata, lulus periksa baik masuk universiti, dia pun lulus masuk universiti. Dalam universiti kita kata, lulus universiti senang dapat kerja. Inilah masalahnya.

Masalahnya sikap kita daripada kecil lagi dan sebenarnya bukan masalah kerajaan yang menyatakan semua graduan-graduan mesti dapat kerja. Tidak. Yang pentingnya kita kena tahu bahawa ilmu yang kita ajarkan di universiti-universiti itu bukan semestinya menentukan bahawa kita dapat kerja kerana ilmu yang kita belajar itu adalah

ilmu yang kita minat belajar, itulah yang sebenarnya supaya pendekatan pembangunan insan yang saya sebutkan tadi pada sebelah pagi adalah merupakan cara dasar untuk menentukan rakyat yang ada dalam negara kita ini berilmu dan berakhlak mulia.

Itu yang kita ajarkan bukan untuk menentukan yang mereka ini ada kerja kerana dalam dunia hari ini Allah S.W.T. pun sudah sebut, dunia hari ini kalaulah kita berniaga, 90% rezeki daripadanya adalah dalam bidang perniagaan, maka sudah tentulah kalau mereka itu menjadi pengusaha-pengusaha, yang keluar daripada universiti, yang tahu dan banyak ilmu, mungkin mereka lebih baik daripada pengusaha-pengusaha yang kurang ilmunya.

Jadi, sebab itu pada saya masalah *mismatch* graduan, keluar dan tidak ada kerja, bukanlah masalah yang begitu besar tetapi hanya sikap kita hari ini, yang saya katakan pagi tadi, mesti kita fikirkan kembali supaya anak-anak, yang daripada kecil lagi mempunyai sikap ingin tahu *curiosity* dan mereka inilah yang harus diajar daripada kecil bahawa apabila dewasa nanti bukan mendapat kerja tetapi membuat kerja. Itu yang penting. Jadi, akhirnya....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, janji hendak memberi peluang kepada Yang Berhormat Tuan Hassan bin Shukri tadi.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sedikit sahaja. Adakah Yang Berhormat bersetuju supaya mana-mana universiti di negara kita ini menubuhkan sebuah kolej bahasa namanya kerana saya pernah lihat di universiti Baghdad, ia ada kolej untuk bahasa, belajar bahasa Cina, Jepun, Korea, Perancis dan Inggeris tetapi maknanya orang itu betul-betul belajar bahasa sahaja. Bersetujukah Yang Berhormat kalau sekiranya ada mana-mana universiti menganjurkan dan menubuhkan sebuah kolej yang seperti ini? Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional adalah kerajaan yang adil, yang tahu untuk melihat dan menerima pandangan yang baik-baik. Saya rasalah kalau pandangan itu baik, maka Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita akan memikirkan kalau itu mungkin boleh menentukan bahawa rakyat ini mempunyai bahasa-bahasa yang lain daripada bahasa yang ada dalam negara kita, mengapa tidak kita tubuhkan supaya kalau tidak ada pun pelajar-pelajar dari dalam negara kita, mungkin ada pelajar-pelajar dari luar negara untuk datang belajar dalam

negara kita. Jadi, akhirnya saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, manusia bukanlah pemilik bumi ini tetapi manusia ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba kita faham hujah-hujah, Yang Berhormat. Kesimpulannya Yang Berhormat fikir soal penguasaan bahasa ini ialah satu isu nasional.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab, Tuan Yang di-Pertua tadi beritahu saya setengah jam sahaja tetapi sekarang sudah 45 minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita terlupa mengenai masa kerana minat mendengar hujah-hujah Yang Berhormat.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Itulah, Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak sebut awal tadi lagi lebih minatnya. Tuan Yang di-Pertua sudah usik saya, saya pun sudah pendekkan dan cepatkan, jadi sudah menjadi lain pula ceritanya. Memang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, masalah bahasa, sebenarnya kekuatan dalam negara kita ini kerana kita mempunyai berbilang kaum. Saya rasa negara kita ini mempunyai bahasa Melayu, yang datangnya daripada orang Melayu, bahasa Cina, Mandarin dan sebagainya datangnya daripada kaum Cina, bahasa Siam, saya tengok belah kiri tiba-tiba nampak Puan Chun itu, saya teringat bahasa Siam kerana ada kaum Siam, bahasa Tamil kerana ada kawan-kawan macam Datuk Ratnam, orang India. Itulah kekuatan negara kita.

Allah S.W.T telah pun memberi rahmat kepada negara kita kerana apabila negara kita merdeka tiba-tiba kita ada India, Cina, Melayu, Siam dan bermacam-macam. Allah S.W.T. memberi rahmat kepada kita. Kenapa saya katakan ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kerana kepelbagaian kaum di Malaysia adalah satu rahmat.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Rahmat dan kekuatan kepada negara kita. Kalau Cina akan menjadi *power economy* di masa hadapan, kita ada abang-abang dan adik-adik daripada kaum Cina. Kalau India akan menjadi kekuatan ekonomi dalam dunia, kita ada abang-abang dan adik-adik daripada orang India. Kalau kita melihat ASEAN hari ini, mungkin Siam akan menjadi satu *power* yang mungkin menggoncang ekonomi dalam Nusantara ini, kita ada Puan Chun wakil kita daripada Siam. Jadi, bahasa adalah



merupakan salah satu senjata. Kalau senjata ini boleh digunakan dan boleh rakyat menambahkan lagi bahasa-bahasa lain melalui *cross bridge* orang Malaysia dengan orang Perancis, orang Malaysia dengan orang Afrika, orang Malaysia dengan orang-orang di seluruh dunia, Insya-Allah, kita bukan hanya boleh membangunkan negara ini tetapi juga boleh memimpin dunia keseluruhannya, Insya-Allah. Saya ingat itulah perjuangan yang dibawa oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah pun menjawab sambil saya sebutkan apa yang Tuan Yang di-Pertua inginkan. Akhirnya, saya hendak beritahu bahawa manusia yang ada di muka bumi ini bukanlah pemiliknya. Bumi ini adalah hak manusia keseluruhan untuk menjaganya. Menjaga untuk siapa? Menjaga untuk kita yang ada di atas muka bumi ini dan juga menjaga manusia generasi akan datang daripada masa ke semasa. Maka, kita semua bertanggungjawab dalam kita menghujahkan apa sahaja saya kita sebutkan hari ini, saya ikhlas untuk menyatakan bahawa Ahli Dewan Negara yang ada hari ini adalah merupakan salah satu kumpulan yang benar-benar memihak dan bersetuju bahawa tanggungjawab kita adalah untuk menentukan apa sahaja yang kita buat, bersama dengan kerajaan secara adil dan saksama. Terima kasih, saya ingin mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Dato' Dr. Chin Fook Weng.

**3.18 ptg.**

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk menyokong usul supaya Dewan ini menjunjung terima kasih kepada Duli Yang Mulia Seri Paduka Baginda di atas ucapan tuanku .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta maaf, Yang Berhormat. Saya tersasul. Minta duduk dahulu. Saya telah - sebab begitu minat mengikuti ucapan Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin tadi sehingga terlupa bahawa usul ini memerlukan sokongan. Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi. Selepas ini saya akan berikan kepada Yang Berhormat Dato'.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Kuasa dengan Rahim dan Rahmatnya kita dapat bersidang di Dewan Negara yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, tahun 2005 ini merupakan tahun akhir pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan yang merangkumi tahun 2001 hingga 2005 ialah Fasa 1 (OPP) iaitu *Outline Perspective Plan*, dengan izin, ketiga. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan persaingan global dan pertumbuhan ekonomi amat mencabar tetapi momentum pertumbuhan ekonomi bertambah baik dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) 2004 mencatatkan peratusan yang tertinggi sejak tahun 2001, iaitu melebihi sasaran 7%.

Faktor-faktor antarabangsa dan juga tempatan terutamanya kenaikan harga minyak. Kenaikan harga minyak di pasaran antarabangsa akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara kita bagi tahun 2005. Dengan suasana yang kurang menentu di pentas global, maka cadangan kerajaan menguruskan perbelanjaan yang berdasarkan kepada keberkesanan kos dan keberkesanan impak amatlah tepat masanya. Sepanjang Rancangan Malaysia ke-8, sering kali kedengaran projek kerajaan terbengkalai, kelewatan jadual atau sesetengah projek yang sudah siap pun sudah terjadi *white elephant*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua dalam bajet dan tempoh Rancangan Malaysia ke-8, kita lihat bajet yang berdefisit.

Ini bermakna untuk membangunkan ekonomi dan juga perbelanjaan-perbelanjaan lain kita telah berhutang supaya projek-projek dan pembangunan-pembangunan dapat dilaksanakan untuk meningkatkan ekonomi dan juga kualiti hidup rakyat. Projek-projek yang bermasalah dan terbengkalai ini telah memecahkan amanah ini. Dalam laporan SPP 2, Sistem Pemantau Projek Dua, satu sistem laporan yang digunakan untuk memantau prestasi projek-projek yang dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan terdapat banyak projek yang bermasalah.

Saya minta Jabatan Perdana Menteri agar memberi kesimpulan laporan SPP 2, berapa projek dalam Rancangan Malaysia ke-8 masih bermasalah terbengkalai dan juga lewat jadual. Apakah masalah-masalah utama yang mengakibatkan situasi yang tidak memuaskan ini dan juga usaha-usaha kerajaan yang telah diambil dan juga akan diambil untuk mengubati projek-projek yang berpenyakit ini.

Disebabkan pendekatan perbelanjaan akan berdasarkan keberkesanan kos dan impak saya berharap agar semua projek-projek dirancang, dinilai, di tender, dipantau, buatlah dengan berhati-hati, utamakan keberkesanan, utamakan kepentingan rakyat dan bukan utamakan seseorang individu atau sesuatu syarikat. Wang ringgit rakyat mesti dibelanjakan dengan penuh amanah dan tanggungjawab, terutamanya pada masa kini yang mana sumber agak terhad dan kita hendak mengurangkan perbelanjaan defisit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat maksudkan projek terbengkalai ini adakah dalam sektor swasta atau sektor awam.....

**Tuan Lee Sing Chooi:** ...Sektor...

**Tuan Yang di-Pertua:** .....Dan adakah pandangan Yang Berhormat ini juga satu isu nasional.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Ya, ya. Fasal itu projek kerajaan yang terbengkalai itu menggunakan wang rakyat dan wang rakyat kita itu, bajet sudah defisit itu kita sudah pinjam duit untuk hendak buat projek ini, ini projek ini sudah tentu terbengkalai dan merugikan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang berkaitan dengan perbelanjaan juga, ini perbelanjaan Jabatan-jabatan Kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, apabila sudah sampai hujung tahun selalu kita dengar bahawa wang peruntukkan itu sudah habis dibelanjakan atau tidak, seolah-olah menghabiskan wang peruntukkan itu sudah menjadi satu objektif pertama dan juga berlumba-lumba untuk mendapatkan peruntukkan untuk jabatan itu bagi tahun kelak.

Fokus-fokus itu diubah dari keberkesanan perbelanjaan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan. Dengan rancangan dan penjadualan yang optimum sehingga menghabiskan wang peruntukan. Ini bukan sahaja membazirkan wang rakyat, ini juga melemahkan sikap bertanggungjawab dan juga prestasi peningkatan yang berterusan. Saya berharap agar kementerian, Jabatan-jabatan Kerajaan dapat emantau dan mengubah amalan seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, sentiasa menekankan perubahan sikap dan peningkatan prestasi perkhidmatan awam. Kita juga dapat melihat bahawa sesetengah jabatan sudah mengambil langkah positif, terutamanya di kaunter-kaunter melibatkan

interaksi dengan orang ramai bagi jabatan-jabatan ini saya mengucapkan syabas, *keep it up and keep on improving*, dengan izin, dan negara kita sedang menuju menjadi negara maju, sikap dan prestasi mesti juga setanding dengan negara maju.

Untuk menjayakan peningkatan prestasi perkhidmatan awam setiap pegawai kerajaan perlu bertanya kepada diri sendiri adakah sikap pengetahuan perkhidmatan saya sudah meningkat, adakah sikap pengetahuan perkhidmatan bahagian yang di ketua, saya sudah meningkat. Apakah kaedah yang boleh diguna pakai untuk mengukur peningkatan tersebut. Orang awam dan juga pihak swasta juga perlu membuat demikian jikalau kita mahu memaju ke depan, *continuous improvement*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua dan kaedah untuk kemajuan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang *continuous improvement*, dengan izin, peningkatan berterusan sebagai cara hidup setiap kementerian dan jabatan kerajaan perlu membuat analisis untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat. Adakah sistem yang telah digunakan oleh pihak kerajaan sekarang ini di dalam mengetahui indeks-indeks kemajuan seseorang pegawai ataupun kementerian yang sekarang ini dipakai di bawah KPI (E-Personel Indeks) tidak memadai yang ada sekarang. Apa pandangan Yang Berhormat, terima kasih.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Yang Berhormat. KPI adalah satu cara atau satu kaedah untuk mengukur prestasi sesuatu jabatan kerajaan tetapi kita tidak nampak banyak jabatan yang menggunakan KPI. Saya harap penggunaan KPI untuk meningkatkan prestasi itu diperluaskan dan dibesarkan dan dipercepatkan juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apakah tuntutan atau saranan Yang Berhormat tadi juga dipakai bagi hari-hari Dewan Negara?

**Tuan Lee Sing Chooi:** Tuan Yang di-Pertua, *continuous improvement*, dengan izin, adalah terpakai kepada individu dan kesemua orang termasuk juga Ahli-ahli Dewan Negara. Terima kasih.

Jikalau kita dapat melibatkan jabatan kita sendiri dengan *continuous improvement*, maka insiden bahawa tiada undang-undang yang sedia. Undang-undang yang sedia ada untuk menguatkuasakan itu tidak akan timbul pasal dalam *brainstorming* atau semasa analisa, kita sudah dapat tahu lebih awal yang mana tidak ada undang-

undang yang mencukupi supaya kita boleh membuat sesuatu untuk mengatasinya. Peningkatan inisiatif, kehendak untuk bertambah baik mesti diamalkan di kalangan semua masyarakat untuk mencapai Wawasan 2020. Saya yakin dengan perubahan sikap, perspektif dan paradigma, Malaysia akan boleh mencapai Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, sering dilaporkan dalam media massa, sesetengah tempat yang mengeluarkan *MyKad*, kesesakan semakin berkurangan selepas pegawai di tempat itu berusaha mengatasi masalah. Kita juga dengar bahawa di sesetengah tempat, untuk mendapat *MyKad*, berulang kali rakyat kena pergi ke pejabat dan masih tidak dapat nombor. Kalau hendak mendapatkan nombor, kena datang awal iaitu pukul 6.00 pagi atau 6.30 pagi. Hal ini telah menunjukkan bahawa wujudnya satu masalah *systemic*. Satu sistem yang tidak dapat memenuhi untuk berkhidmat kepada rakyat dengan sempurna.

Saya berharap agar kementerian dan jabatan tersebut *think outside the box*, dengan izin, berusaha untuk membuat keputusan untuk kaunter-kaunter tersebut agar berjalan dengan lebih licin tanpa kesesakan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kerumitan mendapatkan bekalan minyak diesel sudah menjadi satu krisis dan boleh menjejaskan imej kerajaan dalam menyelesaikan masalah ini. Masalah ini semakin teruk dan mengancam ekonomi kita. Penyelesaian ini pasti dan mesti dipercepatkan. Kerana adanya perbezaan ketara harga diesel, penggunaan biasa dengan penggunaan perindustrian, maka ada orang yang mencari jalan untuk mengumpul diesel seperti jualan di stesen minyak untuk dijual kepada kilang.

Selagi pihak penguat kuasa tidak meningkatkan kawalan, menangkap orang yang tidak bertanggungjawab ini dengan efektif, maka krisis ini akan berterusan. Kalau ada perbezaan harga, perlulah ada perbezaan warna di antara diesel yang dijual di stesen minyak dengan diesel untuk perindustrian.

Harga minyak diesel yang lebih tinggi di negara bersempadan dengan Malaysia juga mengakibatkan banyak kenderaan negara jiran bersempadan datang ke Malaysia untuk mendapatkan bekalan minyak diesel mereka di sini, dan juga aktiviti penyeludupan diesel. Hal ini juga perlu dikawal supaya subsidi Malaysia tidak dijadikan kesusahan kepada diri sendiri.

Pertimbangan cadangan bahawa hanya ada satu harga diesel sahaja atau mengurangkan perbezaan harga dan juga menangkap orang yang menjadi penyangak diesel itu di bawah ISA adalah satu langkah dan satu pilihan atau langkah yang terakhir, pasal kegunaan ISA itu adalah satu tindakan yang mesti berhati-hati. Ini juga kalau kita gunakan tindakan ISA, ini menunjukkan juga kelemahan Kementerian mengadakan undang-undang yang efektif untuk mengawal masalah ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mana lagi baik? Tangkap orang yang ambil peluang atau jangan beri peluang? Kalau dibuangkan subsidi, tidak ada peluang, orang tidak boleh ambil peluang.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Betul. Kita ini tidak mahu peluang dan juga kalau orang yang hendak ambil kesempatan dan tidak bertanggungjawab ke atas mana-mana pun, tindakan tangkapan mesti diambil.

Tuan Yang di-Pertua, satu inisiatif yang murni dan cemerlang yang dicadangkan ialah PIM, Pelan Integriti Malaysia. Saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana membawa Malaysia kepada landasan yang betul. Landasan yang memberi erti kepada insan sebagai insan, insan yang membawa nilai dan kualiti insan, menuju keinsanan dan masyarakat yang beretika, bermoral, berintegriti dan juga berharmoni dengan Tuhan.

Tuan Yang di-Pertua, objektif PIM telah pun diterangkan. IIM, Institut Integriti Malaysia ditubuhkan dan sasaran yang dikenakan sebagai Tekad 2008 ditentukan untuk memberi panduan dan tempoh terdekat keutamaan Pelan Integriti Malaysia. Setelah tertubuhnya IIM, kerja mengutip informasi, data-data, idea-idea yang dijalankan, baru-baru ini IIM telah melancarkan *series* penerbitannya yang pertamanya bertajuk "Etika dan Integriti di Malaysia : Isu dan Cabaran" supaya penerbitan ini boleh dijadikan rujukan bagi semua pihak dalam perjalanan pembinaan budaya integriti di semua peringkat di kalangan masyarakat Malaysia.

Berkenaan Tekad 2008, sasaran tempoh lima tahun dari tahun 2004 hingga tahun 2008 adalah seperti berikut:

- (i) mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa secara berkesan;

- (ii) meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi kerenah birokrasi;
- (iii) meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan;
- (iv) memantapkan institusi keluarga dan meningkat kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi sedikit sebanyak maklum balas berkenaan dengan Tekad 2008. Sasaran-sasaran tersebut boleh lagi disempurnakan dengan mendefinisikan sasaran yang lebih khusus dan boleh diukur sama ada sasaran-sasaran tersebut itu, senang atau susah dicapai adalah bergantung pada tahap perubahan terhadap sesuatu sasaran tersebut.

Sekiranya, tahap perubahan itu tidak dapat di ukur maka selepas lima tahun hanya aktiviti-aktiviti PIM dijalankan untuk menambah baik pemantauan, kaedah-kaedah pengukuran, pencapaian perlu dikaji dan ditetapkan dan juga bagi setiap sasaran tersebut tentukanlah tahap pencapaian yang dapat dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, ahli orperat, antarabangsa, objektif atau sasaran yang efektif selalunya mengandungi ciri-ciri yang terdapat di perkataan SMART. S ialah Specific, M - *measurable*, boleh di ukur , A - *action orientated*, kena ada *action*, R – *realistic*, sasaran itu mesti realistik boleh dicapai dengan usaha, T - *time bomb*, mesti ada tempoh masa untuk mencapai sasaran tersebut, objektif dan sasaran yang berkesan mesti SMART.

Tuan Yang di-Pertua, semasa pelancaran buku *Etika dan Integriti di Malaysia - Isu dan Cabaran*, Ketua Setiausaha Negara Yang Berbahagia Tan Sri Shamsuddin Osman berkata bahawa Malaysia akan mempunyai indeks integriti Nasional, nasionalnya sendiri pada hujung tahun ini. Beliau berkata indeks integriti nasional Malaysia yang lebih menyeluruh adalah berdasarkan indeks yang digunakan oleh *Transparensi International*. Indeks Integriti Malaysia ini akan mengandungi komponen indeks pencapaian, perkhidmatan awam satu indeks, indeks kualiti hidup, satu lagi, indeks rasuah, indeks budi bahasa dan lain-lain.

Saya ingin mengucapkan syabas kepada usaha menubuhkan perukuran yang lebih terperinci dan *relevan* dalam peningkatan prestasi usaha ini. Selain memuji usaha mewujudkan indeks tempatan tersebut, saya juga ingin mengingatkan bahawa indeks-

indeks kita juga mesti boleh berhubung kait dengan indeks prestasi rasuah, *corruption conception index* (CPI), dengan izin yang dipakai oleh *Transparensi International*. Score Indeks CPI Malaysia Peraturan Tahun 2002, 2003, dan 2004 adalah 4.9, 5.2 dan 5 dengan kedudukan di nombor 33 antara seratus dan dua negara antara tahun 2002 kedudukan 37 antara 133 negara pada tahun 2003 dan kedudukan 39 di antara 146 negara pada tahun 2004.

Dengan komputasi peratusan kedudukan itu dengan jumlah semua negara tahap peratusan Malaysia pada tahun 2002, 2003, dan 2004 adalah 32, 28, 27 tertinggi dalam peratusan. Score CPI telah naik turun pada tahun ketiga itu iaitu 4.9, 5.2 dan 5 daripada markah penuh 10. Kesemua ini menunjukkan bahawa Malaysia masih mempunyai ruang untuk menambah baik prestasi pencegahan rasuah. Hal ini juga menunjukkan kerelevanan Plan Integrasi Nasional yang mana setiap peringkat masyarakat patut mementingkan dan mengambil bahagian dalam agenda sosial utama negara kita ini. Saya juga berharap agar Badan Pencegah Rasuah (BPR) menyiapkan siasatan kes-kes rasuah dan memperbanyakkan bawa kes-kes rasuah ke mahkamah, *momentum* jangan dihilang terutamanya semasa hendak mewujudkan dan membinakan imej persepsi yang baru.

Tuan Yang di-Pertua usaha penglibatan, penerapan, penghayatan dan juga pengwujudan integriti supaya dijadikan budaya harian kita adalah satu usaha mengejar cabaran.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah ini berkaitan dengan cerita-cerita bahawa Malaysia di antara tempat tertinggi dalam *credit card fraud*, di antara tempat tertinggi dalam penangkapan mereka yang cuba menyeludup dadah ke negara-negara lain dan juga dengan peristiwa tutup lampu di stadium supaya perlawanan bola sepak menggambarkan keputusan yang berlainan ialah juga orang Malaysia.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Ya nampaknya Tuan Yang di-Pertua, nampaknya orang Malaysia itu cerdik pandai, itukah tempat yang salah. *[Ketawa]*. *Saya harap.....*

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi kita tidak mahu jadi nombor satu penipu ya.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Ya, ya betul jadi pandai dia digunakan untuk membina, bukan untuk merosakkan itulah tepatnya pelan integriti Malaysia ini. Nescaya tentu ada banyak cabaran dan perbelanjaan dihadapi dalam usaha yang mewujudkan budaya



yang baru ini. Marilah kita bersama-sama rakyat melibatkan diri dengan membawa perubahan diri sendiri dan juga persekitaran supaya pelan integriti Malaysia semakin hari semakin mencapai matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, di surat khabar *Berita Harian* bertarikh 21 April 2005 terdapat laporan bertajuk 'Proton Singkir 34 Vendor.' Kandungannya yang berbunyi, "Sebanyak 34 syarikat tempatan yang kini membekalkan komponen kepada Proton Holdings Berhad disingkirkan daripada senarai vendor pengeluar kereta nasional ini bagi mengeluarkan model masa depannya kerana gagal menepati piawaian yang ditetapkan" Pada masa yang sama 134 syarikat lagi hanya dibenarkan membekalkan komponennya melalui 41 vendor lain. Tindakan Proton tersebut adalah persoalan audit teknikal dan pensijilan yang dijalankan *double standard authority* TUV .....

Tuan Yang di-Pertua, kes 34 vendor yang disingkir oleh Proton bukan satu kes yang unik, bukan satu kes yang tersendiri, bukan. Ini sudah menjadikan satu tanda, satu mesej, satu amaran, satu *wake up call*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Era globalisasi sudah sampai. Pembekalan secara global, *global sourcing*, dengan izin, sudah jadi satu fenomena, satu praktis, satu kenyataan dan ini telah menguji daya saing dan daya tahan setiap industri, setiap masyarakat, setiap syarikat dan setiap vendor Malaysia. Kalau sebuah vendor hanya membuat apa yang dipraktis sepuluh tahun atau lima tahun yang lalu tanpa sebarang peningkatan proses dan juga kualiti perkhidmatan dan pengurangan kos, maka kemungkinan vendor itu disingkir atau diberhentikan, kemungkinan itu amat besar.

Saya berharap agar setiap industri, setiap syarikat dan setiap vendor Malaysia mula sedar, mula berbanding, bukan berbanding dengan persaingan dalaman sahaja tetapi juga berbanding dengan persaingan antarabangsa kerana adanya fenomena *global sourcing*, dengan izin. Mulalah bertindak, merancang dan melaksanakan peningkatan secara berterusan, tanyalah diri sendiri, sudah berapa lama proses, kualiti, perkhidmatan, kos syarikat atau bahagian saya tidak dikaji? Tidak dinilai? Dimanakah saya boleh belajar sebarang kaedah atau mendapatkan sebarang idea untuk bertambah baik?

Macam manakah saya boleh melibatkan tenaga kerja saya dalam proses bagi menambahbaikkan, secara berterusan. Dalam suasana yang sangat kompetitif

sekarang, anak Malaysia, syarikat Malaysia, vendor Malaysia, industri Malaysia perlu meningkatkan proses, kualiti, perkhidmatan dan kos yang lebih rendah supaya daya saing dan daya tahan dapat dipertingkatkan dan menjadi lebih maju. *This is against of survivor*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. *Whom you know*, mungkin membolehkan seseorang mendapatkan kontrak? *What you know? What you do? How you perform*, dengan izin, membolehkan seseorang itu mendapat atau tidak kontrak yang berterusan dan juga *business* yang lebih maju atau tidak? Lebih-lebih lagi sekarang *business* menghadapi persaingan hebat, *very competitor* serantau dan juga antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Bioteknologi Negara (DBN) yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi pada 28 April 2005, menunjukkan satu usaha Malaysia menerokai bidang baru yang banyak potensi supaya Malaysia bukan sahaja tidak ketinggalan dalam persaingan global tetapi dapat melangkah ke depan dalam era ekonomi berinovasi ini. Dari segi mikro, tindakan kerajaan memutuskan bioteknologi menjadikan satu lagi pemangkin ekonomi dengan dasar dan pakej sokongan, daya saing akan mengubah topografi ekonomi kita.

Usaha tersebut bertujuan menjanakan kekayaan dan kemakmuran negara dan rakyat. Pada pandangan saya, mesej utama, prinsip utama, usaha untuk mengeluarkan lagi satu ejen pertumbuhan ekonomi adalah menunjukkan semangat penerokaan dan juga inovasi. Semangat penerokaan dan inovasi yang perlu diperluaskan dan semangat ini perlu diperluaskan, ditanam dan dijadikan satu budaya demi kebanggaan dan peningkatan, *human capital*, dengan izin. Syabas kepada penerokaan baru ini dan saya juga hendak bertanya daripada setiap kementerian, apakah penerokaan dan juga inovasi kementerian anda untuk menolong Pak Lah? Untuk menolong Malaysia dan rakyatnya melangkah ke hadapan? Saya harap kementerian-kementerian yang ambil inisiatif, yang sudah ada inovasi, mereka dapat dibentangkan supaya kita semua boleh belajar.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya menyokong usul yang dibahaskan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis adalah satu usul yang berbunyi;

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam persidangan Parlimen memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas pada majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesebelas”

Dikemukakan kepada Majlis sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dijemput Dato' Dr. Chin Fook Weng.

### **3.57 ptg.**

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk membahaskan Usul ini. Seperti yang dikatakan oleh kedua-dua rakan saya yang telah berucap pada hari ini bahawa dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia itu, Duli Yang Maha Mulia telah membangkitkan banyak perkara dan dalam Titah itu nampaknya ada 37 perkara yang penting dan bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menumpukan perhatian kepada beberapa perkara yang saya rasa sangat penting supaya perkara lain itu boleh dibangkitkan oleh rakan-rakan saya yang akan berucap seterusnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kesemua 37 adalah isu nasional belaka.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Ya, pada pendapat saya, ada isu nasional, ada isu global dan juga ada banyak isu yang menunjukkan ketidakpuasan, kebanggaan dan sebagainya. Kesemua itu bagi saya adalah penting tetapi mungkin saya hanya ingin menyuarakan beberapa daripada isu tersebut. Kesemua bagi saya, empat sahaja isu yang saya rasa penting bagi diri sendiri, Tuan Yang di-Pertua. Isu yang pertama ialah isu kenaikan harga minyak, Tuan Yang di-Pertua, dan kedua-dua rakan saya yang telah berucap juga telah menyentuh isu ini. Isu ini begitu penting sehingga kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu yang pertama ialah soalan kenaikan harga minyak dan kerana pentingnya isu ini, maka satu Jawatankuasa Kabinet telah ditubuhkan. Jawatankuasa Kabinet ini diberi tugas mengkaji impak kenaikan harga produk petroleum ke atas ekonomi negara, dan mereka telah diberi tugas supaya meningkatkan kecekapan penggunaan sumber manusia, tenaga dan juga menggalakkan sumber-sumber tenaga alternatif. Tetapi, bagi saya kedua-dua perkara yang ditugaskan kepada Jawatankuasa Kabinet itu adalah perkara yang bukan boleh diselesaikan dalam masa yang singkat, tetapi berpanjangan kerana kita hendak mengkaji bagaimana boleh meningkatkan kecekapan penggunaan sumber manusia, tenaga dan juga bagaimana kita dapat mencari sumber-sumber tenaga alternatif. Tetapi, pada masa yang singkat ini kita telah menghadapi banyak masalah tentang diesel dan kedua-dua rakan saya telah menyentuh tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, biar saya memberi satu gambaran yang lebih jelas tentang isu ini. Pada masa sekarang, di stesen petrol itu, satu liter diesel dijual dengan harga 88.1 sen. Pada masa yang sama, penggunaan untuk industri itu telah dijual sebanyak RM1.78 sen satu liter iaitu satu perbezaan harga 90 sen, kurang 90 sen. Masalah yang timbul bagi saya ialah kerana kegunaan diesel yang dikhaskan untuk domestik itu telah diguna oleh industri dan setahu kita, banyak daripada subsidi itu ialah untuk kegunaan diesel domestik. Kalau kita melihat tahun yang lepas, kita dapati RM3.4 bilion telah diguna sebagai subsidi dan bukan itu sahaja, tetapi minyak ini juga diberi pengecualian daripada cukai dan ini ialah sebanyak RM1.5 bilion dalam tahun 2004.

Pada empat bulan bagi tahun ini, kita sudah memberi pengecualian sebanyak RM350 juta. Kalau kita lihat perangkaan pada tahun 2002 Tuan Yang di-Pertua, kita dapati di industri, mereka gunakan 65% daripada diesel yang dikeluarkan iaitu sebanyak 6.3 bilion liter. Stesen minyak hanya jual 30% daripada jumlah iaitu 3 bilion liter. Tetapi, dalam tahun 2003, penggunaan industri sudah jatuh ke 50% sahaja iaitu 5.1 bilion liter, tetapi di stesen minyak itu telah meningkat kepada 40% iaitu 4.1 bilion liter.

Dalam tahun 2004, penggunaan industri jatuh lagi daripada 5.1 bilion liter ke 2.8 bilion liter sahaja. Pada masa yang sama tahun 2004, stesen minyak telah menjual 5.56 bilion liter iaitu telah meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, kalau itu perangkaan yang betul, maka tentulah kenderaan jalan itu mesti meningkat. Tetapi, kalau kita bandingkan dengan angka yang saya ada, 2002 kita hanya ada 949 - 509 kenderaan yang mempunyai enjin diesel. Dalam tahun 2004, ia sudah meningkat kepada 983 - 976 kenderaan iaitu hanya tambah 1.8% sahaja. Jadi, kalau Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu melihat perangkaan semacam ini, kita sudah lihat bahawa tentu ada masalah. Bagaimana penggunaan diesel dalam industri itu telah turun, tetapi yang dijual dari stesen minyak itu telah meningkat begitu banyak sedangkan jumlah kenderaan itu tidak meningkat? Jadi, sudah ada satu masalah dan kenapa tindakan itu tidak diambil khasnya dari segi mendenda mereka yang disabitkan kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya memaklumkan bahawa denda maksimum untuk individual kalau disabitkan kesalahan dengan penyeludupan diesel, maksimum denda ialah RM15,000 sahaja. Bagi syarikat-syarikat di bawah Akta Kawalan Bekalan, maka amaun yang boleh dikenakan sebagai maksimum hanya RM25,000. Jadi, keuntungan daripada salah guna diesel itu begitu lumayan, tentu pihak-pihak itu tidak takut tentang isu ini Tuan Yang di-Pertua dan mereka telah cuba. Lebih kurang tiap-tiap hari kita baca dalam surat khabar, lori-lori yang diubahsuaikan tangki mereka supaya dapat mengisi lebih minyak. Ada tangki-tangki palsu dan sebagainya sebagai cara untuk membawa diesel ini bukan keluar dari negeri, tetapi untuk dijual kepada industri dengan subsidi yang diberi oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita boleh membiarkan keadaan seperti ini berlaku. Dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia ada menyoalkan tentang isu kenaikan harga minyak iaitu di perenggan 20. Bagi saya ini adalah satu perkara yang harus diselesaikan oleh kerajaan dan bukan tidak ada cadangan.

Tuan Yang di-Pertua, biar saya mengingatkan Dewan ini bahawa beberapa pihak telah membuat cadangan daripada pihak Persatuan Lori Malaysia atau Pan-Malaysia *Lorry Honest Association* daripada kesatuan pengusaha petrol Malaysia semua pihak ini yang terlibat dengan isu petroleum ini telah membuat cadangan termasuk syarikat-syarikat minyak telah membuat cadangan tetapi sehingga hari ini saya nampak kerajaan tidak menerima cadangan-cadangan ini dan juga tidak memberi cadangan-cadangan yang boleh mengatasi masalah ini. Apa yang telah dibuat ialah mereka telah guna kuota

untuk bulan Jun bagi menyelesaikan masalah yang berlaku dalam bulan Mei dan April itu. Kita diberitahu bahawa menjelang 20 haribulan ini masalah akan timbul lagi kerana kuota itu sudah habis. Apabila tiba 20 Mei, kuota untuk bulan Jun sudah habis dan mungkin kita perlu pinjam kuota bulan Julai untuk menampung masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah diberitahu bahawa ekonomi kita begitu penting dan kalau kita lihat lori hanya *queue* untuk membeli diesel dan tidak boleh angkut apa barangan, pekerja-pekerja kita tidak dapat sampai ke pejabat mereka kerana bas tidak ada diesel, bas kilang tidak ada diesel, bas sekolah tidak ada diesel, bagaimana Tuan Yang di-Pertua.

Persatuan-persatuan yang ada kaitan itu telah membangkitkan banyak cadangan seperti contoh mereka telah mencadangkan bahawa sektor-sektor yang perlukan bantuan itu patut diberi bantuan tetapi dalam bentuk lain seperti tidak perlu bayar cukai jalan, dari segi pembelian lori dan sebagainya untuk pihak-pihak yang harus diberi subsidi oleh kerajaan. Itu boleh dibuat dengan cara lain bukan melalui harga diesel yang begitu berbeza itu RM0.90 satu liter.

Mereka telah mencadangkan supaya menggunakan warna yang berbeza untuk kegunaan domestik dengan kegunaan industri. Mereka telah cadangkan bahawa guna warna merah untuk domestik supaya dapat membezakan. Mereka telah mencadangkan bahawa satu pemantauan dibuat terhadap industri-industri yang ada kuota diesel seperti persatuan-persatuan nelayan, industri-industri terpilih, skim FELDA dan sebagainya kerana kita lihat sekarang sungguhpun persatuan-persatuan nelayan itu terima kuota mereka tetapi nelayan itu tidak dapat beli diesel dan perlu beli daripada stesen minyak. Jadi apa sudah terjadi kepada kuota mereka? Ini adalah satu masalah yang harus diberi.....

**Tuan Tan Bon You:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Sila.

**Tuan Tan Bon You:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pernah bawa isu ini dalam sidang yang sudah dalam Perbekalan Diesel. Sebenarnya apa yang dikatakan Dato' Chin tadi mengenai sistem kuota yang dibekalkan kepada nelayan, sebenarnya saya yang membawa hal nelayan ini. Tetapi apakah pandangan Yang Berhormat Dato'

sekiranya kalau kita memperbanyakkan kuota kepada persatuan ini tetapi nelayan ini memperbanyakkan botnya tanpa hasil dan kuota ini dijual kepada orang tengah ataupun ke luar negeri apakah pencegahan ataupun langkah-langkah yang akan diambil dari segi ini. Satu lagi kalau kita hendak selesaikan dengan warna, ini tidak akan selesai kalau kita masih membekalkan secara pukal kepada nelayan dengan cara ini. Terima kasih.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang harus dibuat oleh kerajaan ialah pemantauan yang lebih ketat terhadap mereka yang mendapat kuota ini termasuk nelayan dan pihak-pihak yang pada masa sekarang diberi subsidi kerana kalau tidak diberi subsidi mereka akan menaikkan harga dan ini adalah satu impak yang besar kepada semua pengguna.

Oleh kerana itu mereka layak diberi subsidi dan mereka telah menerima subsidi itu. Tetapi tanpa pemantauan yang lebih maka permasalahan ini tidak dapat diselesaikan kerana mereka akan menggunakan kesempatan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tan Bon You tadi bahawa mereka akan jual kepada pihak lain. Ini adalah satu masalah yang begitu rumit.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi cadangan yang telah dibuat oleh persatuan-persatuan ini ialah supaya kita menghadkan kenderaan dari negara Thai dan Singapura untuk membeli diesel ini supaya kita memeriksa tangki minyak mereka dan itu telah dibuat oleh Singapura apabila rakyatnya ke luar ke Malaysia bila dia balik dia hanya dapat setengah sahaja tangki penuh. Kalau diisi dengan minyak yang lain itu mesti dibeli dari Singapura tidak boleh beli dari Malaysia kerana harga kita begitu murah dibandingkan dengan Singapura.

Itu adalah isu-isu yang harus diberi perhatian oleh pihak kerajaan dan langkah yang diambil bagi saya untuk mengatasi masalah ini bukan satu langkah yang boleh diselesaikannya pada masa panjang kerana semua rakyat pun tahu penguatkuasaan. Penguatkuasaan selalu berlaku apabila perkara itu masih hangat tetapi selepas satu ketika bila perkara itu tidak begitu hangat lagi maka penguatkuasaan pun begitu dingin sehingga tidak dapat mengatasi masalah dan masalah itu akan timbul lagi dan akan menjadi satu isu lagi di negara kita. Sebenarnya kita harus menghapuskan masalah ini dengan satu pemikiran menukar mungkin cara-cara amalan yang kita ada pada masa

sekarang supaya kita dapat mengatasi isu itu dengan satu cara yang betul-betul berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan duli Yang Maha Mulia telah menyebut tentang perkara kenaikan harga minyak itu. Baru-baru ini Menteri-menteri kita juga menyatakan bahawa kita tidak bolehlah memberi subsidi berterusan dan dijangka pada tahun ini subsidi yang diperlukan ialah RM9 bilion juta. Kalau duit itu diguna untuk pembangunan, maka tentulah kita boleh usahakan banyak lagi projek untuk rakyat dan bukan memberi peluang kepada pihak-pihak tertentu supaya mendapat keuntungan daripada duit subsidi ini kerana mereka membeli diesel ini dan menjualkan kepada pihak lain. Sekarang kalau mereka jual dengan RM1.40 satu liter, mereka sudah dapat keuntungan. Itu sudah cukup lumayan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana itu, mereka telah mengambil risiko-risiko untuk mendapat diesel itu dan kemudian jual kepada industri..

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua, yang terkandung dalam Titah Ucapan itu ialah dalam perenggan 23 di mana Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong telah menyentuh tentang sistem penyampaian perkhidmatan awam, yang cekap dan berkesan adalah sangat penting bagi meningkatkan daya saing dan ketahanan ekonomi negara. Itu dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia. Kita tahu bahawa pada masa sekarang, kita telah melaksanakan beberapa program *indicator* untuk prestasi umum yang sudah dilaksanakan. Pada masa ini kepada GLC atau syarikat-syarikat yang berkaitan dengan kerajaan dan diharapkan bahawa program *indicator* prestasi umum ini akan dipanjangkan pemakaiannya kepada jabatan-jabatan kerajaan tertentu sebagai projek perintis. Tuan Yang di-Pertua, kita telah melihat bagaimana projek-projek yang terbengkalai, tergendala itu telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi kita.

Kita telah berusaha supaya mengatasi masalah-masalah sedemikian. Tuan Yang di-Pertua, biar saya mengambil dua contoh yang penting bagi saya untuk menambah lagi kenapa sistem penyampaian perkhidmatan awam itu masih tidak cekap, masih tidak berkesan, masih tidak sampai ke sasaran kita. Tuan Yang di-Pertua, contoh yang pertama saya ingin mengambil berkenaan dengan Kementerian Pengangkutan. Pada bulan Disember tahun yang lepas, Tuan Yang di-Pertua, kita telah diberitahu di dalam Dewan yang mulia ini bahawa terminal bas di Butterworth yang terbakar itu pada



tahun 2001, Yang Berhormat Senator Hajah Che Jam dari Pulau Pinang beliau pun tahu tentang perkara ini. Pada tahun 2001, terminal ini dijilat api, dan kerana itu telah ditutup kerana tidak selamat diguna lagi. Rakyat Pulau Pinang telah tunggu, tunggu, tunggu untuk satu tindakan diambil untuk mendapatkan terminal baru.

Selepas tunggu tiga tahun, kita diberitahu bahawa kerana perundangan, maka Kementerian Pengangkutan itu tidak boleh buat apa sehingga Parlimen meminda Akta, iaitu Akta Suruhanjaya Pulau Pinang 1955 (Pindaan) 2004 dan pindaan itu telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada bulan Disember selepas mendapat kelulusan di Dewan Rakyat bulan Disember 2004, Tuan Yang di-Pertua. Semasa itu kita diberitahu bahawa, dengan adanya pindaan itu, maka stesen bas atau terminal bas itu dapat dibina semula kerana dari segi perundangan perkara-perkara ini tidak dapat diselesaikan, sehingga kita pinda Akta Suruhanjaya Pulau Pinang dan kita pun berbuat demikianlah dengan cepat dan Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong telah juga meluluskan pindaan-pindaan itu dengan cepat.

Sekarang sudah lebih kurang enam bulan selepas apa yang kita usahakan itu. Malangnya, Tuan Yang di-Pertua, tidak nampak apa-apa perkembangan. Rakyat masih menderita. Kalau kita pergi Butterworth ke tempat di mana bas sampai untuk menurunkan atau mengambil penumpang, mereka berbuat demikian di satu tanah lapang tanpa perlindungan yang mencukupi, tanpa ada kemudahan yang selesa dan ini adalah pintu masuk ke Pulau. Bagaimana kita dapat menggalakkan pelancongan dan sebagainya, kalau satu perkara semacam ini, kita tidak dapat berbuat demikian? Kita menghadapi halangan demi halangan, sebab demi sebab, kenapa perkara ini tidak diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya membaca dalam surat khabar bahawa kerana birokrasi itu, maka perkara ini tidak dapat diselesaikan, kononnya satu bidang tanah yang diperlukan telah dijual kepada Lembaga Lebuh Raya Malaysia, tetapi tanah itu masih kosong kerana tidak diperlukan oleh LLM. LLM juga satu badan kerajaan, TPC juga adalah satu badan kerajaan dan pindaan kepada Akta Suruhanjaya Pulau Pinang 1955 telah menyatakan dengan jelas bahawa dengan kelulusan Menteri, iaitu Menteri Pengangkutan dengan persetujuan Menteri Kewangan, iaitu Perdana Menteri sendiri....

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Mohon laluan, Yang Berhormat boleh....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat Dato' Musa.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, tadi tentang Jabatan Pulau Pinang, memang kementerian sendiri, Kementerian Kerja Raya menyatakan bahawa Jambatan Pulau Pinang ini, kalau boleh ditangguhkan. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat, kita mintalah wakil kementerian, Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, tinggal di Pulau Pinang sebulan dan biar kita tahu berapa seksanya rakyat Pulau Pinang menghadapi masalah kesesakan Jambatan Pulau Pinang. Terima kasih.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang di-Pertua, itu adalah lagi satu perkara yang mungkin boleh dibangkitkan oleh Dato' Musa sendiri, kerana ini memang satu isu yang penting dan beberapa pemimpin negeri Pulau Pinang telah membuat tawaran kepada Menteri, Timbalan Menteri siapa yang hendak tinggal di Pulau Pinang bagi satu tempoh untuk melihat keadaan, mereka diberi tawaran percuma tinggal di Pulau Pinang supaya dapat melihat dari segi kaca mata sendiri keadaan di Pulau Pinang. Itu yang berlaku tetapi dari segi terminal bas ini, maka pindaan yang dibuat dalam Dewan ini telah menyatakan dengan kelulusan Menteri dan dengan persetujuan Menteri Kewangan, maka Suruhanjaya Pulau Pinang boleh dengan izin, *enter into any arrangement for sharing of profits, union of interest, cooperation or joint venture with any person or body or persons.*

Tuan Yang di-Pertua, kita telah diminta supaya buat pindaan semacam ini supaya suruhanjaya itu dapat berkongsi dengan Majlis Perbandaran Seberang Perai atau dengan Lembaga Lebuh Raya Malaysia supaya membina satu kompleks terminal bas yang selesa bagi pengguna, semua perundangan kita telah luluskan sekarang apa lagi birokrasi, kerana ini sistem penyampaian Tuan Yang di-Pertua.

Saya salahkan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang masih kurang cekap, masih tidak berkesan sehingga isu ini tidak boleh diselesaikan, sungguhpun perundangan semua ada, kalau hendak biarkan pihak lain boleh pajak, tanah ini boleh guna pajak, sewa dan sebagainya kepada pihak lain supaya mereka dapat menguruskan perkara ini dengan baik. Itu adalah satu contoh yang pertama dan saya gunakan ini kerana isu ini telah dibangkitkan oleh saya dalam bulan Disember tahun yang lepas, semasa kita mengalu-alukan pindaan itu supaya membolehkan Suruhanjaya

Pulau Pinang itu membuat atau mengambil tindakan untuk mewujudkan satu lagi terminal bas, yang sebelum terbakar itu memang diuruskan oleh mereka. Saya pun keliru mengapa sebelum itu mereka boleh buat perniagaan, tetapi selepas terbakar mereka tidak boleh, saya telah menyatakan dalam bulan Disember kalau terminal bas itu tidak terbakar, maka sampai hari ini ia masih diuruskan oleh Suruhanjaya Pulau Pinang.

Jadi saya minta supaya satu perhatian yang lebih serius diberi kepada hal ini dan jangan lagi beri sebab kenapa tidak boleh, kenapa ada birokrasi, kenapa pihak-pihak agensi kerajaan tidak sependapat, tidak boleh bekerjasama dan sebagainya, itu semua kita tidak mahu mendengar lagi Tuan Yang di-Pertua.

Contoh yang kedua yang saya ingin menyentuh ialah tentang sistem penyampaian perkhidmatan awam, ia adalah satu perkara yang baru sahaja selesai. Pada 30hb April selesai pemulangan borang cukai, semua orang perseorangan kena menghantar borang cukai, kembalikan borang cukai pada 30hb April dan kita baca dalam surat khabar bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri telah membuka pejabat mereka sehingga 12 malam untuk menerima borang-borang tersebut. Sungguhpun demikian nampaknya ada lebih kurang RM1 juta rakyat kita yang belum hantar lagi borang itu. Mungkin borang itu masih dalam perjalanan kerana apabila kita pos pada 30hb April ialah hari Sabtu Tuan Yang di-Pertua, Isnin ialah hari cuti kerana ganti 1hb Mei iaitu hari Ahad dan hari ini ialah hari pertama kita bekerja.

Jadi mungkin ini semua dalam semua pejabat pos yang masih dalam beg, masih kutip atau masih dalam perjalanan ke pusat pemprosesan dan selepas pos mungkin lambat lagi diterima oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu perkara bagi saya yang tidak harus berlaku sehingga ia menjadi satu isu dan ini melibatkan rakyat yang akan bayar cukai kepada kerajaan. Kalau kita tidak bayar cukai, maka kita disalahkan dan kalau kita lewat bayar cukai kita akan didenda RM200 hingga RM2000, di sini rakyat hendak bayar cukai tetapi menghadapi banyak masalah.

Saya beri beberapa contoh yang melibatkan saya sendiri Tuan Yang di-Pertua. Pada 14hb April saya telah pergi ke pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri di Pulau Pinang, iaitu di Lebuhraya Pantai dan saya ingin serahkan borang saya di sana. Tetapi saya diberitahu tidak boleh kena hantar ke Pusat Pemprosesan - tidak boleh dan pegawai itu berkata, "Saya tidak bertanggungjawab nanti kalau saya terima, nanti hilang saya tidak

bertanggungjawab, itu lebih baik hantar terus ke Pusat Pemprosesan”, tetapi saya kata, “Ada banyak dokumen dan sebagainya. Ada dividen boucer, ada apa yang saya kena hantar”, tetapi tidak boleh terima dan kena hantar. Saya telah hantar pada hari Isnin dan itu pada 18hb April tetapi pada 21hb satu pengumuman telah dibuat bahawa boleh, boleh dihantar di pejabat. Perkara semacam ini Tuan Yang di-Pertua tidak boleh diuruskan dengan baik, kalau boleh jangan minta kita pergi *post office* lagi, dan kita kena belanja RM1.40 sen untuk daftarkan itu sebab kita bimbang tidak sampai dan sebagainya dan kalau mereka boleh terima kenapa tidak diberitahu awal supaya kita ikut prosedur seperti tahun-tahun sebelum ini.

Pada tahun yang lalu Tuan Yang di-Pertua, saya telah memandu kereta saya di mana mereka telah menyediakan satu tempat *drive in* untuk menerima ini dan saya kata syabas, bagus dan sebagainya. Saya datang ke Dewan ini saya kata ini adalah satu amalan yang baik. Tetapi tahun ini tidak boleh, tetapi selepas apabila saya hantar boleh terima pula dan saya baca di Sabah tidak boleh. Kenapa keputusan-keputusan semacam ini dibuat untuk menyusahkan rakyat yang mahu membayar cukai kepada kerajaan. Dan Ketua Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri menyatakan dalam surat khabar rakyat mesti ada keyakinan kepada Pos Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa kalau pemulangan borang itu tidak sampai maka rakyat itu disalahkan tidak peduli sama ada kita kembalikan atau tidak dikembalikan kita disalahkan dahulu. Dan oleh kerana ini adalah tahun yang pertama kita menggunakan sistem baru itu maka saya harap perkara-perkara semacam ini yang telah berlaku dikaji semula supaya tahun depan kita tidak perlulah lagi membangkitkan perkara-perkara semacam ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam borang itu ada satu soalan nombor 9 yang berbunyi ‘adakah ketetapan dipatuhi’. Saya pergi ke pejabat bertanya apa maknanya itu. Saya diberitahu ‘isi dengan satu’ dia ada dua “isi satu atau dua’. Nombor 1 atau nombor 2. Ketetapan dipatuhi bermakna isi satu kalau tidak ada isi dua. Saya kata apa soalan ini? Apa maksud ketetapan kita mesti patuhi semua perundangan yang ada. Jadi apabila saya tanya pegawai di sana saya tidak diberi satu jawapan yang cukup baik yang boleh diterima sebagai seorang yang terpelajar. Tentu saya boleh faham apa itu, tetapi saya

tidak faham. Apabila saya tanya maka tidak ada satu jawapan yang membolehkan saya faham apakah maksud soalan itu.

Kalau kita tandatangi sesuatu borang itu biasanya ada satu ruang yang menyatakan kita patuhi semua maklumat yang kita berikan itu adalah benar mengikut pengetahuan kita dan sebagainya. Itu semua kita sudah mengakui kalau maksud itu ialah sama ada kita sudah mengakui. Bila saya sudah tandatangi borang itu maka bermakna saya sudah mengakui. Jadi mengapa soalan semacam ini sama ada ditetapkan dipatuhi dan bukan saya sahaja yang bertanya tentang ini Tuan Yang di-Pertua tetapi ada pembayar-pembayar cukai lain juga bertanyakan apakah ini dan mereka juga tidak mendapat satu jawapan yang baik.

Lihatlah mereka yang merancang borang itu memikirkan sedikit apakah maksud itu supaya ia lebih jelas. Kalau kita lihat buku panduan - mereka ada mengeluarkan satu buku panduan. Saya minta mereka yang mengeluarkan buku panduan itu sila lihat buku panduan itu sendiri di mana ada ruang yang menyatakan apakah maksud soalan ini. Tidak ada. Saya telah baca berkali-kali tetapi tidak dapat melihat apakah maksud soalan ini.

Jadi ini adalah dua contoh yang saya guna untuk menyatakan bahawa sistem penyampaian perkhidmatan awam yang diharapkan cekap dan berkesan itu masih lemah, masih perlukan pemantauan dan masih memerlukan usaha-usaha supaya kita dapat mencapai hasrat dan sasaran seperti yang diharapkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga yang ingin saya sentuh ialah dalam perenggan 24 Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong iaitu berkenaan dengan tajuk rasuah. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyatakan adalah berbangga dengan berbagai-bagai usaha mencegah rasuah yang sedang dijalankan sehingga ke akar umbi tetapi mengingatkan kita supaya tidak harus berpuas hati. Itu bermakna masih ada ruang-ruang untuk kita meningkatkan lagi dan beberapa pelan tidak digunakan sebagai satu ukuran tentang paras kepuasan itu. Seperti contoh tadi rakan saya telah menyebut tentang Pelan Integriti Nasional (PIN). Ada juga indeks persepsi rasuah, ada juga kod Tadbir Korporat Malaysia dan semua ini

akan menjadi satu garis panduan kepada kita sama ada kita telah mencapai satu tahap dalam mencegah, membanteras rasuah seperti yang diharapkan di negara kita.

Kalau kita melihat bahawa prestasi kita di indeks-indeks antarabangsa itu kalau tempat kita naik ke satu paras yang boleh memberi kebanggaan bahawa kita sudah lebih kurang mencegah masalah ini maka adalah lebih baik bagi kita kerana lebih banyak syarikat yang akan melabur di negara kita dan juga persepsi di dunia akan menambah baik tentang keadaan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ke perkara yang akhir iaitu di perenggan 35, Titah Ucapan itu ada disebutkan perkara pekerja asing dan apa yang disebutkan Titah Ucapan itu ialah langkah-langkah mengatasi masalah pendatang asing tanpa izin akan lebih berkesan dengan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu yang melibatkan berbagai agensi penguat kuasa. Itu bermakna kita masih ada ruang untuk menambah kerjasama di antara pihak-pihak yang sedang menguruskan perkara ini.

Bagi saya ini adalah satu teguran Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terhadap usaha-usaha agensi yang nampaknya tidak begitu bekerjasama di antara satu sama lain untuk menghapuskan perkara ini. Kalau ini berterusan, maka tentulah akan menjejaskan usaha kita supaya masalah pendatang asing itu dapat dikawal dengan baik dan juga kita dapat menjamin bahawa mereka yang datang bekerja di Malaysia ini semuanya pekerja yang sah, pekerja yang telah dapat kelulusan, dapat permit dan telah didaftarkan dengan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, setahu saya ada banyak cadangan telah dibuat untuk mengatasi masalah ini. Sebagai contoh, kita telah diberitahu bahawa ada dicadangkan supaya kita tubuhkan satu daftar pekerja asing dan mereka juga diberi satu kad khas dengan maklumat-maklumat peribadi mereka yang telah dimasukkan ke cip itu dan apabila mereka datang ke Malaysia, maka maklumat itu sudah ada dan kalau mereka datang sekali dengan satu lagi passport kerana senang sahaja bagi orang ini tukar passport, bila balik ke negara mereka, mereka boleh mohon passport lain guna nama lain dan kemudian masuk ke Malaysia sekali lagi sebagai seorang yang baru.

Kalau semua maklumat itu kita sudah ada dengan cap ibu jari mereka dengan semua lagi maklumat peribadi mereka, maka sukarlah bagi pihak-pihak ini masuk ke Malaysia sekali lagi dengan menggunakan maklumat palsu tetapi nampaknya perkara ini

telah dikaji bulan demi bulan, tahun demi tahun, tetapi tidak ada satu penyelesaian. Semasa itu maka masalah pekerja asing, pekerja pendatang asing itu bertambah buruk dan keadaan tidak dapat dikawal, sekarang kita diberitahu bahawa di banyak sektor, maka kerja-kerja itu tidak dapat dijalankan oleh kerana masalah ini.

Di Pulau Pinang sendiri kita melihat bahawa pembinaan satu jambatan di Sungai Nibong itu telah terjejas, telah lambat dan sebagainya oleh kerana kilang yang membuat bahagian-bahagian yang akan dibawa ke tapak itu untuk dipasang itu tiada pekerja dan oleh kerana itu maka projek itu tergendala. Itu sebagai satu contoh sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Tentu ada lagi banyak projek yang menghadapi masalah yang sama oleh kerana masalah ini.

Saya harap dengan perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam titah ucapan itu maka pihak yang berkenaan akan mengambil berat tentang isu-isu ini dan kena memikir dengan mendalam bagaimana menyelesaikan masalah-masalah itu bagi satu jangka masa panjang, bukan seperti saya katakan tadi, ambil kuota dari bulan depan untuk menampung keperluan ini dan bila sampai ke bulan depan, maka ada masalah lagi. Pasal itu masih timbul masalah lagi dan itu bagi saya bukan satu penyelesaian.

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam.

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada sahabat saya, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin. Saya ingin minta pandangan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin tentang pekerja-pekerja asing. Mengapakah pembangunan di negara kita ini bergantung kepada pekerja-pekerja asing? Mengapa kita memerlukannya sangat?

Jika kita nampak di Eropah, di Jerman atau di Perancis, di Itali, di UK, di Australia ataupun di New Zealand, mereka tidak pakai pekerja-pekerja asing untuk pembinaan. Semuanya terdiri daripada rakyat sendiri. Mengapa ini tidak boleh dilakukan di Malaysia?

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang di-Pertua, memang perkara ini boleh diselesaikan kalau kita guna sebagai contoh, di stesen minyak. Dahulu apabila kita ke stesen minyak, maka kita duduk dalam kereta sahaja, kita tidak payah keluar langsung,

pekerja di situ datang tanya berapa yang hendak diisi dan kita bagi duit kepada dia, dia isi, selepas itu dia bawa resit semua, kita duduk dalam kereta dan kita tunggu sahaja.

Tetapi bila kerajaan kata ini tidak boleh kerana sektor ini menggunakan terlalu ramai pekerja asing, maka sudah tukar peraturan. Semua kena buat sendiri, isi sendiri. Jadi ada satu kempen isi sendiri, ada lagu yang disiarkan dalam radio, TV dan sebagainya dan pada satu ketika, saya pun tahu menyanyi lagu itu. Tetapi sudah lama, sudah lupa. Kempen isi sendiri itu telah berjaya.

Sekarang bila kita pergi ke stesen minyak, maka kita kena keluar dari kereta sama ada perempuan, orang tua, orang muda, semua kena keluar pergi ke kaunter kerana dulu kita boleh guna *credit card*, sekarang tidak boleh kerana kes-kes penipuan begitu banyak, kita kena pergi ke kaunter, kita kena jalan, kita kena sebut berapa kita hendak isi, selepas itu balik ke kereta, pam sendiri dan selepas itu buat semua kerja sendiri untuk mengisi minyak.

Apa yang diperlukan, Tuan Yang di-Pertua, ialah satu penukaran minda, *mind set change*. Kalau sektor ini boleh buat, begitu ramai, lebih kurang melibatkan tiap-tiap orang yang ada kenderaan, motor, kereta, lori atau bas, semua kena buat sendiri dan itu bagi saya sudah merupakan satu latihan dan kalau boleh buat dalam sektor ini, kenapa tidak boleh dipanjangkan ke dalam sektor lain. Kalau kita ke kedai-kedai, kita sudah melihat bahawa ada banyak tempat *self-service*. Restoran pun *self-service*. Kita ke *McDonalds*, ke *Kentucky Fried Chicken*, semua itu *self-service*. Kita pergi ke kaunter, ambil sendiri. Kita mahu ambil sos cili atau apa-apa sos itu, kita semua usaha sendiri. Tidak payah lagi pekerja itu datang untuk memberi perkhidmatan. Jadi kita layan sendiri.

Dahulu bila kita naik bas, kita dapat satu *driver*, satu konduktor. Sekarang bas pun hanya ada *driver* sahaja, konduktor pun tidak ada dan kita kena pastikan duit tambang itu mencukupi. Kalau 90 sen kita mesti ambil 90 sen. Kalau kita ambil RM1, tidak ada *change*, semua masuk dalam kotak itu dan itulah dia.

Jadi kalau sistem semacam ini boleh dilaksanakan, tentu kerajaan boleh mencadangkan supaya kita memanjangkan konsep itu kepada sektor-sektor lain supaya pada satu ketika kita tidak bergantung kepada pekerja-pekerja asing kerana pekerja-pekerja asing ini datang dengan satu kos yang tinggi.



Ada banyak masalah sosial, ada banyak masalah perumahan, kesihatan, perubatan dan sebagainya yang kita kena tanggung Tuan Yang di-Pertua dan juga mungkin kita menarik mereka yang tidak diingini masuk ke negara kita kerana mereka lihat Malaysia sebagai satu tempat yang begitu lumayan bagi mereka mencari nafkah dan mereka suka datang ke sini kerana mereka lihat Malaysia sebagai satu negara yang begitu baik bagi mereka.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau kerajaan boleh memberi perhatian kepada perkara-perkara ini, maka saya berpendapat boleh diatasi. Pagi ini kita telah bertanya Menteri Sumber Manusia, apakah cara-cara yang diambil boleh mengurangkan keperluan kita dalam sektor ini dan kementerian berkenaan menjawab bahawa ada satu usaha yang telah diambil untuk mengatasi perkara ini dan usaha itu termasuk menggunakan lebih cara layan diri supaya kita tidak begitu banyak bergantung kepada pekerja asing dan kalau kerajaan memang serius tentang perkara ini, saya berpendapat ia akan menyelesaikan banyak masalah.

**Puan Siti Zailah Mohd Yusoff:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Puan Siti Zailah Mohd Yusoff.

**Puan Siti Zailah Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dato'. Saya tertarik dengan perbincangan persoalan pendatang tanpa izin yang kita semua tahu adalah merupakan satu beban kepada negara kita. Jadi, pada pandangan Yang Berhormat, adakah satu penyelesaian yang kita dapat ambil pengajaran daripada negara-negara lain bagaimana mereka menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin sebab kita lihat dalam negara kita, bukan sahaja ia mendatangkan masalah sosial dalam negara tetapi kita lihat dari segi bebanan kewangan yang ditanggung oleh kerajaan hasil daripada pendatang tanpa izin ini cukup besar. Kita lihat apabila dalam kem-kem tahanan pendatang tanpa izin, sehingga ada pendatang tanpa izin yang terpaksa kita bela sampai enam bulan, ada yang sampai satu tahun kerana kes-kes yang tertentu. Jadi merupakan satu beban yang cukup besar. Jadi apa pandangan Yang Berhormat dalam isu ini? Terima kasih.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Puan Siti Zailah bahawa perkara ini adalah satu perkara yang serius. Ia memerlukan banyak usaha, banyak perbelanjaan daripada kerajaan dan ini nampaknya masih tidak boleh

menyelesaikan perkara ini sehingga kita begitu bergantung kepada pihak ini. Kita pun rela membuka pintu kita kepada mana-mana rakyat yang ingin bekerja di Malaysia. Baru-baru ini kita ada 100 ribu dari Pakistan. Kita membuka pintu kita kepada 100 ribu pekerja dari Pakistan. Ini ada sebab-sebab kenapa kita kena mengkaji bagaimana kita dapat mengurangkan keperluan itu supaya lebih menggunakan tenaga orang tempatan. Ada dikatakan mungkin kita kena tetapkan dasar sekurang-kurangnya 51% pekerja mesti orang tempatan. Kita ada mendengar bahawa di sektor-sektor tertentu, pekerja-pekerja asing itu tidak dibenarkan dan sebagainya. Tetapi nampaknya tidak ada satu dasar yang konkrit yang dapat dilaksanakan dengan baik supaya mengatasi masalah ini. Kita dapat banyak cadangan, kita telah dapat banyak lagi permintaan dan sebagainya daripada majikan-majikan dan sebagainya tetapi nampaknya satu penyelesaian yang panjang masanya itu belum ada.

Saya harap kerana saya telah membangkitkan perkara ini, selepas dibangkitkan di dalam Titah Ucapan itu sebagai mengingatkan pihak kerajaan yang diberi tugas menjaga fungsi ini supaya lebih prihatin tentang perkara ini supaya satu penyelesaian yang berpatutan, munasabah dan untuk kebaikan negara ini dapat dicapai. Tuan Yang di-Pertua, itu adalah hasrat kita bersama dan saya berharap apabila rakan-rakan saya yang berucap selepas ini juga akan memberi cadangan yang konkrit bagaimana kerajaan boleh mengambil kira dalam merancang dan mereka satu dasar yang cukup baik bagi mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong Usul. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam.

**5.07 ptg.**

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, pada tiap-tiap perasmian penggal Parlimen oleh Duli Yang Maha Mulia, kita semua Ahli-ahli Dewan menjunjung kasih kepada Baginda Tuanku tetapi adakah kita berhenti sebentar dan fikir apakah peranan Sistem Raja-Raja Berperlembagaan ataupun *Constitutional Monarchy*, dengan izin ? Apakah peranannya

yang diamalkan di Malaysia? Apakah kepentingannya? Kepada saya, lambang atau simbol kerabat diraja sangat mustahak dan diterima oleh semua kaum di Malaysia dan semua lapisan masyarakat sebagai satu yang menyatupadukan rakyat. Semoga Tuhan memelihara Duli-duli Yang Maha Mulia dan melanjutkan pemerintahan Baginda Tuanku-Tuanku untuk keamanan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya mengambil perhatian bahawa mengikut kajian-kajian yang dijalankan di peringkat antarabangsa pada tahun yang lepas, kedudukan Malaysia baik dan di antara negara-negara yang paling bagus untuk diduduki. Kedudukan tanah air kita adalah nombor empat di antara 60 negara dari segi pengangguran ataupun *unemployment* dengan izin, mengikut Laporan Persaingan Sedunia 2004 dan tempat kedua di rantau Asia Tenggara, lebih baik dari Amerika Syarikat dan United Kingdom. Dari segi tenaga rakyat termahir, Malaysia mendapat tempat kelima di rantau. Di Asia, Malaysia adalah negara yang keenam dan di ASEAN, yang kedua untuk tempat yang bagus untuk tinggal.

Agensi *Economy Intelligents Unit* pun berkata, harga kehidupan di Kuala Lumpur sangat murah, *cost of living*, dengan izin. Satu lagi institusi kajian iaitu *Employment Conditions Abroad* (ECA) menunjukkan bahawa kedudukan Malaysia adalah kelima di Asia untuk eksekutif-eksekutif asing. Fakta-fakta yang diambil kira untuk kajian-kajian tersebut adalah pengangkutan, komunikasi, suasana kerja, pendidikan, perumahan, kesihatan, kebudayaan dan hiburan, pembahagian hasil, institusi keluarga, alam sekitar dan keselamatan awam. Hasil per kapita telah meningkat dari RM6,300 pada tahun 1990 ke RM16,500 pada tahun 2004.

Tuan Yang di-Pertua, satu laporan di surat khabar *STAR* bertarikh 8 Mac 2005 yang saya ada di sini [*Menunjukkan surat khabar STAR*] berkata bahawa golongan wanita di Malaysia dan Thailand menikmati taraf sosioekonomi yang lebih tinggi di antara negara-negara Asia Pasifik. Kajian dibuat di atas 300 hingga 350 wanita di 13 negara dengan mengambil kira penyertaan tenaga rakyat, taraf pendidikan, jawatan-jawatan pengurusan dan hasil ataupun pendapatan. Kajian tersebut dijalankan oleh *Master Card International*. Kedudukan Malaysia ialah nombor dua dengan ramai dari kaum wanita memegang jawatan-jawatan pengurusan. Rencana itu pun sebut wanita-

wanita di Malaysia dan Thailand mempunyai lebih keyakinan jika berbanding dengan negara-negara lain di Asia.

Laporan juga sebut bahawa wanita di Malaysia akan menjadi golongan yang mempunyai ataupun mendapat pendapatan yang tinggi di atas penyertaan mereka di sektor pekerjaan iaitu perkilangan dan sebagainya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kedudukan Singapura ialah nombor lapan.

Tuan Yang di-Pertua, laporan ini menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional sentiasa prihatin kepada hal-ehwal wanita Malaysia dan akan terus memberi peluang-peluang ekonomi kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, kita digalakkan dan saya percaya rakyat pun berpuas hati dengan perangkaan-perangkaan seperti yang disebut. Ini menunjukkan bahawa kerajaan begitu sensitif kepada aspirasi rakyat dan telah cuba dan akan cuba sedaya upaya untuk memberi mutu kehidupan yang baik untuk orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin menyentuh perkara ekonomi. Tahun 2004 boleh dikatakan baik untuk ekonomi Malaysia. Anggaran daripada Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia ataupun *Malaysian Institute For Economic Research* (MIER) ada pembangunan untuk tahun lepas adalah 7.2% dan anggaran untuk tahun ini ialah lebih kurang 6%. Gambaran untuk tahun 2006 dan 2007 pun nampak positif. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, adakah Malaysia mampu mempertahankan kadar pembangunan yang kukuh pada jangka masa sederhana dan jangka masa panjang? Pelaburan asing terus (FDI) adalah diterima sebagai jentera utama untuk eksport-eksport negara pada 30 tahun yang lalu.

Tetapi, nampaknya pelaburan asing telah menurun sejak tahun 1990-an. Laporan pelaburan dunia Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun lalu mengatakan bahawa pelaburan asing terus di Malaysia telah cepat turun pada 10 tahun yang lepas. Selain daripada itu, persaingan untuk pelaburan asing telah meningkat pula dengan cabaran yang serius sekali daripada negara China dan India. Sektor perkilangan yang menyumbang lebih kurang 30% jumlah hasil tempatan ataupun GDP menghadapi banyak cabaran dan masalah. Ini termasuk kekurangan buruh mahir ataupun *skill labour*, dengan izin. Peningkatan kos buruh, pengeluaran yang rendah ataupun *low productivity*, dengan izin dan kekurangan kebolehan teknologi.

Pakar-pakar ekonomi perindustrian berkata bahawa jumlah faktor pengeluaran ataupun *total factor productivity* dengan izin, iaitu tanda-tanda yang mengukur perkembangan teknologi sangat sedikit sahaja di sektor perkilangan. Mengapa Tuan Yang di-Pertua? Oleh kerana mudah dapat pekerja-pekerja asing yang tidak mempunyai kebolehan ataupun *unskilled workers*, dengan izin, sebab itu pengilang-pengilang tempatan tiada insentif untuk melabur dalam bidang-bidang pelatihan, penyelidikan dan pembangunan ataupun R&D, dengan izin dan tidak menggunakan cara-cara automatik untuk perkilangannya iaitu membuat benda-benda tanpa tangan manusia, memakai *robotic* dan sebagainya .

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia juga masih memberi perlindungan untuk industri-industri tempatan seperti Proton dan Perodua. Pada masa ini, ada wujud perkongsian atau gabungan syarikat-syarikat perkilangan kereta besar di dunia. Syarikat-syarikat terkenal seperti Jaguar dan BMW pun di bawah pemilikan syarikat-syarikat yang lebih besar. Sukar sekali untuk pembuat-pembuat kereta kecil maju. Baru-baru ini, kita pun telah nampak masalah-masalah yang dihadapi oleh syarikat pengilangan kereta MG Rover di United Kingdom. Akhirnya, kilang pun sudah tutup. Nampaknya, padang permainan tidak akan sama rata. Menurut persefahaman Zon Berdagangan Bebas ASEAN (AFTA) dengan izin, Kerajaan Malaysia telah mengurangkan cukai import kenderaan-kenderaan buatan ASEAN dari 150% ke 20%.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, cukai eksais telah dinaikkan pula dengan mengambil kira bahawa pengilang-pengilang kereta Malaysia diberi rebat 50% di atas cukai eksais.

Adakah dasar tersebut bercanggah dengan semangat perdagangan ASEAN? Apakah hasrat kerajaan dengan pelaksanaan satu sistem cukai yang boleh dikatakan bertentangan dengan persefahaman ASEAN. Tuan Yang di-Pertua, di sini ada satu rencana ataupun artikel dari *The Bangkok Post Thailand*. Tajuknya, *Malaysian Car Taxes seem are unfair*, tidak adil cukai-cukai nya. Ini pandangan seorang jiran yang juga ahli ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa akan datang, dari manakah pembangunan negara akan datang? Apakah sumber-sumber nya? Koridor multimedia telah ditubuhkan pada tahun 1996 dengan tujuan membina satu kumpulan syarikat-syarikat

teknologi maklumat yang akan mendorong Malaysia ke hadapan ke zaman maklumat dan penerangan, *information aids* dengan izin. Kerajaan telah melabur berbilion-bilion ringgit membiayai infrastruktur supaya menarik syarikat-syarikat ICT bertaraf antarabangsa ataupun *world class* dengan izin ke koridor multimedia tersebut. Tetapi MSC tidak menjadi apa yang dikehendaki oleh pihak pentadbiran. Ada penyelewengan sedikit.

Syarikat-syarikat di situ pada masa ini tidak menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan sepenuhnya. Ia pula telah menjadi satu pusat rantau untuk memproses perniagaan sumber luar ataupun *outsourcing*. Walaupun persumberan luar baik untuk mencipta lebih peluang pekerjaan tetapi ia tidak akan memudahkan perpindahan teknologi tinggi ataupun *technology transfer* dengan izin yang akan membantu industri-industri tempatan menaik taraf supaya seimbang dengan negara-negara barat dan Jepun.

Baru-baru ini kerajaan telah memberi suntikan baru kepada cadangan membangunkan bioteknologi di negara dengan ciptaan Agensi Bioteknologi Kebangsaan. Dua tahun lepas projek *bio valley* telah pun dilancarkan dengan peruntukan lebih daripada RM100 juta untuk pembinaan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan di atas usahanya untuk mempromosikan bioteknologi sebagai salah satu cara mendapat hasil untuk negara.

Tetapi kerajaan harus berwaspada dengan bidang bioteknologi ini. Ia begitu mahal dan berisiko. Sebagai contoh sejak tahun 1970, lebih dari separuh syarikat-syarikat bioteknologi di Amerika Syarikat telah bergabung atau menjadi muflis. Bantuan kewangan dan modal untuk bioteknologi sangat tinggi dan pulangnya boleh didapati selepas masa yang panjang. Maknanya *no quit return* dengan izin. Selepas itu proses pasaran hasil pengeluarannya pun bukan cepat.

Tuan Yang di-Pertua, saya menghargai hasrat kerajaan mencari sumber-sumber lain potensi untuk membantu pembangunan ekonomi seperti pertanian, pengurusan kesihatan ataupun *health care* dengan izin, pelancongan dan yang penting sekali pada pandangan saya ialah perusahaan kecil dan sederhana (SME).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dalam Yang Berhormat menyeru pihak kerajaan untuk mengambil perhatian, saya membenarkan Yang Berhormat untuk menyebut nama kementerian khusus yang berkaitan dengan tajuk Yang Berhormat bahaskan tadi. Ini adalah supaya Yang Berhormat akan dapat jawapan yang khusus daripada pihak kementerian yang berkenaan. Silakan.

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana ini melibatkan banyak kementerian. Bioteknologi itu di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, pertanian itu di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan juga Kementerian Kesihatan dan untuk perusahaan kecil dan sederhana ialah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Terutama sekali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sangat minat memulihkan kembali sektor pertanian. Ini satu yang menggalakkan dan saya percaya akan berjaya dengan komitmen yang bersungguh pada jangka masa panjang. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya khawatir bolehkah semua sektor yang dicadangkan, sektor-sektor yang diketepikan dan sektor-sektor yang dimeterai mampu mengganti kekurangan daripada pelaburan-pelaburan asing yang rendah pada sepuluh tahun yang lepas.

Kerajaan juga ingin mempromosikan Malaysia sebagai pusat rantau untuk perbankan, *banking* dengan izin dan kewangan secara Barat dan secara Islam juga. Tetapi suasana untuk tujuan tersebut tidak sesuai dengan kadar tetap Ringgit Malaysia dengan dolar Amerika Syarikat. Jika cita-cita kerajaan hendak direalisasikan, Kementerian Kewangan harus mengkaji semula jika ikatan tetap tersebut akan dikekalkan atau diubah atau dibatalkan sekali di mana Ringgit Malaysia akan dibebaskan dan nilainya ditetapkan oleh kuasa-kuasa pasaran kewangan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi Malaysia telah pun sampai ke satu simpang empat ataupun *cross road* dengan izin. Semua kemungkinan dan cara-cara meningkatkan ekonomi mesti dikaji oleh pakar-pakar. Pembangunan ekonomi akan bergantung kepada pencipta-pencipta dasar. Mereka harus nampak jauh pada masa yang akan datang dan membuat pilihan strategik yang betul. Kerajaan sedang menyiapkan Rancangan Malaysia Kesembilan. Kita harap pencipta-pencipta dasar

ekonomi akan mengambil kira semua aspek sumber-sumber yang berpotensi supaya negara boleh bersaing di dunia untuk jangka masa panjang.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Ucapan Titah Duli Yang Maha Mulia baginda telah pun menyentuh isu pendidikan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagikah perbincangan Yang Berhormat?

**Dato' Dr. S. Vijayaraj:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** oleh kerana masa dah cukup, Yang Berhormat boleh sambung esok.

**Dato' Dr. S. Vijayaraj:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa telah pun cukup. Saya tangguhkan Dewan sehingga jam 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***



**LAMPIRAN****PARLIMEN MALAYSIA**

---

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KESEBELAS  
21 MAC 2005**

---

**TITAH SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DI-PERTUAN AGONG XII  
TUANKU SYED SIRAJUDDIN SYED PUTERA JAMALULLAIL**

*Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*  
**Assalamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh,**

**Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-Ahli Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat sekalian.**

*Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita bersama-sama di Istiadat Pembukaan Penggal Kedua, Parlimen Kesebelas pada hari ini.*

2. Tahun 2004 telah berakhir dengan bencana ombak besar tsunami yang turut melanda negara kita. Beta dan Raja Permaisuri Agong merakamkan ucapan takziah kepada mereka yang kehilangan ahli keluarga, harta benda dan mata pencarian akibat bencana tersebut. Beta mengucapkan syabas kepada Kerajaan dan Mamanda Perdana Menteri Beta yang dengan serta merta mengambil pelbagai usaha bagi meringankan penderitaan mangsa-mangsa dan membolehkan mereka memulakan hidup baru. Langkah-langkah seperti membaik pulih dan membina rumah-rumah baru serta memperbaiki dan menggantikan bot-bot nelayan yang telah musnah adalah amat bermakna kepada mereka. Beta amat berbangga kerana rakyat negara ini telah sekali lagi menunjukkan sikap mulia dan prihatin melalui sumbangan dalam bentuk wang, bahan makanan, pakaian dan sebagainya kepada mangsa-mangsa ombak besar tsunami dalam dan luar negara. Malah kesediaan rakyat kita memberi bantuan kemanusiaan kepada mangsa-mangsa terutamanya di Aceh dan Sri Lanka amat terpuji.

3. *Beta juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada negara-negara sahabat yang telah melahirkan rasa simpati di atas bencana yang menimpa rakyat kita serta menghulurkan bantuan. Kerajaan Beta juga akan bekerjasama dengan negara-negara di rantau ini untuk membangunkan sistem amaran awal bencana tersebut.*

4. *Alhamdulillah, semenjak Mamanda Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dan Jemaah Menteri Kerajaan Beta menjalankan tugas dalam pentadbiran baru pada bulan April 2004, Beta mendapati rakyat dan negara semakin sejahtera dan maju. Kesan positif sudah mula dirasakan dengan munculnya beberapa pendekatan baru seperti Islam Hadhari serta mengutamakan sikap berbudi bahasa dan nilai-nilai murni dalam kehidupan harian. Sesungguhnya gandingan antara pembangunan fizikal dan amalan budi bahasa dan bermaruah merupakan gandingan yang luhur. Islam Hadhari bukanlah satu mazhab baru atau ajaran baru, sebaliknya ia adalah pendekatan untuk membangunkan ummah tanpa sedikit pun mengurangkan prinsip-prinsip asas ajaran Islam atau menjejaskan konsep kebebasan beragama di negara ini. Walaupun pendekatan secara ini memakan masa, kita harus yakin bahawa dengan pendekatan ini matlamat Wawasan 2020 akan kita capai dengan lebih bermakna lagi.*

*Ahli-Ahli Yang Berhormat,*

5. *Tahun 2005 merupakan tahun akhir pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan. Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan dibentang tidak lama lagi akan terus menekankan pembangunan ekonomi yang kukuh, berdaya tahan, adil dan saksama. Pengurusan kewangan sektor awam akan dilaksanakan secara berhemah dan berdisiplin. Perbelanjaan akan didasarkan kepada keberkesanan kos. Sehubungan ini, defisit Kerajaan akan dikurangkan secara berperingkat-peringkat.*

6. *Ekonomi negara kita bertambah kukuh. Kadar pertumbuhan bagi tahun 2004 melebihi sasaran 7 peratus. Rizab negara meningkat kepada RM273 bilion pada bulan Februari dan ia merupakan rizab yang tertinggi yang pernah dicapai, cukup untuk membiayai import selama 8 bulan. Perdagangan luar negara pada tahun lalu bernilai RM880 bilion merupakan paras tertinggi yang pernah direkodkan. Imbangan pembayaran negara juga terus kukuh di samping beroleh guna tenaga penuh dengan kadar inflasi yang rendah. Bagi tahun ini Beta menerima baik unjuran pertumbuhan ekonomi pada kadar 6 peratus. Perubahan secara menyeluruh telah dilakukan dengan menekankan beberapa strategi teras seperti menggalakkan pertumbuhan yang pesat dan pengeluaran produk-produk yang mempunyai nilai-tambah yang tinggi. Amalan-amalan seperti perbelanjaan secara berhemah, pembangunan sumber manusia serta penyelidikan dan pembangunan yang ditingkatkan*

akan membantu memantapkan pertumbuhan ekonomi negara kita. Di samping itu, peranan sektor swasta sebagai pemangkin ekonomi harus diutamakan. Syarikat-syarikat binaan wajar diingatkan supaya tidak terlalu bergantung kepada projek-projek prasarana di negara kita kerana sebahagian besarnya telah pun dilaksanakan. Sebaliknya syarikat-syarikat Malaysia perlu meneroka peluang-peluang kerja di luar negara dengan menyertai tender-tender di peringkat antarabangsa.

7. Walaupun ekonomi negara dan taraf hidup rakyat terus meningkat namun kita perlu sentiasa berwaspada terhadap cabaran-cabaran ekonomi global. Walaupun kita yakin dengan prospek pertumbuhan ekonomi negara, kita hendaklah bersedia menghadapi persaingan global yang semakin meningkat dari segi pelaburan dan pasaran antarabangsa. Bagi mencapai tujuan ini, kita hendaklah sentiasa mengambil peluang dan mengatasi cabaran-cabaran dengan menerokai idea-idea dan aktiviti-aktiviti baru yang boleh mewujudkan sumber-sumber pertumbuhan yang baru.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

8. Sektor komoditi seperti kelapa sawit, getah, kayu-kayan dan koko merupakan penyumbang besar kepada ekonomi negara yang menyumbang sebanyak 6 peratus pada Keluaran Dalam Negara Kasar. Namun kita masih belum menerokai sepenuhnya potensi sebahagiannya sebagai produk makanan. Untuk itu, Beta mengalu-alukan pembangunan sektor pertanian sebagai salah satu penjana pertumbuhan ekonomi negara. Dengan ini kita boleh menggunakan kelebihan bioteknologi pertanian. Dalam pada itu pertanian bertaraf kecil tidak diketepikan demi menjagaimbangan pendapatan antara penduduk luar bandar dan bandar supaya tidak begitu ketara.

9. Langkah mengubah kaedah pengeluaran pertanian tradisional kepada kaedah komersial yang maju akan membantu hasil pendapatan dan daya saing. Penekanan terhadap nilai-tambah pertanian di sepanjang pengeluaran pertanian amatlah wajar. Pelaburan swasta akan dipertingkat dan dijadikan pemangkin kepada sektor pengeluaran makanan yang moden dan berteknologi tinggi. Untuk mencapai matlamat ini, sistem penyampaian yang cekap berserta infrastruktur yang baik adalah diperlukan bagi meningkatkan produktiviti dan keberkesanan kos.

10. Pengusaha-pengusaha makanan dan produk halal Malaysia yang dipandang tinggi oleh negara-negara Islam hendaklah meningkatkan usaha mereka agar perniagaan penting ini terus mantap. Namun, Beta ingin mengingatkan supaya piawaian halal yang ditetapkan tidak menimbulkan keraguan sehingga boleh menjejaskan Malaysia sebagai pusat pengeluaran makanan halal dunia.

11. Beta berasa bangga kerana sistem kewangan Islam yang diamalkan di negara ini termasuk takaful diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa. Rancangan mengadakan pusat latihan kewangan Islam antarabangsa bagi melahirkan pakar-pakar kewangan Islam amatlah membanggakan. Ini selaras dengan hasrat Malaysia sebagai pusat perkhidmatan kewangan Islam antarabangsa.

12. Beralih kepada industri pelancongan pula, ia telah pulih berasaskan kunjungan 15 juta orang pelancong, iaitu melebihi kejayaan tahun-tahun sebelumnya. Memandangkan industri pelancongan memberi sumbangan yang penting kepada pertumbuhan ekonomi negara, usaha-usaha menambah daya tarikan unsur-unsur warisan, budaya dan masyarakat berbilang kaum, serta alam semula jadi wajar kita tingkatkan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

13. Dalam bidang teknologi dan inovasi juga, kita tidak harus ketinggalan. Malaysia memerlukan lebih ramai lagi pencipta dalam bidang teknologi dan tidak semata-mata menjadi pelanggan, pengguna atau pengikut sahaja. Sehubungan ini, aktiviti penyelidikan dan pembangunan akan disusun semula bagi memenuhi permintaan pasaran. Dasar Sains dan Teknologi Kedua sedang dikaji semula untuk meningkatkan agenda nasional dalam bidang penyelidikan dan pembangunan. Beta menyeru supaya sektor swasta bekerjasama rapat dengan Kerajaan sebagai rakan kongsi dalam memperdagangkan hasil-hasil penyelidikan.

14. Beta menerima baik penyediaan Pelan Induk Perindustrian Ketiga yang merangkumi tempoh 15 tahun dari tahun 2006 hingga tahun 2020. Pelan ini yang menggariskan dasar dan hala tuju perindustrian negara akan melahirkan pendekatan dan strategi bagi meningkatkan daya saing industri pembuatan dan perkhidmatan. Tumpuan utama ialah menjana sumber-sumber baru pertumbuhan ekonomi di samping membangunkan industri kecil dan sederhana.

15. Beta juga mengalu-alukan penyertaan yang seimbang dalam ekonomi di kalangan kumpulan etnik dan wilayah. Bagi membangunkan masyarakat yang seimbang dan saksama tidaklah wajar jika kaum Bumiputera dipinggirkan dari arus perdana pembangunan. Meningkatkan terus-menerus agenda membantu kaum Bumiputera adalah sesuatu yang hakiki kepada Kerajaan Beta. Ini termasuklah menyeimbangkan tahap pembangunan antara sesama Bumiputera sendiri. Untuk itu, perhatian khusus akan diberikan terhadap kumpulan pribumi di Sabah dan Sarawak. Bagi mencapai matlamat ini, program pemantauan dan penguatkuasaan dasar-dasar harus diperkukuhkan lagi.

16. Kerajaan Beta juga akan terus mempergiatkan usaha untuk membangunkan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera. Ke arah itu, tumpuan akan diberikan kepada program pembangunan vendor dan pengukuhan jaringan bagi memperluaskan lagi penyertaan Bumiputera sebagai pembekal kepada syarikat berkaitan Kerajaan dan syarikat multinasional. Program untuk memperkasakan usahawan Bumiputera akan dilaksanakan bagi menembusi pasaran antarabangsa. Usaha menjadikan koperasi sebagai sektor ketiga dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara juga akan dipergiatkan.

17. Perjuangan kita menurunkan kadar kemiskinan kepada kosong perpuluhan lima peratus hendaklah berterusan tanpa mengira kaum. Begitu juga dengan membasmi kemiskinan tegar melalui peluang-peluang pekerjaan, latihan kemahiran, peningkatan produktiviti, perubahan sikap dan sebagainya. Untuk mencapai matlamat ini, program-program berkesan untuk mengurangkan kemiskinan akan diperhebatkan. Program-program pembasmian kemiskinan kelolaan pelbagai agensi Kerajaan hendaklah diselaraskan bagi meningkatkan keberkesanan dan menghapuskan pertindihan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

18. Pertumbuhan tidak seimbang di kalangan wilayah dan antara bandar dan luar bandar perlu diatasi. Perhatian khusus hendaklah diberikan kepada pembangunan negeri yang kurang maju. Sehubungan ini usaha-usaha pengimbangan akan dilaksanakan secara meluas melalui pembangunan moden. Dari sudut ini, pelaksanaan pembangunan prasarana asas dan utiliti seperti bekalan air, elektrik, jalan kampung akan diteruskan terutamanya di Sabah, Sarawak dan kawasan-kawasan terpencil di Semenanjung. Tumpuan akan diberikan kepada capaian teknologi maklumat bagi penduduk luar bandar. Ini akan dicapai melalui Program Medan Infodesa yang tidak lagi menyisihkan rakyat luar bandar daripada arus perdana teknologi dan komunikasi maklumat. Ia juga sekali gus membantu memasarkan produk-produk tempatan melalui aplikasi "Titian Digital".

19. Untuk menyegerakan wujudnya masyarakat dan ekonomi yang berasaskan pengetahuan, Pelan Jalur Lebar Kebangsaan sedang dilaksanakan untuk meningkatkan infrastruktur komunikasi. Beta amat prihatin tentang mutu dan liputan perkhidmatan telekomunikasi yang tidak memuaskan di kawasan Koridor Raya Multimedia, bandar raya Kuala Lumpur dan luar bandar. Sehubungan ini syarikat-syarikat telekomunikasi hendaklah meningkatkan mutu dan liputan perkhidmatan telefon bersel di seluruh negara sebelum akhir tahun ini.

20. Untuk mengatasi masalah kenaikan harga minyak, Jawatankuasa Kabinet Untuk Mengkaji Impak Kenaikan Harga Produk Petroleum Ke

*Atas Ekonomi Negara telah ditubuhkan. Insya-Allah, langkah-langkah mengurangkan sifat terlalu bergantung kepada produk-produk petroleum akan dapat dicapai dengan meningkatkan kecekapan penggunaan sumber tenaga serta menggalakkan sumber-sumber tenaga alternatif.*

*Ahli-Ahli Yang Berhormat,*

*21. Dewan yang mulia ini telah pun meluluskan Rang Undang-Undang Pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan Kerajaan Persekutuan mengawal selia pengurusan bekalan air di peringkat negeri, kecuali di Sabah dan Sarawak. Ini akan memastikan pengurusan bekalan air dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan di samping kadar tarif air yang berpatutan bagi rakyat. Beta suka mengingatkan bahawa kerajaan-kerajaan negeri akan terus kekal dengan haknya berkaitan punca air.*

*22. Kita bersama menghargai Perkhidmatan Awam negara kerana melaksanakan pelbagai langkah dan pembaharuan yang meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian. Tanpa sumbangan dan komitmen mereka, negara kita tidak akan mencapai tahap pembangunan seperti kini. Walau bagaimanapun, anggota-anggota Perkhidmatan Awam janganlah mudah berpuas hati, sebaliknya hendaklah terus berusaha meningkatkan prestasi sehingga mencapai taraf dunia.*

*23. Sistem penyampaian Perkhidmatan Awam yang cekap dan berkesan adalah sangat penting bagi meningkatkan daya saing dan ketahanan ekonomi negara. Oleh itu, usaha Perkhidmatan Awam bagi mengurangkan kos mengendalikan perniagaan sedang dijalankan. Di bawah Strategi Pentadbiran Tanah yang baru dilaksanakan, 43 langkah telah diambil untuk memperkemaskan proses kerja di pejabat-pejabat tanah. Tunggakan pendaftaran tanah telah berjaya dikurangkan sebanyak 93 peratus manakala tunggakan permohonan hak milik strata menurun sebanyak 52 peratus. Mulai tahun ini, masalah kelewatan pengeluaran Sijil Layak Menduduki oleh pihak berkuasa tempatan akan diatasi melalui pengeluaran Sijil Penyiapan dan Pematuhan yang akan dikeluarkan oleh pihak profesional. Untuk meningkatkan lagi prestasi sistem penyampaian Perkhidmatan Awam, program Indikator Prestasi Utama yang dilaksanakan di syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan telah dipanjangkan pemakaiannya kepada jabatan-jabatan Kerajaan tertentu sebagai projek perintis.*

*24. Beta berbangga dengan pelbagai usaha mencegah rasuah yang sedang dijalankan sehingga ke akar umbi. Walaupun negara kita telah beroleh banyak kejayaan dalam usaha membanteras rasuah namun kita tidak harus berpuas hati. Jelaslah pendekatan punitif dan preventif yang diambil dalam memerangi rasuah telah berjaya. Di bawah pendekatan*

*punitif, langkah-langkah penguatkuasaan dan hukuman setimpal kepada perasuah yang disabitkan terus dilaksanakan. Manakala di bawah pendekatan pencegahan, Pelan Integriti Nasional telah digubal dan Institut Integriti Malaysia pula telah ditubuhkan bagi menyelaraskan pelaksanaan pelan tersebut. Indeks Persepsi Rasuah yang berlandaskan kriteria yang telus dan sesuai dengan budaya dan nilai-nilai murni akan digubal. Dalam usaha ini juga sektor swasta harus bekerjasama meningkatkan integriti dan kewajipan masing-masing untuk membasmi rasuah. Dalam konteks pengurusan korporat yang berwibawa, Kod Tadbir Korporat Malaysia akan meningkatkan kerjasama antara Badan Pencegah Rasuah dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.*

*Ahli-Ahli Yang Berhormat,*

*25. Cita-cita negara adalah mewujudkan sistem pelajaran yang bertaraf dunia. Dengan bermatlamatkan pendidikan di semua peringkat terus cemerlang, sistem pengurusan pendidikan telah disusun semula dengan menubuhkan Kementerian Pengajian Tinggi yang bertanggungjawab terhadap pendidikan tinggi dan Kementerian Pelajaran yang bertanggungjawab terhadap pendidikan dari peringkat pra-sekolah hingga ke peringkat pra-universiti. Beta gembira dengan matlamat Kerajaan Beta untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau dan global. Usaha murni ini akan memantapkan semua program untuk meningkatkan akses, ekuiti dan kualiti pendidikan kepada rakyat. Beta menyeru semua pihak khususnya institusi pendidikan tinggi awam dan swasta supaya berganding bahu untuk menjayakan hasrat Kerajaan Beta ini. Beta penuh yakin pembangunan sumber manusia yang berilmu, berpendidikan tinggi, terlatih, berbudi pekerti dan mulia, merupakan asas kepada kemajuan dan keutuhan negara.*

*26. Persaingan global memerlukan kita melihat semula fokus dalam bidang pendidikan. Justeru, usaha-usaha untuk memperkasa sekolah kebangsaan yang merupakan tunjang kepada sistem pelajaran negara perlu diperhebatkan. Selain itu, Kerajaan Beta perlu memastikan jurang antara luar bandar dan bandar dirapatkan agar generasi muda negara ini dapat dipersiapkan untuk bersaing dengan bangsa lain di dunia. Kerajaan Beta juga perlu memberi keutamaan kepada pendidikan holistik agar pelajar yang mempunyai ciri peribadi unggul dapat dilahirkan dan ini akan dilaksanakan melalui pemantapan aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Bagi melahirkan pelajar cemerlang, usaha-usaha untuk melahirkan guru yang cemerlang juga perlu dipertingkatkan. Beta bangga dengan komitmen yang ditunjukkan oleh Kerajaan Beta untuk memartabatkan profesion perguruan terutamanya dari segi penumpuan kepada memantapkan aspek pemilihan bakal guru dan latihan keguruan.*

27. Beta berbangga kerana Program Latihan Khidmat Negara yang pertama kali diperkenalkan pada tahun 2004 telah berjaya melatih seramai lebih 69,000 orang remaja yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Pada tahun ini jumlah yang akan dilatih akan meningkat kepada 85,000 orang. Golongan remaja yang mengikuti program ini telah didedahkan dengan program-program yang berunsurkan perpaduan, kenegaraan, patriotisme, budi bahasa, nilai-nilai murni serta aspek-aspek ketahanan mental dan fizikal. Beta berharap program ini akan dapat meningkatkan semangat cintakan negara dan perpaduan di kalangan remaja.

28. Kepelbagaian kaum, agama dan budaya yang terdapat di negara ini merupakan satu kekuatan bagi negara. Namun untuk mewujudkan perpaduan di kalangan masyarakat pelbagai kaum, agama dan budaya bukanlah perkara mudah. Sehubungan ini Kerajaan akan melaksana dan mempertingkatkan program-program yang berupaya mengukuhkan serta memupuk perpaduan kaum, mewujudkan masyarakat penyayang, dan menghindarkan pertelingkahan antara kaum. Dalam perkara ini, kerjasama antara kementerian-kementerian yang bertanggung jawab tentang pelajaran, budaya, belia dan kebajikan kemasyarakatan amatlah penting. Di samping itu Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara telah ditubuhkan bagi membincangkan isu-isu perpaduan kaum dan integrasi nasional dalam konteks pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

29. Beta sedar betapa pentingnya institusi keluarga sebagai asas utama kepada kestabilan dan kesejahteraan sosial serta pembentukan masyarakat penyayang. Dasar Keluarga Negara yang bertujuan membangunkan keluarga sejahtera dan cemerlang di samping mengamalkan nilai-nilai murni akan dilaksanakan pada tahun ini. Tumpuan akan diberikan kepada aspek pengasuhan dan perkembangan awal kanak-kanak bagi memastikan kanak-kanak mendapat asuhan dan didikan awal yang sesuai dengan perkembangan diri masing-masing dari segi jasmani dan rohani. Selaras dengan usaha memantapkan institusi keluarga ini, tumpuan akan terus diberikan kepada golongan wanita. Dalam hubungan ini, Kerajaan Beta sedang mengkaji semula Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita bagi memantap dan memperkemas lagi dasar dan strategi pembangunan wanita agar sesuai dengan perubahan persekitaran dan keperluan semasa.

30. Kerajaan Beta sedar bahawa usaha memantapkan institusi keluarga yang menjadi landasan kepada pembentukan masyarakat sejahtera akan terjejas sekiranya masalah sosial tidak dibendung.



*Dengan itu, di bawah Dasar Sosial Negara, Kerajaan Beta telah mengenal pasti tiga kumpulan sasaran yang perlu diberi perhatian utama dalam pelaksanaan program-program pembangunan masyarakat, iaitu kanak-kanak, remaja dan belia yang bakal memimpin negara di masa hadapan. Ke arah ini, program-program pendidikan, kesedaran dan penerapan nilai-nilai murni akan terus diberi penekanan.*

*31. Beta gembira kerana Laporan Kualiti Hidup Malaysia 2004 menunjukkan bahawa indeks kualiti hidup rakyat telah meningkat daripada 100 mata pada tahun 1990 kepada hampir 110 mata pada tahun 2002. Ini adalah hasil usaha gigih Kerajaan Beta menyediakan pelbagai kemudahan untuk rakyat termasuk pendidikan, kesihatan, pengangkutan dan perhubungan. Namun begitu, indeks alam sekitar dan keselamatan awam menunjukkan trend menurun. Indeks alam sekitar menurun akibat penurunan kualiti udara dan air, manakala indeks keselamatan awam pula menurun akibat peningkatan kadar jenayah dan kemalangan jalan raya. Usaha-usaha gigih hendaklah diambil bagi meningkatkan kualiti kedua-dua bidang ini agar kualiti hidup rakyat bertambah baik.*

*32. Beta memandang serius kemalangan jalan raya yang terus berlaku. Penubuhan Jabatan Keselamatan Jalan Raya di bawah Kementerian Pengangkutan menunjukkan kesungguhan kita bagi menangani isu ini. Melalui pendidikan, penguatkuasaan dan kejuruteraan adalah diharapkan risiko kemalangan jalan raya khususnya kematian akan berkurangan. Budi bahasa di jalan raya harus diamalkan. Adalah diharapkan melalui usaha-usaha ini, sasaran untuk menurunkan indeks kematian jalan raya daripada 4.9 bagi setiap 10,000 kenderaan berdaftar pada tahun 2003 kepada 2 kematian bagi setiap 10,000 kenderaan berdaftar pada tahun 2020 akan tercapai.*

*33. Bagi melahirkan atlet negara bertaraf dunia, Kerajaan Beta telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan yang dipengerusikan oleh Mamanda Timbalan Perdana Menteri. Dengan penekanan utama terhadap badminton, bola sepak, renang, gimnastik, hoki, olahraga dan skuasy adalah diharapkan mutu sukan negara akan dapat dipertingkatkan. Atlet negara yang memenangi pingat emas, perak atau gangsa pada Sukan Olimpik akan diberi pencen bagi menghargai sumbangan mereka mengharumkan negara.*

*34. Negara kita mempunyai rakyat yang terdiri daripada berbilang kaum yang bebas mengamalkan kepercayaan agama dan adat resam masing-masing serta mempunyai nilai, budaya dan warisan tersendiri. Beta berbangga dengan kesedaran bahawa tenaga manusia kita sedang diasuh semula untuk bersopan santun dan berbudaya. Bagaimana kita berbangga dengan kemajuan fizikal, begitulah juga hendaknya kemajuan kita di bidang asuhan sahsiah dan maruah diri. Tentunya aktiviti-aktiviti*

*seperti merakyatkan seni, kempen budi bahasa dan amalan nilai-nilai murni serta pembudayaan bahasa akan memberi kesan yang positif kepada rakyat. Penyertaan rakyat berbilang kaum di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan adalah penting bagi menjana pembentukan bangsa Malaysia yang berasaskan Rukun Negara.*

*Ahli-Ahli Yang Berhormat,*

*35. Beta amat prihatin mengenai bilangan pekerja asing yang besar jumlahnya di negara kita. Langkah-langkah harus diambil supaya kita tidak terlalu bergantung kepada mereka dalam pelbagai bidang. Kita harus melatih rakyat Malaysia untuk berdikari. Ini boleh dilakukan melalui peningkatan automasi dalam proses kerja serta menarik minat rakyat tempatan untuk bekerja di sektor-sektor yang selama ini dilakukan oleh pekerja asing. Langkah-langkah mengatasi masalah pendatang asing tanpa izin tentu akan lebih berkesan dengan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu yang melibatkan pelbagai agensi penguatkuasaan.*

*36. Beta berbangga kerana di bawah kepimpinan Mamanda Beta, negara kita terus dihormati di peringkat antarabangsa. Kita akan terus menerajui proses integrasi ekonomi ASEAN bagi memastikan tercapainya matlamat penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN menjelang tahun 2020. Sebagai Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam dan Pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali, Malaysia akan terus berusaha mencapai kesepakatan sejagat dalam mencari perdamaian kepada konflik Asia Barat. Malaysia akan terus berperanan aktif dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu serta proses rundingan pelbagai hala di bawah Agenda Pembangunan Doha, Pertubuhan Perdagangan Dunia.*

*Ahli-Ahli Yang Berhormat,*

*37. Beta menghargai khidmat Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia. Lantaran penghargaan ini, Kerajaan telah meningkatkan gaji dan elaun-elaun tertentu. Adalah diharapkan melalui usaha-usaha ini, perkhidmatan keselamatan kita akan melahirkan khidmat yang lebih cemerlang.*

*Akhirnya, Beta menyeru Ahli-Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat sekalian supaya meneruskan khidmat cemerlang melalui budi pekerti yang tinggi. Sebagai pemegang peranan contoh di mata rakyat, Ahli-Ahli Yang Berhormat hendaklah terus membela nasib rakyat dengan jujur dan ikhlas. Jalankanlah tugas, kewajipan dan tanggungjawab dengan penuh hemah dan amanah demi kepentingan rakyat dan negara.*

**Wabillahi Taufiq Walhidayah,  
Wassalamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.**

3 Mei 2005

*AHLI-AHLI DEWAN NEGARA*

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid  
Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Ir. Wong Foon Meng (Dilantik)

" Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Dato' Seri Nor Mohamed bin Yakcop  
(Dilantik)

" Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman (Dilantik)

" Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)

" Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk (Dilantik)

" Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)

" Dato' Benedict Bujang Tembak (Sarawak)

" Puan Hajah Che Jam binti Harun (Dilantik)

" Tuan Chiam Yong Tee (Perak)

" Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)

" Datin Chong Set Mui (Dilantik)

" Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)

" Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)

" Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae (Dilantik)

" Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad (Dilantik)

" Puan Halimah binti Hamzah (Pahang)

" Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)

" Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)

" Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)

" Tuan Hii Tiong Kuoh (Dilantik)

" Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak (Selangor)

" Tuan Ismail bin Kasim (Dilantik)

" Datin Paduka Jaya Partiban (Dilantik)

- 
- " Datuk Kalakau bin Untol (Sabah)
  - " Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
  - " Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
  - " Tuan Lee Sing Chooi (W. Persekutuan)
  - " Dato' Seri Lim Sing @ Lam Kam Sang (Pahang)
  - " Puan Mariah binti Haji Abdullah (Perlis)
  - " Datuk Jins Shamsudin (Dilantik)
  - " Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad (Dilantik)
  - " Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)
  - " Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
  - " Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
  - " Tuan M. Krishnan (Dilantik)
  - " Datuk M. Ratnam (Dilantik)
  - " Tuan M. Saravanan (Dilantik)
  - " Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
  - " Datuk Nor Azah binti Awin (Wilayah Persekutuan)
  - " Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
  - " Dato' Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
  - " Puan Ooi Siew Kim (Dilantik)
  - " Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
  - " Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe (Melaka)
  - " Datin Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
  - " Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
  - " Dato' Rhina Bhar (Dilantik)
  - " Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
  - " Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
  - " Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain
  - " Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
  - " Puan Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)

- " Dato' Dr. S. Vijayaratnam (Dilantik)
- " Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
- " Puan Siw Chun a/p Eam (Dilantik)
- " Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- " Tuan Tan Bon You (Dilantik)
- " Tuan Tan Cheng Tee (Negeri Sembilan)
- " Tuan Tay Puay Chuan (Johor)
- " Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
- " Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
- " Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan)
- " Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam (Selangor)
- " Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)